

Bil. 12

**Rabu
28 Jun 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN** [Ruangan 1]

**USUL MENANGGUHKAN RANG UNDANG-UNDANG
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62** [Ruangan 17]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan
(1994 dan 1995) 1995

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Maksud B. 28, B. 30, B. 31, B. 32 dan B. 33 [Ruangan 17]

Maksud B. 34 [Ruangan 25]

Maksud B. 36, B. 37 dan B. 40 [Ruangan 32]

Maksud B. 42 [Ruangan 51]

Maksud B. 43 [Ruangan 60]

Maksud B. 47 [Ruangan 69]

Maksud B. 52 [Ruangan 79]

Jadual Kedua:

Maksud B. 29 [Ruangan 17]

Maksud B. 34 [Ruangan 25]

Maksud B. 36 [Ruangan 32]

Maksud B. 44 [Ruangan 64]

Maksud B. 52 [Ruangan 79]

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1995 [Ruangan 92]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994

Jawatankuasa:

Maksud P. 28 [Ruangan 17]

Maksud P. 34 [Ruangan 25]

Maksud P. 43 [Ruangan 60]

Maksud P. 47 [Ruangan 69]

Maksud P. 49 [Ruangan 76]

Maksud P. 54 [Ruangan 89]

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1995

Jawatankuasa:

Maksud P. 28 [Ruangan 17]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 50]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K., (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).

- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alot Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- „ TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM (Seremban).

Yang Berhormat TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).

- „ TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- „ DR G. LEELAVATHI (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR MAXIMUS JOHNITY ONGKILI (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

- .. TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' HAJI MOHD ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- .. TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- .. TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- .. TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- .. DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- .. DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- .. TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Bagan).
- .. TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- .. TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- .. DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- .. DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- .. TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- .. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- .. PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- .. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- .. TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- .. DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- .. DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- .. PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- .. DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- .. DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- .. PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- .. DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- .. DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- .. DR TAN KEE KWONG (Segambut).

Yang Berhormat TUAN TAN KOK WAI (Cheras).

- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR TAN YEE KEW (Kelang).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- „ DR YAP YIT THONG (Lumut).
- „ DR YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat	: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	: Said bin Sidik.
Pemangku Ketua Penolong Setiausaha	: Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan	: Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pelapor Perbahasan Parlimen	: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop. Haji Suhor bin Husin.
	: Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Ismail bin Haji Hassan. Hajah Kalsom binti Ghazali. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 28hb Jun, 1995

*Mesyuarat dimulakan pada
pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEMERIKSAAN KENDERAAN
PERDAGANGAN — BILANGAN
STESEN

1. Tuan Yunus bin Rahmat minta
Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kutipan hasil pemeriksaan kenderaan perdagangan yang diperolehi oleh pihak DRB semenjak penswastan dilaksanakan mulai bulan September 1994 hingga April, 1995;
- (b) sejauh manakah keberkesanan kualiti pemeriksaan kenderaan perdagangan telah tercapai semenjak penswastan dilaksanakan; dan
- (c) berapakah bilangan stesen pemeriksaan yang telah dan akan dibina oleh pihak DRB dan taburannya mengikut negeri-negeri di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi kutipan hasil pemeriksaan pihak DRB telah mengutip sebanyak RM14,030,005.50 sen.

(b) Pemeriksaan yang dijalankan secara berkomputer dan automatic adalah didapati lebih berkesan berbanding dengan pemeriksaan secara manual. Setakat ini pihak DRB belum menerima apa-apa rungutan berhubung dengan ketidakpuasan hati tuan-tuan punya kenderaan yang menghantar kenderaan mereka bagi tujuan pemeriksaan.

(c) Setakat ini pusat pemeriksaan yang telah siap dibina dan beroperasi dengan menggunakan sistem komputer adalah sebanyak 4 buah iaitu di Padang Jawa, Selangor; Wangsa Maju, Wilayah Persekutuan; Mak Mandin, Pulau Pinang dan Chendering, Terengganu. Pusat-pusat pemeriksaan yang sedang dalam pembinaan adalah seperti berikut:

Perlis (Arau)	— 1
Kedah (Sungai Petani)	— 1
Pahang (Kuantan)	— 1

Manakala pusat-pusat yang akan dibina adalah seperti berikut:

Pulau Pinang	— 1
Perak	— 3
Selangor	— 2
Wilayah Persekutuan	— 1
Negeri Sembilan	— 1
Melaka	— 1
Pahang	— 1
Terengganu	— 1
Kelantan	— 2
Sarawak	— 3
Sabah	— 3
Kedah	— 1

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha penswastaan ini bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu apakah hasil yang diperolehi oleh kerajaan? Kedua, berapa lamakah had masa yang diberikan kepada DRB dalam usaha penswastaan ini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Larut, mengikut surat perjanjian yang ditandatangani di antara DRB dan pihak kerajaan, konsesi yang diberikan kepada pihak DRB adalah selama 15 tahun. Selepas 15 tahun ini pihak kerajaan berhak untuk menawar kepada mana-mana pihak yang dianggap sesuai untuk mengendalikan kerja-kerja pemeriksaan kenderaan. Dari segi pulangan pula, Tuan Yang di-Pertua, mengikut surat perjanjian pada tahun pertama 87.5% dari semua hasil bayaran pemeriksaan akan diberikan kepada kerajaan dan bakinya 12.5% adalah untuk syarikat DRB. Tetapi pada tahun-tahun berikutnya syarikat DRB akan menerima sebanyak 87.5% dan bakinya kerajaan akan mendapat 12.5%.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu kepada Dewan yang mulia ini tentang bayaran atau caj yang dikenakan kepada setiap jenis kenderaan dan sama ada kerajaan berhasrat untuk menurunkan kadar bayaran yang dikenakan itu.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang selepas tugas-tugas pemeriksaan kenderaan perdagangan ini diswastakan sekarang, pemeriksaan kenderaan perdagangan akan dibuat melalui dua cara. Cara yang pertama

adalah cara manual yang mana sebelum penswastaan dahulu JPJ yang menjalankan pemeriksaan dan selepas penswastaan memang hasrat kerajaan supaya segala pemeriksaan dibuat dengan cara berkomputer (automatic). Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, bagi pusat-pusat sekarang walaupun dikendalikan oleh DRB yang masih belum berkomputer, caj-caj yang dikenakan ke atas jenis-jenis kenderaan adalah seperti mana sebelum penswastaan dilaksanakan.

Bagi pusat-pusat berkomputer, ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini bagi pemeriksaan lori, pemeriksaan awal iaitu di pusat-pusat berkomputer; pemeriksaan awal adalah RM40 sebuah lori dan pemeriksaan berkala adalah RM20. Bagi trailer, pemeriksaan awal adalah RM80 dan pemeriksaan berkala adalah RM60. Memang tidak dapat dinafikan caj-caj yang dikenakan di pusat berkomputer dari segi pemeriksaan kenderaan adalah tinggi sedikit. Tetapi saya percaya kadar-kadar ini adalah murah lagi memandangkan pemeriksaan dijalankan dengan cara perkomputeran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

(Soalan No. 2 — Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili.

(Soalan No. 3 — Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili tidak hadir)

SKIM PERKHIDMATAN GURU — KAJIAN SEMULA

4. Tuan Chang Kon You minta Menteri Pendidikan menyatakan satu masalah dalam bidang pendidikan ialah kekurangan guru-guru. Di antara sebab-sebabnya ialah gaji dan skim perkhidmatan yang kurang menarik. Memandangkan ini, adakah kementerian sedia mengkaji semula skim perkhidmatan guru-guru sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang mengambil tindakan untuk mengkaji kemungkinan taraf guru-guru lepasan maktab dinaikkan daripada sijil kepada diploma. Dengan kenaikan taraf ini, gaji permulaan mereka akan bertambah dan skim perkhidmatan mereka akan menjadi lebih menarik.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian mendapati bahawa Sistem Saraan Baru benar-benar sesuai kepada guru-guru?

Atau adakah pihak guru-guru pernah menyampaikan 'representation', dengan izin, mereka mengenai Sistem Saraan Baru dan dengan profesion mereka yang mereka dapati agak sukar? Soalan ini saya tanyakan kerana banyak rungutan-rungutan di peringkat bawahan mengatakan bahawa SSB ini amat membebankan kepada kaum guru.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah saya ucapkan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. Sebenarnya, Kementerian Pendidikan selalu dan pernah menerima cadangan-cadangan

dan rayuan-rayuan daripada pihak guru-guru khasnya daripada pihak persatuan guru-guru berkaitan dengan aspek-aspek SSB yang mereka rasa perlulah diperbaiki dan diubahsuai.

Kementerian Pendidikan sedang mengkaji memorandum-memorandum mereka dan kita akan mengambil tindakan sewajarnya selepas pertimbangan memorandum-memorandum dan rayuan tersebut.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah kekurangan guru ialah masalah yang sering diperkatakan sejak 10 tahun yang lalu dan akan terus diperkatakan sampai bila-bila. Sehingga kini, negara sebenarnya menghadapi kekurangan guru lebih kurang 17,000 orang. Dan dalam masa yang sama kini terdapat 10,000 orang guru-guru sementara sedang mengajar anak-anak kita di sekolah-sekolah. Dalam masa yang sama juga pada tahun lepas, ada kira-kira 65,000 orang permohonan untuk mendapat tempat di maktab-maktab perguruan yang hanya dapat menempatkan kira-kira 12,000 orang sahaja.

Persoalannya ialah, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru ini agar ianya tidak menjadi masalah yang berlarutan.

Yang kedua, apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil selain daripada menambah maktab-maktab perguruan misalnya mewujudkan kembali pusat-pusat latihan perguruan harian seperti 15 tahun yang lalu di daerah-daerah ataupun seperti menswastakan institusi-institusi pendidikan guru, maktab-maktab perguruan seperti mana sekolah-sekolah jururawat dan sebagainya.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan peka tentang masalah kekurangan guru. Sebenarnya, pada zaman kemakmuran ekonomi, kebanyakan sektor-sektor awam menghadapi kekurangan tenaga manusia. Namun demikian, oleh kerana bidang pendidikan melibatkan masa depan anak-anak kita, jadi masalah kekurangan guru ini merupakan satu isu yang Kementerian Pendidikan selalunya mengambil perhatian yang hebat untuk mencari penyelesaian. Antara rancangan-rancangan yang Kementerian Pendidikan telah melaksanakan ialah program untuk memperluaskan bilangan yang kita ambil untuk maktab perguruan dan juga untuk melicinkan proses di mana kita membenarkan guru-guru yang bersara terus berkhidmat dengan kementerian di sekolah-sekolah.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani tentang mengadakan semula Kursus Dalam Cuti (KDC) untuk menambah dan untuk menggalakkan lebih ramai pemuda pemudi memasuki bidang perguruan itu merupakan satu cadangan yang bagus. Kementerian Pendidikan akan mengkaji tentang kemungkinan kita mengadakan skim tersebut untuk mengatasi masalah kekurangan guru.

PERINDUSTRIAN NEGARA — STRATEGI

5. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah strategi Malaysia untuk menyambur peluang memesatkan pembangunan perindustrian di negara ini apabila Singapura menikmati status Negara Maju mulai tahun depan. Apakah pula langkah yang

dijalankan untuk mengelakkan supaya jenis-jenis industri yang mungkin berpindah ke Malaysia kelak tidak berupa industri yang berasaskan intensif buruh.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya struktur industri Malaysia terbahagi kepada industri conventional, industri kecil dan sederhana dan industri berteknologi tinggi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, contoh industri conventional adalah seperti industri tekstil dan industri berasaskan pertanian dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, untuk membangun industri negara ini di masa hadapan sememangnya menjadi keutamaan dan tumpuan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menggalakkan negara-negara maju melaburkan dalam industri pembuatan berteknologi tinggi dan industri yang tidak berintensifkan buruh serta tidak mencemarkan alam sekitar.

Dasar ini tidak mengasing atau membeza-bezakan di antara negara-negara tertentu, seumpamanya negara jiran seperti Singapura. Di samping itu, kerajaan juga menggalakkan industri-industri yang sedia ada yang berintensifkan buruh untuk merebut peluang-peluang yang disediakan melalui kawasan-kawasan pertumbuhan segi tiga supaya memindah kilang-kilang pembuatan pengeluaran mereka ke kawasan pertumbuhan segi tiga Indonesia/Malaysia/Singapura dan kawasan pertumbuhan segi tiga Indonesia/Malaysia/Thailand serta kawasan pertumbuhan Asian Timur/Brunei/Indonesia dan Malaysia/Philippines.

Tuan Yang di-Pertua, mulai 20hb Oktober, 1994 sebanyak 10 sektor industri berteknologi tinggi telah disenaraikan sebagai sektor-sektor industri yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Industri tersebut ialah industri elektronik terkini, kelengkapan sistem peralatan bioteknologi, automasi dan sistem pengilangan fleksibel, optik elektro dan optik bukan linear, bahan terkini, optik elektronik, kejuruteraan perisian, sumber tenaga lain dan ruang angkasa.

Industri-industri ini berasaskan, dengan izin, knowledge based, yang memerlukan daya kreativiti dan inovatif serta tahap kemahiran yang tinggi.

Justeru itu, kehadiran industri ini sangat memberi faedah kepada negara dan rakyat negara ini mendapatkan pengetahuan dan kemahiran, dengan izin, secara hands on, dalam industri ini. Dan seterusnya berupaya menyerap serta mengasimilasikan teknologi yang lebih tinggi dan canggih.

Tuan Yang di-Pertua, di antara insentif yang disediakan khusus untuk industri berteknologi tinggi ialah:

- (i) pengecualian cukai 100% terhadap pendapatan berkanun bagi tempoh selama 5 tahun; atau
- (ii) elaun cukai pelaburan sebanyak 60% terhadap perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun penilaian tanpa sebarang sekatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan mengenai pelaburan pelabur-pelabur asing ke Malaysia pada tahun 1994, Singapura merupakan pelabur asing yang keempat terbesar di negara ini selepas Taiwan, Jepun dan Amerika Syarikat. Berbanding dengan jumlah pelaburan asing ke Malaysia pada tahun yang sama yang berjumlah RM11.2 bilion, pelaburan Singapura menyumbang sebanyak 9.47%.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, aliran pelaburan Singapura ke Malaysia dalam industri pembuatan pada tahun 1994 meningkat sebanyak RM1.06 bilion atau 579% berbanding pelaburan dalam tahun 1986 yang berjumlah sebanyak RM0.18 bilion sahaja. Pertumbuhan ini adalah sangat memberangsangkan. Dari segi jumlah pelaburan dan bilangan industri pembuatan pula, negeri Johor, Selangor dan Pulau Pinang adalah tumpuan utama para pelabur Singapura pada tahun 1986 hingga April, 1995.

Industri pembuatan dalam sektor elektronok dan elektrik, makanan, tekstil, barangan getah dan barangan logam adalah menjadi minat dan tumpuan para pelabur Singapura tersebut. Sejak tahun 1986 hingga April, 1995 sejumlah 1,260 projek telah dilaburkan oleh Singapura di negara ini. Dari jumlah itu 792 projek adalah usaha sama dengan pelabur tempatan dan 468 projek adalah milik penuh pelabur Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar kerajaan tidak membenarkan pelabur-pelabur untuk melaburkan industri pembuatan yang mencemarkan alam sekitar. Faktor perlindungan alam sekitar sentiasa diberi pertimbangan

saksama oleh kerajaan dalam meluluskan satu-satu cadangan pelaburan dalam sektor industri pembuatan. Setiap projek pelaburan akan melalui proses kajian kesan alam sekitar atau penilaian kesesuaian tapak. Oleh itu hanya industri yang serasi dengan alam sekitar atau dengan izin, environmentally friendly industry yang digalakkan dan dibenarkan.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya ingat jawapan itu sudah cukup detail, tidak payahlah sebarang soalan tambahan. *(Ketawa)*

PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN — KEJAYAAN

6. Tuan Hashim bin Ismail minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah kejayaan Skim PPRT mengenai matlamatnya setakat ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) telah dilaksanakan oleh kerajaan semenjak tahun 1989. Dengan pelaksanaan program ini, kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan golongan termiskin dari 4 % dalam tahun 1990 kepada 3% dalam tahun 1993. Kadar ini dijangka akan terus menurun kepada 0.8% dalam tahun 2000. Dengan wujudnya program ini, keluarga-keluarga yang dianggap sebagai termiskin telah didaftarkan dalam Daftar

Asas Keluarga Termiskin. Pelbagai jenis program dan bantuan untuk keperluan seisi keluarga dengan tujuan supaya bantuan ini dapat meningkatkan pendapatan keluarga serta mutu kehidupan mereka telah disediakan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di samping kita memberi bantuan PPRT seperti rumah, ASB dan sebagainya, adakah dari segi jihad membasmi kemiskinan, seperti Yang Berhormat katakan tadi, kerajaan akan memberi bantuan dari segi membina ekonomi — maknanya memberi bantuan dalam bentuk perniagaan supaya mereka ini dapat berniaga dan daripada keuntungan perniagaan ini akan menebus tahap kemiskinan mereka ini.

Jadi, adakah kementerian bercadang untuk menggunakan skim Bantuan Pinjaman Perniagaan kepada orang-orang yang termiskin ini? Adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi bantuan rumah PPRT ini kerana hari ini, dengan harga RM3,000, dengan kayu yang begitu mahal pada hari ini, dengan masalah harga barang yang mahal ini, rumah berharga RM3,000 ini agak tidak sesuai untuk didiami oleh orang miskin yang berkeluarga. Kalau yang 'bachelor' — okay, tetapi yang sudah berumah tangga, ada anak-bini, cukup susah, hendak tidur pun tidak boleh — kadang-kadang, kerana ramai. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menambah daripada RM3,000 ke-RM5,000 untuk rumah bantuan orang miskin ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya beri jawapan kepada soalan yang kedua dahulu. Dalam Dewan ini saya telah memberi jawapan bahawa pada masa kini kementerian tidak mempunyai satu rancangan, walau bagaimanapun, saya akan membawa perkara ini kepada perhatian Dato' Menteri dan kita akan timbang semula had bantuan untuk mendirikan rumah keluarga termiskin. *(Sorak)*

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, strategi kerajaan ialah untuk meninggikan taraf ekonomi keluarga termiskin. Kita ada rancangan-rancangan yang tertentu, tetapi kita tidak ada suatu rancangan untuk memberi pinjaman, tidak — kita hendak ubah sikap dan memberi peluang kepada keluarga termiskin untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di mana mereka boleh meningkatkan pendapatan mereka. Oleh sebab itu jangan bimbang, ada aktiviti-aktiviti, hanya kita hendak menukarkan sikap golongan itu. Itu yang mustahak. Jika tuan-tuan sebagai Wakil Rakyat boleh memainkan peranan dalam mengubah sikap rakyat termiskin, saya ingat kita boleh capai tujuan kita untuk mengurangkan keluarga termiskin kepada 0.8%.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Yang Berhormat sedar, sekarang ini masih terdapat bantuan-bantuan PPRT daripada berbagai-bagai agensi kerajaan di peringkat daerah yang kurang diselaraskan, yang mana agensi-agensi kerajaan ini, mereka memberi bantuan terus kepada pihak-pihak yang berkenaan tanpa melalui satu jawatan-kuasa khas di peringkat daerah. Apakah langkah-langkah yang kerajaan akan ambil untuk mengatasi masalah ini supaya bantuan ini dapat diselaraskan dan mencapai ke matlamatnya.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sedar kejadian ini dan pada masa kini kita buat satu kajian terperinci macam mana kita dapat salurkan bantuan-bantuan ini kepada kumpulan-kumpulan sasaran.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa untuk mengatasi masalah kemiskinan ini adalah untuk menukar sikap kepada mereka yang berada dalam golongan yang termiskin. Soalan saya ialah adakah Kementerian Yang Berhormat sedar bahawa memberi janji-janji yang tidak boleh ditunaikan, membuat rakyat terlalu terpengaruh untuk mengharapkan bantuan semata-mata dan dengan keadaan yang sedemikian, dasar itu adalah bertentangan dengan kerajaan sendiri.

Jadi, soalan saya, adakah janji-janji itu hanya dilakukan semata-mata untuk mengaburi mata rakyat? *(Tepuk)*

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya ataupun Menteri saya tidak ada memberi apa-apa janji, apa itu janji? Janji itu umum, lagi pun soalan itu dengan niat yang tidak 'suci'.

Tuan Yunof Edward Maringking: Yang Berhormat, di Sabah dalam tahun 1994, ada janji Sabah baru — jadi, di mana janji itu, belum ditunaikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, soalan Nombor 6 ini adalah berkaitan dengan skim PPRT bukan janji menyeluruh. *(Ketawa)* Tidak apalah. Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya.

**PASPORT ANTARABANGSA
MALAYSIA — JUMLAH
KEHILANGAN**

7. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang yang kehilangan pasport di kawasan Limbang, Sarawak dan berapakah jumlah permohonan gantian pasport serta sebab pemerosesan yang lambat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1984 hingga April 1995, 51 orang pemegang Pasport Antarabangsa Malaysia telah melaporkan kehilangan pasport mereka di Pejabat Imigresen Limbang, Sarawak dan permohonan mendapatkan pasport gantian.

Lazimnya tempoh untuk mendapat pasport gantian sepatutnya tidak memakan masa yang lama, kecuali bagi kes kehilangan yang dikenal pasti akibat kecuai di mana pengeluaran pasport gantian akan ditangguh selama dua tahun pada kali yang pertama.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada daripada jumlah kehilangan pasport di kawasan Limbang terdapat sebab-sebab tertentu di mana pasport ini hilang? Apakah sebab utama laporan dibuat kerana ada yang hilang di luar negeri dan ada dibakar. Memandangkan keadaan sedemikian, kita mesti tetapkan sebab mengapa laporan ini dibuat bukan sahaja di kawasan Limbang tetapi di kawasan lain? Bolehkah kelonggaran diberikan kalau pasport yang hilang ini disebabkan oleh sebab-sebab tertentu yang bukan salah pemegang pasport, bolehkah ia dipulangkan dengan cepat dan tidak ditahan terlalu lama?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika terdapat banyak sangat laporan kehilangan pasport terutamanya sebelum peraturan baru ini ditetapkan sebanyak sehingga 10,000 lebih laporan kehilangan telah disampaikan dalam beberapa tahun dan selepas disiasat, didapati kebanyakan kes kehilangan pasport yang dilaporkan di seluruh negara itu adalah sebab kecuai-an, kelalaian. Mereka tidak simpan pasport dengan baik ataupun pasport itu diberi kepada orang dengan senang-senang untuk urusan macam-macam. Jadi, pasport itu seolah-olah macam satu dokumen yang tidak berharga ataupun tidak begitu penting.

Oleh sebab itu, Jabatan Imigresen telah menetapkan satu peraturan yang telah disemak semula oleh Kementerian Dalam Negeri bahawa mulai tahun lepas sampai sekarang dan seterusnya, kehilangan pasport itu akan dibahagi kepada selepas siasatan ditentukan sama ada dia cuai, sengaja ataupun tidak disengajakan. Bagi kes-kes yang tidak disengajakan seperti kehilangan kerana malapetaka, rompakan, kecurian maknanya di luar kawalan daripada pemegang, maka selepas siasatan terbukti benar, maka pasport itu akan diganti dengan sertamertalah. Tetapi siasatan itu bukan si pengadu yang beritahu, pihak Imigresen dan polis yang akan tentukan.

Bagi kes yang cuai dan sengaja, memang kita tangguh sampai satu tempoh, baru dapat diganti. Ini sebagai satu hukuman supaya semua berhati-hati untuk menyimpan pasport dengan baik. Ini untuk seluruh negara.

**INSTITUT ERA BARU —
PERTIMBANGAN KELULUSAN**

8. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada akan memberi pertimbangan untuk meluluskan permohonan bagi menubuhkan Institut Era Baru (New Era Institute) oleh Tong Jiau Chong di Kajang, Selangor.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji dan mempertimbangkan permohonan pertubuhan Kolej New Era berasaskan maklumat-maklumat pertubuhan yang telah disampaikan.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan. Tuan Speaker, soalan tambahan satu, mengapa permohonan untuk meluluskan penubuhan New Era Institute begitu lama, lebih satu tahun.

Soalan yang kedua, adakah benar permohonan yang berkenaan telah pun ditolak oleh kementerian pada satu ketika? Sila jelaskan dan jawab dengan benar.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seputeh ini memang tidak faham tentang keseluruhannya mengenai proses Kementerian Pendidikan mengadakan untuk mengkaji dan meluluskan setiap permohonan yang kita terima.

Sebenarnya pegawai Menteri Pendidikan sudah mendapat feedback dari pihak penganjur dan pegawai kementerian sudah juga berbincang aspek-aspek di mana kita boleh selesaikan supaya kita boleh melicinkan proses permohonan ini. Ini mestilah mengambil masa, bukan sahaja permohonan ini,

permohonan yang lain juga kita harus mengkaji dan kita ada berdialog dengan pihak penganjur supaya kita boleh melicinkan proses itu. Kerajaan Barisan Nasional merupakan sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, yang mempunyai semangat penyayang. (*Tepuk*)

Khususnya tentang permohonan ini, oleh kerana ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya dari Barisan Nasional yang sebenar-benarnya mencerminkan aspirasi, khususnya masyarakat Cina yang telah membangkitkan masalah ini. Jadi, Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian yang lebih supaya kita boleh menolong pihak-pihak tertentu untuk melicinkan proses ini.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Timbalan Menteri, dapatkah beliau menerangkan sedikit sebanyak tentang Institut Era Baru ini?

Yang kedua, adakah New Era Institute ini satu pusat latihan DAP?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan seperti yang telah saya terangkan, memang menerima banyak permohonan untuk menubuhkan kolej-kolej dan kolej New Era ini merupakan salah satu yang Kementerian Pendidikan terima.

Tadi, oleh kerana soalan Ahli DAP itu merupakan niat yang tidak baik, saya lupa menjawab. Memang Kementerian Pendidikan tidak pernah menolak permohonan ini. Saya sudah terangkan, ia dalam kajian. Sungguhpun pihak penganjur, pegawai kita sudah berdialog dengan pihak-pihak tertentu dan kita harap dengan adanya proses perbincangan ini kita boleh melicinkan dan saya

harap Ahli-ahli DAP jangan mempolitikkan isu-isu seperti ini kerana mereka sudah ditolak oleh pengundi-pengundi. Sekarang ini nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional lebih mencerminkan aspirasi, mencerminkan harapan pengundi kita dan itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Si Cheng: Soalan tambahan, saya ingin meminta Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan sama ada cara bagi memproses permohonan bagi menubuhkan Kolej Era Baru ini tidak berlainan dengan cara yang digunakan oleh kementerian untuk permohonan dari kolej swasta yang lain.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah dasar Kementerian Pendidikan. Kita hendak berdialog dengan pihak penganjur supaya permohonan ini boleh mengikut hasrat masyarakat, hasrat kerajaan dan hasrat negara kita. Itulah dasar Kementerian Pendidikan.

SIARAN TV BERUNSUR KEGANASAN/SEKS — TINDAKAN MENGAWAL

9. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) langkah kementerian dalam mengurangkan siaran-siaran televisyen berunsur seks, keganasan dan tidak bermoral; dan
- (b) adakah kementerian turut mengkaji disiplin rancangan membitkan kanak-kanak dalam setiap rancangan televisyen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Penerangan telah menyediakan garis panduan bagi menyekat siaran yang berunsur seks, keganasan, tahyul dan yang bertentangan dengan nilai moral dan budaya negara ini. Panel penilaian telah ditubuhkan untuk mengendalikan tugas-tugas penilaian ke atas filem dan video sebelum disiarkan.
- (b) Semua rancangan televisyen, termasuk rancangan kanak-kanak adalah dinilai oleh panel penilaian dengan berpandukan garis panduan siaran. Mana-mana rancangan atau babak yang bertentangan dengan garis panduan siaran tidak akan disiarkan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Kementerian Penerangan tentang disiplin rancangan. Memang rancangan televisyen mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan penduduk di seluruh Malaysia. Apa yang menjadi masalah ialah, rancangan-rancangan tertentu, misalnya rancangan-rancangan yang ada sekarang banyak berbentuk masyarakat, contohnya perjalanan korporat dan perubatan.

Sebagai seorang doktor perubatan, saya pernah melihat beberapa siri siaran yang misled awam. Contohnya, banyak fakta-fakta yang tidak tepat. Misalnya, chicken pox boleh menyebabkan kecacatan bayi. Kemudian fibromyoma ataupun

ketumbuhan rahim disalah erti dengan mengandung. Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan panel untuk siri-siri tertentu ini? Misalnya, untuk siaran yang berbentuk korporat ditapis oleh badan korporat; siaran yang berbentuk perubatan ditapis oleh ahli-ahli pakar dalam bidang tersebut.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji

Apdal: Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sipitang tadi, mengenai dengan hasrat untuk kita mendedahkan masyarakat pada keseluruhannya tentang korporat dan juga perubatan, adalah selaras dengan hasrat kerajaan dan negara kita untuk kita melahirkan masyarakat yang berilmu. Makanya, amatlah penting bagi kita untuk mengadakan beberapa program yang berhubung kait dengan korporat.

Manakala perkara bersabit dengan perubatan, kalau didapati bahawa ada unsur-unsur maklumat yang salah, kalau ada rayuan dan persoalan dibangkitkan daripada rakyat, insya-Allah, Kementerian kita akan mengambil tindakan yang tegas untuk memperbetulkan perkara ini.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji

Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan memberi garis panduan kepada penyiaran televisyen seumpama dibuat pembahagian kepada aspek-aspek yang diberi penekanan seperti penekanan seperti politik, ekonomi, pendidikan, agama, hiburan dan lain-lain?

Yang kedua, berapakah peruntukan masa mengikut pembahagian itu yang diberi kepada aspek pendidikan dan agama?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji

Apdal: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Penerangan mempunyai garis panduan untuk menapis segala apa juga yang disiarkan, sama ada TV mahupun radio dan itu termasuklah penapisan kita dari segi perkembangan agama supaya perkembangan itu selaras dengan aspirasi dasar kerajaan kita, khususnya Barisan Nasional tidak berniat untuk memesonkan masyarakat ke jalan agama yang tidak menentu seperti apa yang dibuat oleh pihak pembangkang di beberapa negeri.

Mengenai dengan budaya-budaya yang kita kawal, contohnya seperti penglibatan kanak-kanak — ada unsur-unsur yang kita hendak mengawal supaya kanak-kanak itu tidak terlibat dalam siri-siri yang bersifat ganas dan seks.

**KEZALIMAN RUSIA TERHADAP
UMAT ISLAM CHECHNYA —
PERANAN MALAYSIA**

10. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan Malaysia bagi membendung tindakan zalim Rusia ke atas orang-orang Islam di Chechen.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mengikuti perkembangan di Chechnya dengan penuh kebimbangan dan amat berdukacita dengan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta-benda dalam krisis tersebut.

Walaupun krisis di Chechnya merupakan masalah dalaman Rusia, Kerajaan Malaysia telah mendesak Kerajaan Rusia supaya menghentikan

dengan segera penggunaan kekerasan dan pengeboman kawasan-kawasan awam dan telah menggesa supaya masalah Chechnya ini diselesaikan secara rundingan.

Malaysia telah juga merakamkan pendiriannya mengenai perkara ini di persidangan-persidangan antarabangsa seperti Mesyuarat Suruhanjaya Mengenai Hak Asasi Manusia yang diadakan di Geneva pada bulan Februari, 1995 yang lalu di mana negara kita Malaysia menyokong pengecaman penggunaan kekerasan di Chechnya.

Malaysia juga telah menyumbang sejumlah US100,000 kepada UNHCR untuk tabung "UN Flash Appeal For Internally Displaced Persons Resulting From The Emergency In Chechnya" sebagai membantu mangsa-mangsa peperangan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak dapat dinafikan bahawa mereka yang tertindas di Chechnya perlu mendapat sokongan moral yang kuat. Di antara sokongan moral yang kuat itu ialah perlunya Chechnya diberi pengiktirafan sebagai sebuah negara merdeka oleh masyarakat antarabangsa. Soalannya, apakah alasan Kerajaan Malaysia, kerajaan kita tidak mengiktiraf negara tersebut?

Yang kedua, adakah pengiktirafan itu masih bergantung kepada pengaruh kuasa-kuasa besar dunia yang mempengaruhi masyarakat antarabangsa?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan awal dalam jawapan saya tadi bahawa perkara krisis Chechnya ini merupakan satu masalah dalaman Rusia dan kita

masih mengharapkan penyelesaian perkara ini dapat dicapai secara politik dan secara damai.

**"REVERSE ENGINEERING" —
PENGGUBALAN UNDANG-
UNDANG HAKCIPTA**

11. Tuan Vincent Lim Kuo Phau minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) setakat manakah undang-undang di negara ini terutamanya Akta Hakcipta Malaysia dapat melindungi kepentingan kita berbanding dengan negara asing;
- (b) memandangkan negara kita ini sedang mengalami proses perindustrian yang pesat, penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah satu proses yang amat penting untuk menghasilkan rekaan-rekaan yang inovatif, adakah kementerian sedar bahawa negara ini tidak mempunyai sebarang pembentukan undang-undang yang khusus untuk tujuan menjamin pengeluaran alat-alat ganti tidak akan mengakibatkan satu pelanggaran hakcipta untuk mengeluarkan alat-alat ganti melalui proses reverse engineering; dan
- (c) oleh kerana undang-undang negara tidak mempunyai undang-undang khusus mengenai hakcipta hasil rekaan reverse engineering dan negara-negara seperti Amerika Syarikat, Singapura, United Kingdom, Afrika Selatan dan lain-lain mempunyai undang-

undang yang spesifik yang menjamin pengeluaran alat-alat ganti melalui proses reverse engineering tidak merupakan pelanggaran hakcipta. Apakah negara kita akan menggubal undang-undang yang sedemikian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlindungan yang diberikan di bawah Akta Hakcipta 1987 adalah sejajar dengan piawaian dan amalan di kebanyakan negara di dunia. Dengan keahlian Malaysia dalam Konvensyen Berne pada 1hb. Oktober 1990, Akta tersebut telah dipinda supaya selaras dengan piawaian konvensyen itu iaitu satu piawaian yang diterima-pakai oleh kebanyakan negara.
- (b) Kementerian sedar akan kedudukan Akta Hakcipta 1987
- (c) yang tidak membenarkan reverse engineering. Isu reverse engineering timbul ekoran daripada perlindungan undang-undang hakcipta yang sangat luas. Akta tersebut melindungi lukisan dalam dua dimensi dan tiga dimensi iaitu artikel yang dibuat berdasarkan lukisan tersebut selama sepanjang hayat pencipta dan 50 tahun selepas kematiannya.

Ini telah menyebabkan artikel-artikel seperti alat ganti yang sepatutnya dilindungi di

bawah undang-undang paten dan undang-undang rekabentuk perindustrian dilindungi di bawah Akta Hakcipta 1987 berdasarkan lukisan alat-alat tersebut. Tempoh perlindungan yang begitu panjang juga telah menyebabkan alat-alat yang sudah luput perlindungan di bawah undang-undang paten dan undang-undang rekabentuk perindustrian dilindungi di bawah Akta Hakcipta 1987.

Oleh yang demikian, tindakan sedang diambil untuk meminda akta itu bagi membenarkan reverse engineering. Pindaan ini bertujuan untuk mengeluarkan artikel-artikel yang sepatutnya dilindungi di bawah undang-undang paten dan rekabentuk perindustrian daripada perlindungan hak cipta. Ini bermakna artikel-artikel yang sudah luput perlindungan di bawah Undang-undang paten dan rekabentuk perindustrian tidak boleh lagi dilindungi di bawah Akta Hakcipta 1987 dan boleh ditiru oleh mana-mana orang.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar tadi memang kementerian ini amat serius dalam perkara Akta Hakcipta ini. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa semenjak Akta Hakcipta ini diluluskan oleh Parlimen, sama ada kementerian sudah menubuhkan satu badan yang dikenali sebagai Lembaga Paten (Patent Board) pada hari ini dan kalau badan ini belum ditubuhkan; kenapa tidak, oleh kerana akta ini sudah diluluskan pada tahun 1987.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pindaan kepada Akta Hakcipta iaitu undang-undang paten setakat ini.....

Tuan Wee Choo Keong: Jawablah! Kalau tidak tahu, kata tidak tahu.

Tuan Tan Chai Ho: kementerian saya dalam proses untuk menubuhkan badan yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebut tadi.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Terima kasih. Tuan Speaker, dalam jawapan Yang Berhormat tadi, beliau kata masih dalam pertimbangan. Bolehkah saya dapat tahu sebab-sebab kenapa dalam tempoh lapan tahun pihak kementerian tidak dapat bergerak untuk menubuhkan lembaga ini? Adakah sebab-sebab tertentu? Ada pembantu di sebelah kanan? Tolong jawab. (*Diganggu*) Belum! Belum habis.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan tunjuk tangan!

Tuan P. Patto: Bolehkah beri sebab-sebab tertentu.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tangan jangan tunjuk.

Tuan P. Patto: Apa you mahu? Duduklah. Bolehkah beritahu sebab-sebab tertentu kenapa begitu lama, sudah lapan tahun, masih belum lagi dapat menubuhkan lembaga ini?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana satu pindaan kepada Akta Hakcipta 1987 akan dibentangkan dalam sesi Parlimen dijangka pada bulan Oktober ini, maka lembaga yang perlu ditubuhkan itu memerlukan kajian yang mendalam.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

(*Soalan No. 12 — Y. B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Bagan.

Tuan P. Patto: Ya, Terima kasih.

TELEFON — KEMUDAHAN UNTUK KAMPUNG-KAMPUNG DI LUAR BANDAR

13. **Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan rancangan kerajaan untuk menempatkan kemudahan telefon awam kepada kampung-kampung yang berada di luar bandar di negara ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, matlamat kerajaan ialah untuk menyediakan sekurang-kurangnya satu telefon awam di setiap kampung yang telah diwartakan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, bagi kampung-kampung yang masih belum mendapat kemudahan telefon awam, mereka dinasihatkan membuat permohonan melalui Pejabat Pembangunan dan Kemajuan Negeri masing-masing.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun 1994 Syarikat Telekom Malaysia Bhd. telah memasang lebih kurang 1,700 kalau tidak salah, di seluruh

Sarawak, telefon awam di tiap-tiap kampung. Tetapi di Sarawak kita ada 7,000 kampung. Jadi, soalnya apakah proses ataupun skim yang boleh dibuat untuk mempercepatkan proses menghantarkan telefon-telefon awam ke luar bandar terutama tempat-tempat yang terpencil di Sarawak? Soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada kawasan-kawasan yang terpencil di Sarawak tidak menerima siaran radio isotop untuk menyampaikan telefon awam di kampung-kampung yang terpencil di luar bandar Sarawak. Jadi, adakah teknik ataupun cara-cara supaya siaran ini tidak terhad dan tidak tergendala supaya semua kampung secara prinsipnya boleh disampai dengan telefon 'ayam'. (*Ketawa*) Telefon awam.

Dato' Chan Kong Choy: Kementerian tidak ada rancangan untuk menyambungkan ke "Kampung Ayam". (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga tahun ini jumlah kelulusan yang telah diberi oleh pihak Telekom Malaysia adalah sebanyak 19,855 talian. Jumlah pemasangan yang telah dipasang setakat ini ialah 17,917 dan baki sebanyak 1,938 akan dipasang dalam tahun ini juga. Angka yang saya berikan ini meliputi Sarawak juga. Dan untuk mempercepatkan pemasangan telefon awam di kampung-kampung dan di luar bandar, kerajaan sedang menggubal satu dasar iaitu setiap dua pemasangan telefon awam di bandar yang dilakukan oleh sesuatu syarikat; syarikat yang berkenaan diwajibkan memasang satu telefon awam di luar bandar termasuk di kawasan Sarawak. Maka untuk menjawab soalan yang kedua yang

dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian dan Telekom Malaysia sedang menjalankan satu penyelidikan supaya tempat di mana tidak dapat kita memasang telefon oleh kerana topografi dan sebagainya, kita sedang menjalankan satu penyelidikan supaya dapat satu teknologi yang sesuai untuk memberikan kemudahan telefon di seluruh negara.

Mengikut rancangan yang telah pun ditetapkan oleh pihak kementerian, kita harap pada hujung tahun ini kesemua kampung yang diwartakan di seluruh negara dapat dibekalkan kemudahan telefon sekurang-kurangnya telefon awam.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, telah disebutkan tadi untuk membekal telefon awam kepada setiap kampung yang telah diwartakan, di beberapa tempat di pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak masih luas yang belum dibekalkan. Adakah kementerian mempunyai sasaran (target) supaya setiap tahun dapat dibekalkan dan jika ya, bilakah kampung-kampung ini dapat dibekalkan dengan telefon? Kalau tidak ada sasaran (target) maka di tahun 2020 pun belum lagi tercapai.

Kedua Tuan Speaker, adakah kementerian berkenaan mengambil tindakan bagi kampung-kampung yang tidak dibekalkan dengan elektrik kerana telefon awam tidak boleh dibekal kecuali dengan ATUR. Jadi, adakah kementerian yang berkenaan membekalkan ATUR kepada kampung-kampung yang diwartakan yang tidak mempunyai bekalan elektrik?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi, pada peringkat pertama Kementerian akan membekalkan kemudahan telefon sekurang-kurangnya telefon awam kepada kampung yang telah pun diwartakan. Kita memang sedar bahawa bilangan kampung akan bertambah dari masa ke semasa. Maka saya harap khususnya di kawasan pedalaman, di mana terdapat kampung yang belum dapat diwartakan, saya harap pihak yang berkuasa ataupun pihak yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk berhubung dengan pihak yang berkuasa khususnya Pejabat Pembangunan dan Kemajuan Negeri supaya dapat kita mewartakan perkampungan ini dan kita akan membekalkan kemudahan telefon pada peringkat yang kedua.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi rancangan jangka panjang, pihak kementerian harap pada tahun 2000 bahawa untuk rural telephone penetration, dengan izin, bahawa di kawasan luar bandar bagi 100 orang kita dapat membekalkan 9.5 telefon iaitu pada tahun 2000. Pada sekarang kita cuma dapat membekalkan 4.9 buah telefon kepada 100 orang di luar bandar sahaja.

Untuk menjawab soalan (b) yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang telah saya jawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sarawak ini, bahawa pihak kementerian dan pihak Telekom Malaysia telah pun menjalankan satu kajian dan penyelidikan supaya dapat kita mengatasi semua masalah teknikal, supaya dapat kita menjalankan rancangan yang telah pun ditetapkan.

CUKAI PENDAPATAN TAHUN 1993 DAN 1994 — JUMLAH PEMBAYAR CUKAI

14. Tuan Md. Isa bin Sabu minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang layak membayar cukai pendapatan bagi tahun 1993 dan 1994. Berapa nilainya. Bagaimana pula prestasi pungutannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar untuk membezakan pembayar cukai yang terdiri daripada rakyat Malaysia dan bukan rakyat Malaysia. Ini adalah kerana Malaysia mengenakan cukai pendapatan berdasarkan taraf pemastautinan seorang pembayar cukai dan bukan berdasarkan kerakyatannya.

Pada amnya, pemastautin ditafsirkan ataupun ditakrifkan sebagai seorang individu yang berada di Malaysia bagi satu tahun taksiran di mana tempohnya ialah 182 hari atau lebih. Ini bermakna bahawa seorang akan dianggap sebagai bukan pemastautin kiranya tempoh ia berada di Malaysia adalah kurang daripada 182 hari.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bilangan pembayar cukai per-seorangan adalah lebih kurang 1.8 juta orang pada tahun 1993 dan 2.1 juta orang pada tahun 1994. Jumlah yang dipungut daripada golongan tersebut adalah RM4,282 juta pada tahun 1993 yang merupakan 10.2% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan. Bagi tahun lalu, kutipan telah meningkat kepada RM4,566 juta iaitu 9.2% daripada jumlah hasil kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 12 dan 15 hingga 56 dijilid dalam buku berasingan)

**USUL MENANGGUHKAN
RANG UNDANG-UNDANG DI
BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 62**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya ingin memaklumkan bahawa bacaan kedua dan ketiga Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1995 akan ditangguhkan pada mesyuarat yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Baiklah.

**RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1994 DAN 1995) 1995**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMB.) (BIL. 4) 1994**

DAN

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMB.) (BIL. 1) 1995**

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995 dan

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.4) 1994 dan Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 1) 1995 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".
(Hari Kedua)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)*

*Maksud B. 28, B. 30, B. 31, B. 32 dan
B. 33 (Jadual Pertama) —*

Maksud B. 29 (Jadual Kedua) —

*Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan
(Tamb.) (Bil. 4) 1994) —*

*Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan
(Tamb.) (Bil. 1) 1995) —*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): B. 28, B. 29, B. 30, B. 31, B. 32, B. 33 dan P. 28. Yang Berhormat dari Rompin, sila sambung, ada 5 minit.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis (Rompin): Saya kira 8 minit kata Speaker semalam.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kiraan saya 5 minit, Yang Berhormat. *(Ketawa)*

3.36 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyambung hujah-hujah yang saya kemukakan malam semalam.

Merujuk kepada Maksud B. 30, Tuan Pengerusi, tentang perbelanjaan RM14 bilion ini saya ingin menyentuh

perkara, hujah-hujah dan tohmah yang dibangkitkan oleh Kota Melaka. Tak tahu Yang Berhormat Kota Melaka ada atau tidak? Dia ini tak reti baca buku akaun, saya rasa. Mengadakan benda yang tidak ada.

Yang sebenarnya, RM14 bilion itu bukan dikemukakan ataupun dibelanjakan. Ia akan hanya memindah peruntukan RM14 bilion daripada akaun hasil kepada akaun pembangunan. Dia ini sudah baik sebab dia hendak ambil alih Ketua Pembangkang dari ayahnya. Saya rasa dia bijak, mungkin akaun dia kurang faham sedikit.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, orang itu mungkin ada akaun simpanannya. Gajinya dibayar kepada akaun simpanannya tetapi perbelanjaannya dibuat melalui akaun semasa (current account). Bermakna, hanya memindah jumlah wang daripada akaun simpanan kepada akaun semasa. Ia bukan melibatkan perbelanjaan. Ini yang saya kata DAP mengadakan benda yang tak ada, yang kecil diadakan sebab sudah tidak ada modal. Kepong tidak tahulah — betul atau tidak, Kepong? Kepong dia tahu, memang dia tidak bersetuju. Sekarang ini saya dengar cerita, Kepong tak tahulah berapa lama lagi duduk dalam DAP. Dr. Kua sudah dikeluarkan, sudah dibuang. Kalau benar-benar Kepong jantan, dia kena bangun dan bercakap sedikit. *(Ketawa)*

Yang kedua, perkara ini juga dibuat kerana mengikut Financial Procedure Act 1957, Akta 61 dan di bawah Clause 10, ia hanya memenuhi peruntukan kewangan akta ini. Itu sahaja, bukan melibatkan perbelanjaan yang baru, yang cuba digambarkan oleh Kota Melaka, kononnya kerajaan sudah membelanjakan RM14 bilion yang tidak dirujuk

kepada Dewan yang mulia ini. Ini tidak benar sekali! Bukan saya sudah kata tadi, DAP sudah habis modal.

Yang ketiga dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, perkara ini telah dibuat, ada precedentnya. Tiap-tiap tahun perkara ini dibawa kepada Dewan yang mulia ini, kepada Jawatankuasa ini. Saya nampak bahawa ini satu lagi hujah yang saya katakan bahawa DAP ini sudah tidak ada modal.

Perkara yang terakhir, Tuan Pengerusi, tentang P. 28 RM10,020,000 tambahan. Ini tentang kajian pembangunan 'composite material'. Seperti yang saya katakan semalam, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana kajian ini amat penting kepada negara kita. Kita mahu menerokai industri-industri baru dalam negara kita untuk masa akan datang. Kita mahu negara kita menjadi satu negara industri yang maju pada tahun 2020. Sewajarnya, kita menerokai bidang-bidang baru dan kajian kepada 'composite material' ini akan memberikan kita kepada era baru atau jendela baru kepada industri-industri akan datang.

Saya katakan begitu bahawa 'composite material' ini banyak dia punya application, dengan izin, banyak penggunaannya. Satu, dalam bidang aviation. Baru-baru ini Perdana Menteri mahu melihat negara kita menerokai bidang ini. So, barang-barang composite material ini boleh digunakan dalam pembuatan rotor blade, dengan izin, alat-alat kapal terbang yang lain seperti pintu.

Ini amat baik dan saya mengucapkan syabas dan bukan itu sahaja barang-barang composite material ini digunakan juga dalam membuat bot. Kita dengar bahawa negara kita cuba menerokai dalam bidang ini, membuat bot-bot baru, leisure boat, dengan izin. Barang atau

'composite material' ini boleh digunakan untuk industri-industri seperti pembuatan bot itu. Dan juga industri 'composite' ini boleh digunakan untuk pembuatan raket badminton, Kepong tak tahulah dia main badminton atau tidak, kayu golf, kayu hoki, tetapi hendak ganti kulit tak boleh. Ini hendak beritahu kepada Kepong sebab dia pakar kulit, hendak ganti kulit tak boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Menggulang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tak ada menggulang, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Terima kasih. Dan juga penggunaannya boleh digunakan untuk buat badan kereta, dashboard, spoilers kereta, boleh digunakan juga untuk alat-alat medical equipments, dengan izin, dan juga boleh digunakan dalam bahan-bahan industri yang lain.

Oleh kerana itu, saya ingin menyokong, Tuan Pengerusi, cadangan atau pun perbelanjaan RM10,000,020 ini untuk kajian dalam bidang material baru, kajian baru untuk material yang dipanggil 'composite material' Terima kasih

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

3.41 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya nampaklah Rompin miang sedikit, gatal dah!

Tuan Pengerusi, mesti diadakan satu penyelidikan untuk mengubati orang yang gatal.

Mengenai tambahan sebanyak RM15 juta.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Point of order 36 (6).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Menyentuh apa yang tak betul, suruh tarik balik. Yang 'gatal' ini saya bimbang sebab kalau gatal, saya kena rujuk kepada beliau sebab dia doktor penyakit kulit ini, saya tak gatal. Saya hendak memberi bantuan, boleh, tetapi tak payahlah saya dituduh sakit begitu.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau tak gatal pun, miang sekurang-kurangnya. (Ketawa)

Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak RM15 juta dikehendaki sebagai pelaburan tambahan Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam teknologi komposit untuk penyelidikan. Ini satu pembuatan yang baik juga kalau penyelidikan itu boleh dijalankan dengan baik kerana banyak kelemahan yang didapati di negara ini. Yang pertama, kita tak cukup saintis untuk membuat penyelidikan. Kerana tak cukup saintis, kita memang menggalakkan saintis-saintis yang berkaliber sama ada dilatih di dalam negara ini ataupun keturunan Malaysia yang berada di negara-negara lain seperti Australia, United Kingdom, Kanada, Amerika Syarikat dan saya percaya beribu-ribu rakyat Malaysia yang sekarang bekerja di negara-negara tersebut.

Kita mesti mempertimbangkan, mencari jalan-jalan yang baik untuk menyambut mereka balik ke negara ini untuk memberi perkhidmatan bagi membuat penyelidikan. Kerana kita mesti memerlukan penyelidikan yang baik dengan penemuan-penemuan itu dapat dilaksanakan, seperti ada khabar yang baik juga iaitu komputer, untuk industri kelapa sawit dan juga untuk industri getah kononnya kita akan keluarkan suatu robot untuk industri tersebut. Kalau ini benar, memang satu perkara yang baik. Kita mesti menggalakkan perkara-perkara seperti ini di negara ini. Kerana kalau kita hendak mencapai tahap sebuah negara yang maju seperti Singapura, Singapura sekarang ditarafkan sebagai negara yang maju, kita mesti mengadakan lebih banyak hasil penyelidikan.

Misalnya, Tuan Pengerusi, kalau kita pergi ke Proton Saga, di kilang-kilang (workshops), kita nampak untuk membuat kereta memang ada satu jenis kepingan besi. Jenis besi ini memang besi keluli yang sangat canggih untuk membuatnya, satu kecanggihan industri. Tetapi di negara ini kita tak mampu lagi, kerana dengan kepingan besi keluli ini dapat dibuat rangka kereta dengan cepat. Setakat ini, besi seperti ini diimport terutamanya daripada Mitsubishi dan dengan nilai Yen meningkat, jadi kos untuk pengimportan ini memang meningkat. Itu caranya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tak ada masa, nak berdiri lagi. Kita nak buat cadangan yang baik. Bila Rompin pergi ke Proton Saga pun dia tak nampak. (*Ketawa*) Kepingan besi keluli itu diimport, bukan buatan sendiri kerana dia memerlukan

industri yang canggih. Kita mesti buat penyelidikan yang lebih untuk mencari jalan supaya kita boleh keluarkan bahan-bahan seperti ini dengan sendiri. Dengan itu, kita tak payahlah bergantung kepada Jepun ataupun negara-negara yang lain. Itu satu contohnya sahaja.

Baru-baru ini harga minyak kelapa sawit meningkat. Oleh kerana meningkat, memang hasil keuntungannya banyak. Dengan keuntungan yang banyak, kita mesti menggalakkan pihak peniaga, pihak industri minyak kelapa sawit untuk melabur lebih banyak wang. Mungkin 1% daripada keuntungan ataupun 2% daripada keuntungan berbilion-bilion ringgit ini untuk penyelidikan. Saya cadangkan bukan sahaja wang yang begitu banyak dilaburkan daripada industri kelapa sawit, bukan sahaja untuk kelapa sawit, memang kita perlukan untuk mengadakan lebih banyak penyelidikan di bidang kelapa sawit, tetapi kita boleh gunakan wang yang begitu banyak untuk bidang-bidang yang lain, termasuk bidang perkayuan kerana di Rompin ada banyak balak, tetapi balak itu ditebang dengan begitu sahaja. Jadi, kita mesti galakkan industri hiliran supaya mereka jangan merosakkan balak dengan begitu sahaja. Inilah satu cara untuk membuat penyelidikan perkayuan untuk industri hiliran kayu.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Menyampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw: Setakat ini saya percayalah boleh meredakan kemiangannya. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, kita setakat ini hanya menumpukan kepada pemindahan teknologi yang setahu saya pihak negara-negara yang maju tidak begitu berminat untuk memindahkan teknologi. Kalau

ada pindah pun juga, tidak begitu terkini untuk digunakan oleh pihak Malaysia. Jadi, kerana itulah kita memerlukan lebih banyak wang untuk pelaburan.

Apabila kita melatih seseorang saintis, kita mesti cari jalan untuk menggalakkan mereka terus berada di negara ini. Kalau tidak, dia jadi seorang saintis yang baik dan dengan kerana tawaran yang baik daripada negara-negara lain, memang mereka lari. Walau pun saya sudah beberapa kali beritahu orang seperti parit yang sulong, tetapi tak begitu mengerti.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia bangun masa sudah hendak habis, 10 minit sahaja.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Masa sudah cukup, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Minta penjelasan sedikit. Saya tertarik dengan pandangan Kepong tadi bahawa pakar-pakar saintis kita ini yang membuat kerja-kerja penyelidikan dan kajian ini elok kita berikan kepada dia satu tingkatan gaji yang lumayan, saya setuju. Adakah ini bermakna Yang Berhormat dari Kepong bersetuju universiti itu di 'corporatise' kan supaya gaji itu dapat dibayar at market, dengan izin. Tetapi baru-baru ini dikatakan Yang Berhormat tidak setuju pula universiti di 'corporatise' kan – DAP tidak setuju, betulkah ini? Tidak consistentkah ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pendekkan jawab, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa sudah cukup, tidak payah jawab. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Terpulanglah, masa sudah cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Kalau tidak boleh jawab, duduklah!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar ingin mengambil bahagian.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak cakap sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar, selepas ini kementerian menjawab.

3.52 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya berdiri, memang saya sudah tahu Kepong sudah cukup masa, tetapi dia tidak pernah lihat jam.

Tuan Pengerusi, saya akan menyen-tuh sedikit sahaja iaitu dalam Maksud B. 29 mengenai soalan yang sama iaitu soalan pelaburan, Composite Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.

Saya memang bersetuju dengan pelaburan yang dua tahun berturut-turut untuk tujuan ini berjumlah RM40 juta. Oleh kerana research adalah kekuatan untuk membangunkan negara kita, bukan saya hendak mengatakan bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kepong, tetapi kalau kita pandang resources kita, natural resources kita umpamanya gas, petroleum, kayu, banyak bahan lagi. Pada mula-mula kita exploit, dengan izin, natural resources kita ini, kita jualkan secara raw material, sedikit sahaja yang kita buat secara ada value-added, dengan izin. Jadi, dengan adanya research ini nanti kita berharap, kita boleh terlibat lebih jauh lagi, bukan sahaja daripada segi hiliran juga daripada segi atasannya supaya memperbanyakkan lagi value-added, mengurangkan pencemaran dan sebagainya.

Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian dalam membuat research ini, bagaimanakah penumpuan kita? Penumpuan research ada juga tumpuan kita dari segi akademiknya sahaja untuk mencari ilmu, tetapi ada juga research kita untuk mencari commercialisation value, hujungan daripada research itu nanti. Jadi, memandangkan negara kita sekarang perlukan banyak research yang ada mempunyai commercial value, Tuan Pengerusi, saya fikir kita patut menekankan soalan ini.

Baru dua hari ini kita nampak, kita lihat surat khabar melaporkan iaitu exercise military menggunakan Exocet Missile. Dahulu semasa Exocet Missile digunakan di Falkland yang menjadi satu publisiti indah untuk Exocet Missile diguna oleh Perancis dan kita pun membeli Exocet Missile dengan harga RM700,000. Tetapi pada masa sekarang Exocet Missile itu sudah jalan lama, terkeluar dari haribulannya, tidak boleh

dipakai lagi kalau ikut kira jangka masanya. Tetapi pada ketika yang sama satu Exocet Missile sudah menjangkau harga RM3 juta. Jadi, dengan sendirinya kalau kita pandang the cost of the defending this country, dengan izin, Tuan Pengerusi adalah begitu mahal sekali.

Saya cadangkan supaya research yang dibuat oleh kerajaan hendaklah juga menumpukan perkara-perkara yang penting untuk negara khususnya. Umpamanya defence industry untuk menjaga keselamatan negara ini, industri yang related dengan pembikinan senjata-senjata berat, senjata-senjata ringan dan sebagainya. Dengan keadaan yang demikian, mungkin kita boleh menyelamatkan sedikit wang kita hasil daripada research yang kita buat nanti, kita boleh buat senjata kita sendiri. Boleh buat kapal terbang kita sendiri, boleh buat kapal laut kita sendiri dan boleh buat apa sahaja senjata yang boleh diwujudkan dan dibuat oleh pihak negara-negara lain. Jadi, dengan sendirinya kita menyelamatkan foreign exchange kita, perbelanjaan kita dari segi defence.

Kalau negara-negara kecil umpamanya negara Israel, bahkan Singapura boleh membuat defence industry, walaupun tidak diheboh-hebohkan, kenapa pula kita tidak boleh buat? 18 juta rakyat Malaysia, 19 juta rakyat Australia, kita boleh banding dan kita boleh bangga orang kita pun boleh maju macam rakyat Australia, begitu juga rakyat-rakyat lain. Jadi, dengan hakikat yang sedemikian, Tuan Pengerusi, saya memang menyokong juga kalau tidak dapat saintis-saintis kita sendiri, kita boleh beli saintis daripada luar negara. Kemungkinan murah membeli saintis daripada membeli senjata yang dibuat oleh saintis, kerana

dahulu pun kalau kita selidik sejarah atomic bomb umpamanya pun saintis-saintis dibeli juga daripada negara lain. Selepas itu baru negara yang membeli saintis yang sedemikian menjadi kuasa nuklear. Jadi, ini soal nuklear bukanlah saya menyokong, tetapi soalan saya ini ialah senjata untuk the defence of this country, dengan izin. Dengan keadaan yang demikian, research mesti ditumpukan kepada perkara-perkara yang penting.

Yang kedua, kalau belum ada saintis kita sendiri, kita boleh beli saintis daripada luar negara untuk berkhidmat dengan kita walaupun dengan harga yang tinggi. Jadi, Exocet Missile yang kita beli itu adalah satu contoh. Kalau kita hendak ganti harga Exocet Missile yang akan datang mengikut laporan ialah RM4 juta lebih satu biji. Jika satu ditembak bermakna RM1 juta sudah meletup, belum melawan musuh lagi, dengan keadaan yang demikian saya percaya peluru-peluru yang kita tembak, yang digunakan untuk praktis, tembak target untuk memperbaiki tahap kecekapan askar, yang kita sendiri tembak itu satu biji mungkin RM1, bukan 10 sen, 20 sen macam dahulu lagi. Dengan keadaan yang demikian, defence industry ini mesti diperbaiki kerana kita tidak boleh mengelak dari mempertahankan martabat ataupun maruah negara kita ini, sama ada dalam ataupun daripada luar.

Tuan Pengerusi, satu soalan yang ingin saya sentuh mengenai Yang Berhormat dari Rompin tadi ada menyentuh soalan yang DAP selalu setiap tahun kalau ada permohonan tambahan dan kelulusan tambahan mereka selalu mencaci, tetapi dalam keadaan yang sedemikian ada juga DAP, kalau satu perkara yang kita tidak buat, DAP mencaci.

Tujuan wang yang dilulus ini, dibelanja dahulu sebelum diluluskan di Dewan ini ialah oleh kerana satu-satu tindakan dan pekerjaan mesti diurus oleh pihak kerajaan, mesti menggunakan sumber kewangan. Kalau tidak buat, DAP juga kata kenapa kerajaan tidak buat, tetapi bila kita sudah buat dan gunakan wang, dia kata mengapa dibuat dahulu dan tidak diluluskan oleh Dewan? Jadi, mereka ini macam kata orang "tidak buat, salah; buat pun salah; semua salah".

Jika pihak DAP hendak mengkritik tolonglah kritik dengan konstruktif sedikit benda yang betul supaya kita punya kreadibiliti diterima oleh orang. Kalau kreadibiliti tidak boleh diterima habislah cerita macam Kepong, bersorak sana, bersorak sini pun orang tidak dengar. Dia kata, ceritanya dia hendak cabar Rompin sahaja, katanya 'miau kiri, miau kanan'.

Tuan Pengerusi, saya tidak hendaklah menjadi Kepong, saya buat cadangan yang konstruktif, cadangan yang membina, sokongan yang padu dan sokongan yang betul. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian diminta jawab.

3.59 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih pada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam bahagian ini.

Untuk menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya berasa kesal sedikit kerana soalan yang ditimbulkan itu, yang sebenarnya dikatakan adalah untuk menunaikan tanggungjawabnya, untuk menimbulkan masalah tentang RM14 bilion itu supaya kerajaan menjadi lebih telus dan mempunyai kewibawaan. Kalau tidak, kerajaan sudah tidak menjadi telus lagi dan tidak mempunyai akauntabiliti.

Saya berasa kesal kerana dengan kenyataan yang begitu serius itu maka itulah mengapa saya menyemak balik kepada rekod Kementerian dan saya dapati pada 5hb. Mei, 1994 dalam sidang yang berlaku di dalam Dewan yang mulia ini untuk Perbekalan Budget bagi tahun yang lalu, saya perhatikan soalan yang sama ditimbulkan berkaitan dengan perpindahan jumlah wang RM9 bilion itu seperti apa yang kita lakukan untuk RM14 bilion itu. Tujuannya adalah semata-mata untuk hanya memindahkan antara akaun sahaja iaitu daripada akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Ini bukan untuk membiayai apa-apa projek tertentu tetapi perpindahan ini adalah untuk mengurangkan defisit terkumpul dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Tindakan ini tidak akan melibatkan perbelanjaan sebenar kerajaan kerana semua perbelanjaan pembangunan kerajaan telah diperuntukkan melalui pecahan-pecahan kepala projek-projek yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan dalam jangka masa yang digunakan selama 15 minit itu telah diulangkan berkali-kali perkara-perkara yang sama berkaitan dengan tak tuluslah, akauntabiliti tidak adalah; telah tujuh kali diulangi seperti yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi di masa itu. Bukankah ini semata-mata untuk membazirkan masa kita? Semata-mata untuk mencari publisiti sahaja dan bukanlah untuk apa-apa yang membina. Ada orang kata ini memang benaklah — memang orang ini “benak” — b-e-n-a-k!

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Batang Lupa dan Rompin kerana menyentuh CTRM (Composite Technology & Research Malaysia). CTRM ialah sebuah syarikat pegangan, iaitu, dengan izin, holding company yang telah bergiat di dalam berbagai aktiviti yang berasaskan komposit melalui syarikat anak.

Antara aktiviti-aktiviti yang diceburi ialah rekabentuk untuk mengeluarkan kapal terbang dua tempat duduk, pengeluaran kapal terbang empat tempat duduk, komponen-komponen kapal terbang, pengeluaran kontena kargo, penyediaan parking untuk kapal terbang kecil, pengeluaran precision moulds, dengan izin, pengeluaran rotor composite, mengeluarkan kayu hoki komposit dan alat-alat sukan lain dan reinforce bar.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan untuk mengadakan ini adalah seperti yang dipesan-pesankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa, iaitu kita menuju kepada ‘Hi-tech’ dan sama-sama kita hendak menuju ke situ supaya dapat meningkatkan bidang akademik kita dalam satu-satu aktiviti itu supaya dapat kita menambahkan value-added supaya tujuan komersil barangan itu dapat dipertingkatkan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua point-point yang dikemukakan untuk kita mengambilkira. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,650,000 untuk Maksud B. 28; RM14,000,000,000 untuk Maksud B. 30; RM10,565,328 untuk Maksud B. 31; RM1,650,000 untuk Maksud B. 32; dan RM724,627 untuk Maksud B. 33 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan RM27,362,700 untuk Maksud B. 29 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,650,000 untuk Maksud B. 28; RM14,000,000,000 untuk Maksud B. 30; RM10,565,328 untuk Maksud B. 31; RM1,650,000 untuk Maksud B. 32; dan RM724,627 untuk Maksud B. 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak RM27,362,700 untuk Maksud B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10,000,020 untuk Maksud P. 28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1994; dan RM23,000,010 untuk Maksud P. 28 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,000,020 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994; dan RM23,000,010 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1995.

Maksud B. 34 (Jadual Pertama) —

Maksud B. 34 (Jadual Kedua) —

Maksud P. 34 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994) —

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 34 dan P. 34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk perbincangan. Sila Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong.

4.05 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya merujuk kepada Maksud Bekalan B. 34 di bawah Kementerian Kesihatan dan khususnya kepada Institut Jantung Negara.

Tuan Pengerusi, kita amat berterima kasih atas keprihatinan kerajaan kerana memperuntukkan sejumlah besar wang untuk membiayai bayaran pembedahan jantung di Institut Jantung Negara bagi orang-orang miskin. Saya masih teringat sewaktu Timbalan Menteri Kesihatan yang lalu kita menekan beliau supaya memberikan satu komitmen yang kukuh dalam Dewan ini terhadap perkara ini.

Saya cuma mengambil masa yang singkat iaitu saya berharap supaya prosedur pengecualian kepada pesakit-

pesakit yang memerlukan pembedahan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. ini dipermudahkan iaitu mungkin dengan satu sokongan daripada ketua kampung atau penghulu dan tidaklah memerlukan sokongan surat bertulis daripada wakil rakyat dan sebagainya. Ini bukanlah kerana untuk mengelakkan kita daripada melibatkan diri dalam surat-menyurat yang banyak tetapi untuk memudahkan pesakit-pesakit yang miskin ini mendapatkan sokongan di peringkat kampung sahaja.

Yang keduanya, saya ingin tahu sama ada benar atau tidak bahawa sekarang ini terdapat senarai yang panjang untuk pesakit-pesakit melalui pembedahan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. dan saya mendapat maklumat ada setengah-setengahnya masih lagi di dalam senarai menunggu selama lebih kurang setahun ataupun lebih panjang daripada itu.

Yang akhir sekali, baru-baru ini ada satu pengumuman, saya tidak tahu daripada mana tetapi saya dengar dalam radio, bahawa pesakit-pesakit yang ingin menjalani pembedahan jantung di zon selatan iaitu Melaka dan Johor tidak perlu lagi dikehendaki naik ke Kuala Lumpur ke Institut Jantung Negara. Adakah perkara ini benar? Oleh kerana ini menimbulkan satu kekeliruan kepada rakyat. Tuan Pengerusi, saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Senai.

4.08 ptg.

Tuan Lim Si Cheng (Senai): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 34, peruntukan tambahan bagi membiayai program pembinaan hospital-hospital baru.

Yang Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang telah menyediakan sebuah hospital baru di kawasan pilihan raya saya di Kulai.

Kedua, saya ingin tahu sama ada sudah menjadi polisi kementerian, iaitu hospital-hospital baru yang dibina dan akan dibina hanya untuk kes-kes kecemasan. Pesakit-pesakit luar perlu dirawat di poliklinik ataupun di pusat-pusat kesihatan. Di Kulai perkara ini benar. Jikalau ini telah menjadi polisi Kementerian Kesihatan, saya ingin mencadangkan supaya kementerian dapat mengambil tindakan ataupun langkah untuk memperbaiki keadaan di poliklinik dan menaikkan taraf pusat-pusat kesihatan.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini memohon kepada kementerian untuk menyediakan satu peruntukan khas bagi menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kualai kepada Poliklinik. Pusat Kesihatan Kulai ternyata tidak mampu menampung keperluan orang ramai kerana cuma ada seorang doktor sahaja ditugaskan untuk merawat pesakit-pesakit yang kian bertambah. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan pada hari ini, hari Isnin, hari Selasa, hari Rabu biasanya bilangan pesakit-pesakit yang datang ke Pusat Kesihatan Kulai melebihi 200 orang. Apakah mungkin seorang doktor dapat merawat 200 orang pesakit dengan baik?

Jadi, dengan kata-kata ini saya berharap kementerian dapat membantu menyelesaikan perkara ini demi kepentingan rakyat jelata lebih-lebih lagi kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi: Bandau.

4.11 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau): Tuan Pengerusi, saya ingin memberi tumpuan kepada kedua-dua perkara B. 34 dan juga P. 34 khususnya dari segi pembekalan peralatan-peralatan tambahan untuk hospital-hospital khususnya di Sabah. Memang harapan kita ialah tindakan seperti ini perlu diperluaskan lagi memandangkan keadaan kedudukan fasilitas-fasilitas hospital keseluruhan di negeri tersebut dan apatah lagi dengan janji kerajaan Barisan Nasional negeri untuk meningkatkan status hospital-hospital dan bantuan perubatan keseluruhan termasuklah bekalan-bekalan doktor yang di mana dijangka pada tahun 2000 nanti, ratio kita dari segi, dengan izin, doctor per population dikurang daripada 1:5,000 kepada 1:2,500 iaitu satu matlamat yang cukup mencabar.

Tuan Pengerusi, di beberapa hospital di luar bandar khususnya di negeri tersebut memang kekurangan peralatan hospital-hospital sangatlah ketara sekali, di mana khususnya hospital-hospital yang kita panggil, dengan izin, semi urban di mana specialist-specialist pun tidak ada dari segi penyakit-penyakit yang diperlukan khas seperti hospital di Kudat dan di Kota Marudu, di Lotong, di kawasan saya misalnya pada saat ini peralatan-peralatan hanya membolehkan supaya hanya 3 wad sahaja yang telah dibuka dan ini amat dikesali kerana pada bulan Oktober tahun yang lalu ada outbreak, dengan izin, penyakit cholera dan saya melawat tempat itu dan terpaksa dengan pihak lelaki kerana wad tambahan yang telah dijanjikan untuk dibuka iaitu wad ketiga tidak ada. Jadi, dengan perkara seperti begitu kita berharaplah mudah-mudahan pembelian alat-alat tambahan bukan sahaja untuk alat-alat ini tetapi keseluruhan untuk memperluaskan wad-wad dan dengan itu staf-staf yang diperlukan di hospital tersebut.

Tuan Pengerusi, juga dari segi pembinaan hospital-hospital baru di seluruh negara di bawah Kepala P. 34 ini, sekali lagi kita menekankan mudah-mudahan supaya negeri-negeri yang masih mundur seperti di Sarawak, Sabah dan saya percaya beberapa kawasan lagi di kawasan pendalaman di Semenanjung tetapi khasnya di negeri-negeri sebelah timur diberi perhatian yang khusus sesuai dengan keinginan kerajaan untuk meningkatkan taraf perkhidmatan perubatan keseluruhan

Dan bagi kawasan-kawasan yang di luar bandar khasnya, saya percaya begitu lebih mendesak untuk membina bukan pula hospital-hospital yang besar tetapi klinik-klinik yang kecil di peringkat mukim khususnya tempat-tempat yang jauh daripada pekan dan tidak terkeluar daripada itu, Tuan Pengerusi, kawasan saya sendiri kawasan Bandau yang dikenal pasti di negeri Sabah sebagai kawasan yang termiskin iaitu kawasan Dewan Undangan Negeri Langkun, Motungong dan Tandek ini di sanalah penduduknya jumlah yang terbesar. Saya percaya juga telah pun di peringkat negara juga dan kita ingin supaya kerajaan memberi satu tumpuan khas untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji keperluan perubatan dan klinik-klinik di tempat itu sesuai dengan rencana kerajaan untuk membantu rakyat khususnya dengan janji-janji serba baru yang harus diselesaikan sebelum tahun 2000. Sekian.

Tuan Pengerusi: Mentakab.

4.17 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab):

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit peruntukan tambahan untuk Maksud Bekalan B. 34 untuk menampung pemberian subsidi rawatan per-

batan kakitangan kerajaan dan golongan pesakit miskin di Institut Jantung Negara dan juga untuk kos penubuhan Unit Kardiologi di Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, saya hendak memperkatakan saya menyokong usaha kerajaan yang amat bagus ini untuk memberi subsidi rawatan kepada kakitangan kerajaan dan pesakit yang miskin memandangkan bahawa kos pembedahan biasa dikenakan kepada pesakit ialah sebanyak RM15,000 seorang. Ini merupakan satu kos yang amat tinggi kepada mereka yang miskin dan kepada kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah. Maka saya ingin menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya pernah melawat Institut Jantung Negara dan merasa amat terperanjat melihat begitu ramai pesakit jantung termasuk kanak-kanak yang begitu ramai sakit jantung. Saya ingin bertanya Kementerian Kesihatan adakah ini merupakan satu fenomena yang terdapat di seluruh negara, kita melihat begitu cepat peningkatan bilangan pesakit jantung dan sama ada peningkatan bilangan pesakit ini disebabkan oleh memakan makanan yang kita ambil sekarang atau disebabkan oleh cara hidup atau tekanan-tekanan sosial. Saya minta kementerian memberi sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya Kementerian Kesihatan sama ada kementerian bercadang menubuhkan Unit Kardiologi di semua hospital negeri untuk memberi rawatan kepada pesakit jantung.

Tuan Pengerusi, beralih kepada peruntukan tambahan Maksud P. 34 iaitu sebanyak RM40,000 untuk membiayai pembinaan hospital-hospital baru.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan peruntukan ini, saya cuma hendak bertanya Kementerian Kesihatan sama ada hospital rujukan yang pernah pada satu masa dicadangkan untuk kawasan zon tengah Pahang yang dicadangkan untuk ditubuhkan di Temerloh masih kekal lagi.

Tuan Pengerusi, hospital yang telah dicadangkan itu adalah termasuk untuk semua kes-kes rujukan untuk zon tengah Pahang iaitu meliputi kawasan Mentakab, Temerloh, Bentong dan sebagainya.

Pada masa kini, Hospital Mentakab merupakan satu hospital di mana semua kes-kes yang memerlukan rawatan pakar dirujuk di sini dan saya harap, cadangan itu dapat dikekalkan supaya kita dapat lebih perkhidmatan yang sempurna dan baik untuk rakyat miskin. Sekian.

Tuan Pengerusi: Kapar.

4.21 ptg.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 34 — Pengurusan Hospital, yang mana saya ingin tahu sama ada Hospital Besar Kuala Lumpur ingin diswastakan oleh kerajaan. Hari ini kita semua tahu bahawa hospital-hospital kerajaan di Kuala Lumpur ini adalah penuh sesak oleh orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan. Orang ramai kebanyakannya adalah orang-orang miskin. Walaupun banyak hospital-hospital swasta tetapi hanya orang kaya sahaja yang mampu pergi ke hospital swasta. Kalaulah Hospital Besar diswastakan, di manakah orang-orang miskin hendak mendapatkan perkhidmatan, sebab penswastaan bermakna kosnya tinggi. Lagi pula Hospital Kerajaan tidak mencukupi di Kuala Lumpur.

Hari ini, di Kuala Lumpur, ratio doktor adalah satu doktor bagi tiap-tiap 2,213 penduduk. Angka ini adalah jauh dari angka yang sepatutnya, malah tempat-tempat rujukan pesakit adalah hospital kerajaan dan saya berpendapat kerajaan mestilah menempatkan lebih ramai doktor-doktor. Salah satu jalan ialah membenarkan doktor-doktor asing yang suaminya warganegara Malaysia berkhidmat tanpa syarat. Hari ini doktor-doktor asing walaupun suami mereka warganegara mesti menunggu sekian lama sehingga pihak perkhidmatan atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membenarkan mereka diserapkan ke dalam perkhidmatan perubatan. Ini biasanya memakan masa yang cukup lama.

Para doktor hari ini dibebankan dengan tugas yang banyak sebab kekurangan doktor di negara ini. Oleh sebab bebanan kerja ini banyak doktor meninggalkan perkhidmatan kerajaan dan membuka klinik-klinik masing-masing. Fenomena ini hendaklah dipandang serius oleh kerajaan. Akibatnya banyak tempat tiada doktor dan terpaksa dikawal oleh, dengan izin, Hospital Assistant. Satu contohnya di kawasan saya di Pulau Ketam. Saya ingin kerajaan mengambil perhatian terhadap masalah ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ramai sangat yang bangun. Seorang sahaja lagi, di belakang sana, selepas itu Menteri menjawab.

4.24 ptg.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Maksud B. 34 iaitu

peruntukan untuk membiayai pembinaan hospital-hospital baru. Tidak dinafikan bahawa pembinaan hospital-hospital baru adalah penting untuk memenuhi kehendak kesihatan rakyat, tetapi saya mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan cadangan kepada pihak Kementerian Kesihatan iaitu, disamping membina hospital-hospital yang baru ini, kita minta supaya kementerian dapat mempertimbangkan cadangan untuk menyediakan penginapan kepada keluarga-keluarga pesakit, kerana selalu kita lihat di hospital-hospital, keluarga-keluarga pesakit yang datang terutamanya dari pendalaman tidak mempunyai tempat tinggal sepanjang tempoh menjaga pesakit tersebut dan di Hospital Kuala Lumpur sendiri kita lihat, ada yang terpaksa tidur di kaki-kaki lima dan menumpang di masjid dan ini tentulah menimbulkan kesulitan kepada keluarga pesakit.

Kita mencadangkan supaya kementerian boleh menyediakan penginapan mungkin dalam bentuk hostel dan dikenakan sedikit bayaran untuk menampung pengurusan penginapan tersebut. Ini boleh membantu keluarga pesakit dan dalam masa yang sama boleh memberikan sedikit pendapatan kepada hospital.

Selain daripada menyediakan hospital-hospital baru, kita rasa kementerian juga perlu memberikan perhatian kepada masalah kekurangan doktor, iaitu ramai doktor-doktor yang telah habis tempoh wajib bertugas mereka dengan kementerian telah keluar daripada hospital-hospital dan lebih berminat untuk mengamalkan kebolehan mereka secara bersendirian dan ini menjejaskan perkhidmatan kesihatan kita. Saya rasa perkara ini terjadi, sebab yang besar

ialah kerana skim perkhidmatan yang tidak memuaskan mereka dan kerana itu mereka lebih suka bekerja di luar daripada di hospital dan kerana itu kita mengharapkan supaya kementerian boleh mengkaji dan cuba meningkatkan lagi skim perkhidmatan kepada doktor-doktor.

Selain daripada itu kita suka juga mencadangkan supaya kementerian memberikan perhatian untuk mencari jalan bagaimana untuk menambahkan bilangan doktor-doktor wanita di hospital-hospital terutamanya doktor-doktor yang berkebolehan di dalam bidang perbidanan dan sakit puan, kerana antara masalah yang dihadapi oleh isteri-isteri kita apabila hendak bersalin di hospital, mereka dilayani oleh doktor lelaki dan tentunya ini akan menimbulkan keadaan yang tidak selesa, lebih-lebih lagi daripada sudut pandangan agama. Jadi, kerana itu kita berharap kementerian dapat mencari jalan untuk menambahkan bilangan doktor, terutamanya doktor wanita dalam bidang perbidanan dan sakit puan, Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri menjawab.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan cadangan.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, mengenai prosedur pesakit-pesakit yang diberi rawatan di IJN, khususnya bagi pesakit-

pesakit yang miskin dan tidak mempunyai pendapatan sosial-ekonomi yang rendah, semua pesakit mestilah dirujuk kepada pegawai perubatan kerajaan tempatan, sebelum dibuat rujukan kepada IJN. Jadi, tentang pandangan untuk memudahkan lagi pesakit-pesakit miskin ini diberi keutamaan dan juga tidak meremehkan lagi, pandangan itu akan diambil kira, tetapi setakat ini, kita tidak membuat sebarang kesulitan bagi mereka yang terlibat.

Berkenaan dengan sama ada mereka yang di zon selatan tidak perlu lagi ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan sakit mereka — sebenarnya mereka masih lagi perlu sehingga kerajaan mewujudkan pusat atau Unit Kardio-Vascular atau Kardiologi di Johor Bahru pada tahun 1996/1997.

Berkenaan dengan komen Ahli Yang Berhormat dari Senai, iaitu kesesakan di Pusat Kesihatan, Kementerian Kesihatan menyedari kesesakan yang berlaku di pusat kesihatan ini. Tindakan segera dalam jangka panjang telah diatur bagi mengatasi masalah ini.

Mengenai perkhidmatan pesakit luar yang diberikan berasingan daripada perkhidmatan kepada pesakit dalam hospital, kerajaan mengambil langkah mengasingkan perkhidmatan pesakit luar daripada perkhidmatan hospital dengan tujuan untuk mengurangkan kesesakan di hospital di samping untuk mengukuhkan perkhidmatan jagaan kesihatan asas di bawah pengurusan Program Kesihatan Awam.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Bandau mengenai peningkatan peralatan hospital-hospital terutamanya dengan tujuan untuk mengu-

rangkan ratio doktor dan pesakit-pesakit, itu memanglah menjadi hasrat kementerian, malah segala keutamaan dan priority akan digunakan dan akan diusahakan oleh pihak kementerian untuk mengutamakan keperluan bagi doktor-doktor untuk diisi kekosongan, khususnya di Sabah.

Mengenai dengan peralatan ataupun meluaskan kemudahan dan meningkatkan pusat-pusat kesihatan di Sabah, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 31 projek adalah yang berkaitan dengan menambahbaikkan hospital-hospital di luar bandar khususnya di Sabah dan 5 projek pembinaan hospital baru dan 2 projek hospital gantian diperuntukkan untuk dilaksanakan di Sabah. Selain daripada sebanyak RM20 juta yang telah dipohon sepanjang 5 tahun akan datang bagi tujuan perolehan peralatan-peralatan di semua hospital di Sabah bagi menggantikan atau menaiktarafkan peralatan sedia ada.

Yang Berhormat dari Mentakab membuat teguran tentang adakah cadangan untuk menubuhkan unit kardiologi dan kardiotorasik. Sama ada cadangan ini akan dilakukan — perkara ini akan dilaksanakan dan mengenai hospital rujukan di zon tengah bagi kawasan di Pahang Barat, projek ini masih terus kekal dan akan dilaksanakan pada tahun hadapan dengan perbelanjaan lebih kurang sebanyak RM100 juta.

Berkenaan dengan komen dari Yang Berhormat Kapar iaitu sama ada Hospital Kuala Lumpur akan diswastakan. Sebenarnya cadangan penswastakan Hospital Kuala Lumpur sudah pun dimajukan dan kini di peringkat EPU. Namun demikian, akan dipastikan supaya usaha

penswastaan akan tidak menjejaskan khususnya kepentingan masyarakat yang kurang bernasib baik atau yang miskin kerana itu merupakan tonggak kepada polisi Kementerian Kesihatan yang tidak akan dijejaskan atau diabaikan sama sekali walaupun usaha-usaha dan rancangan penswastaan ataupun korporatisasi yang sekarang ini sedang dalam kajian akan dilaksanakan nanti apabila diterima oleh kerajaan. Yang.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Tadi, Yang Berhormat menyebut mengenai program untuk mengkorporatisasikan hospital-hospital. Daripada 14 hospital besar di negara ini, berapa akan dikorporatkan dan bagaimana akan dikorporatkan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, sebenarnya yang sudah pun dimajukan untuk di'privatised'kan adalah Hospital Kuala Lumpur yang sedang di peringkat pertimbangan. Namun demikian, kajian korporatisasi di peringkat kementerian khususnya yang bersabit dengan hospital-hospital adalah sedang dijalankan secara menyeluruh untuk membolehkan cara korporatisasi ini mendapat manfaat bagi semua yang terlibat dalam organisasi kementerian dan juga boleh memanfaatkan dari segi jangka panjang.

Berkenaan dengan Pembantu Perubatan mengendalikan beberapa klinik, perkara ini akan ditempatkan di pusat-pusat kesihatan kerana kebanyakan pusat-pusat kesihatan sekarang sudah pun mempunyai doktor ataupun mene-

rusi lawatan-lawatan yang dilakukan dan diharapkan akan terus kerajaan mengusahakan supaya doktor ini akan dapat ditambah kerana kita tidak dapat mengelakkan daripada persoalan yang dihadapi iaitu rata-rata secara menyeluruh kerajaan menghadapi masalah kekurangan doktor akibat daripada tuntutan perkhidmatan kesihatan yang semakin tinggi dan juga soal ganjaran dan juga tarikan yang lebih menarik daripada swasta. Namun demikian, beberapa kajian dan rundingan sedang dilakukan bagi melihatkan cara-cara atau kaedah reformasi sistem dan pengurusan perkhidmatan kesihatan untuk mencari jalan tengah untuk membolehkan jurang antara pakar perubatan ataupun para pengamal perubatan di sektor swasta dan di sektor kerajaan dapat dikurangkan ke arah bagi melonggarkan service untuk membolehkan kita masih lagi tidak menanggung beban memberi perkhidmatan kesihatan di samping perkara-perkara lain yang diberi tumpuan.

Selain daripada itu, saya ingin bagi pihak kementerian mengucapkan berbilang terima kasih kepada teguran-teguran, pandangan dan cadangan yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat berikan dan di atas sokongan kementerian, insya-Allah akan terus memberi tumpuan yang lebih demi meningkatkan prestasi perkhidmatan kesihatan di negara kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM118,477,800 untuk Maksud B. 34 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan RM64,000,000 untuk Maksud B. 34 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Kesihatan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM118,477,800 untuk Maksud B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan RM64,000,000 untuk Maksud B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM40,000,000 untuk Maksud P. 34 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1994 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM40,000,000 untuk Maksud P. 34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994.

Maksud B. 36, B. 37 dan B. 40 (Jadual Pertama) —

Maksud B. 36 (Jadual Kedua) —

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 36, B. 37 dan B. 40 terbuka untuk dibahas. Ya, Kubang Kerian.

4.36 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Tuan Pengerusi, Maksud B. 36 iaitu perbelanjaan Polis Diraja Malaysia untuk mengendalikan pilihan raya, RM31,830,000. Saya ucapkan tahniah kepada pihak Polis Diraja Malaysia kerana berjaya mengendalikan Pilihanraya Umum 1995 dengan keadaan yang aman walaupun di sana-sini ada sedikit beberapa kekecohan tetapi keseluruhannya boleh dikatakan pihak polis dapat mengawal keadaan.

Dalam masa suasana pilihan raya, kalau boleh kita mahu pihak polislah yang menguasai suasana. Ertinya kenyataan-kenyataan pihak polis, itulah kenyataan yang diterima pakai oleh rakyat umum tetapi kita lihat dalam masa pilihan raya, kadang-kadang suara pihak polis tenggelam tetapi yang lebih muncul ialah berita-berita akhbar yang dijadikan rujukan utama bagi rakyat dan bukan dari kenyataan pihak polis.

Tuan Pengerusi, misalnya kita lihat, yang saya sendiri alami dalam kes Kuala Kedah. Pihak polis hanya meminta saya pergi membuat laporan iaitu membuat kenyataan yang dipanggil oleh pihak polis dengan bila-bila saya ada masa sama ada sebelum atau selepas pilihan raya tetapi akhbar-akhbar mengeluarkan bahawa "Mohamad Sabu menjadi buruan polis". Seolah-olah saya ada waktu itu seperti Botak Chin ataupun Kalimuthu. Ini keadaan yang kita lihat pihak polis hanya minta pergi ke balai buat kenyataan tetapi pihak akhbar mengatakan 'buruan polis'.

Jadi, ini kita lihat satu perkara yang peliklah. Sehingga bila saya berada di Subang Airport, orang membaca surat khabar *Watan* di muka hadapan, dia kata, "Ha, itu dia buruan polis" dan sedangkan saya mundar-mandir ke sana ke mari dan saya selalu makan-minum, minum teh bersama dengan pasukan polis sama ada di Kota Bharu, di Alor Setar atau di mana-mana sebab bagi saya, saya letakkan polis ini sebagai kawan, sebagai rakan dan sebagai orang yang menjaga keselamatan negara dan juga sekali gus keselamatan kita.

Tuan Pengerusi, pihak polis memang bertindak dengan cepat di beberapa tempat, dapat mengawal keadaan-keadaan. Kalau pihak polis

bersifat betul-betul menjaga keselamatan, memang mereka dapat mengawal keadaan seperti kejadian yang berlaku di Kupang, Kedah dapat diselesaikan oleh pihak polis dengan baik. Begitulah juga dengan kejadian yang berlaku di Marang, Terengganu dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kelmarin, saudara saya dari Kuala Nerus bercakap iaitu ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap semasa kempen pilihan raya di Terengganu, ada suara gangguan yang masuk, kononnya pihak parti Pembangkang yang membuat siaran gangguan terhadap ucapan Perdana Menteri dan diminta kakitangan RTM supaya dipecat. Saya mintalah sahabat saya supaya jangan jump to a conclusion — satu perkara bila berlaku kepada Perdana Menteri, Pembangkang yang buat, sebab yang sabotaj, kita tidak tahu daripada pihak mana. Misalnya, dahulu, bila terbunuhnya Dato' Taha Talib, terus orang kata, "ini Pembangkang buat". Tiba-tiba yang ditangkap, seorang Menteri daripada UMNO!

Begitu juga bila terbunuh seorang Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Kedah, dituduh Pembangkang, tetapi yang disoal-siasat oleh polis, tak ada seorang pun daripada parti Pembangkang yang dipanggil untuk disoal-siasat oleh pihak polis. Oleh itu saudara saya dari Kuala Nerus, jangan kita cepat jump to a conclusion. Sebab kita boleh buat, minta pihak polis siasat siapa yang melakukan dan ambil tindakan kepada siapa sahaja yang sabotaj ucapan Perdana Menteri yang ketika beliau berada di kawasan Parlimen Kuala Nerus.

Tuan Pengerusi, begitu juga kita lihat kadang kalanya ada juga pihak polis yang agak lambat bertindak.

Keseluruhannya cepat, tetapi ada yang lambat. Misalnya dalam pilihan raya yang berlaku baru-baru ini, ada kejadian yang dilaporkan begitu hebat — kejadian di Kuala Kedah iaitu kejadian masalah petugas TV3 dan sebagainya. Perkara itu, kita harap pihak polis dapat selesaikan melalui jalan yang sebaik mungkin. Tetapi tidak dilaporkan langsung oleh berita-berita terhadap kejadian bagaimana petugas parti Angkatan Perpaduan Ummah ditikam dan cedera parah berlaku di kawasan Parlimen Peringat — kawasan Parlimen Menteri Pembangunan Luar Bandar sekarang ini. Tak ada publisiti langsung, sehingga mangsa-mangsa itu terlantar di hospital, terburai perut.

Kita lihat dalam kes ini, pihak polis, barangkali kalau mereka lebih cepat untuk mengawal keadaan, mungkin tidak berlaku tragedi seperti ini. Keseluruhannya, dalam pilihan raya lalu, pihak polis telah menjalankan tugas dan kita mengucapkan terima kasih; di beberapa tempat, keadaan yang dapat diselesaikan oleh pihak polis dengan baik.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Kluang.

4.43 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang (Kluang):

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang memberi peluang kepada saya untuk berbahas bagi Maksud P. 37 di bawah tajuk Jabatan Imigresen yang memerlukan pembayaran tambahan sebanyak RM5.28 juta untuk membiayai bayaran emolumen. Dalam masa yang terhad ini, saya cuma ingin menyentuh satu perkara, iaitu tentang perkhidmatan Jabatan Imigresen terhadap permohonan pasport.

Dalam hal ini, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Imigresen yang selama ini cuba memberi satu perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Lebih-lebih lagi Kementerian Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi produktiviti perkhidmatan di Jabatan Imigresen. Dari bahagian ini, permohonan pasport daripada rakyat meningkat ekoran daripada kemajuan ekonomi negara dan juga pertambahan rakyat sendiri. Jadi, sudah sampai masanya Jabatan Imigresen harus mengkaji semula terhadap perkhidmatan yang diberi kepada rakyat, khususnya di kawasan ataupun di daerah-daerah yang masih belum mempunyai pejabat Imigresen yang tetap.

Tuan Pengerusi, di negeri yang lain saya tidak tahu, tetapi di negeri Johor, daerah-daerah yang masih belum ada pejabat Imigresen yang tetap seperti daerah Kota Tinggi, daerah Segamat termasuk daerah Kluang, iaitu kawasan yang saya wakili. Pada tahun yang lepas, Jabatan Imigresen telah mengadakan satu perkhidmatan mobile ataupun mobile service di bandar Kluang dan saya nampak ada kelemahan di mana perkhidmatan mobile ini; yang pertama, international pasport tidak diterima oleh perkhidmatan mobile.

Yang kedua, pegawai yang bertugas adalah dari bandar Johor Bahru di mana dari Johor Bahru ke Kluang memerlukan masa lebih kurang satu jam setengah atau lebih. Ini bermakna, pemohon-pemohon dari bandar Kluang itu terpaksa menunggu dan terpaksa berbaris dari pukul 6.00 pagi hingga jam 9.30 pagi ataupun lewat daripada jam 9.30 pagi untuk menunggu permohonan pasport tersebut.

Apatah lagi jika kenderaan pegawai yang bertugas rosak di tengah jalan. Ini bermakna, saya kasihan kepada pemohon-pemohon dari kawasan Kluang ini untuk menunggu sekian lama untuk membuat satu permohonan. Jadi saya rasa, sudah sampai masanya untuk kementerian untuk menimbangkan daerah-daerah yang masih tidak mempunyai pejabat tetap untuk permohonan pasport yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, di daerah Kluang ini, penduduknya begitu ramai bekerja sebagai petani. Di daerah-daerah yang saya katakan tadi di seluruh negara, sudah sampai masanya untuk mengadakan satu perkhidmatan yang lebih baik dari segi permohonan pasport dan saya harap Kementerian Dalam Negeri menimbangkan permohonan saya demi kebaikan dan kepentingan serta kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Satu lagi cadangan yang saya hendak buat pada hari ini, di pejabat-pejabat Imigresen yang sedia ada, Jabatan Imigresen bukan sahaja menambah pegawai-pegawai Imigresen, bahkan juga membuka lebih banyak kaunter untuk perkhidmatan menerima permohonan pasport yang dikemukakan oleh rakyat jelata.

Jadi, dengan dua-tiga cadangan yang saya kemukakan pada petang ini, saya harap Kementerian Dalam Negeri dapat menimbangkan permohonan saya dan seterusnya meluluskan permohonan saya demi kebaikan rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

4.48 ptg.

Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Maksud

B. 37, Jabatan Imigresen, saya ingin menyarankan bahawa dengan peruntukan tambahan itu, Jabatan Imigresen boleh cuba mempertingkatkan kemudahan komputer on-line supaya semua maklumat warganegara Malaysia dapat distorkan di dalam on-line computer selaras juga dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

Ini adalah perlu kerana kadangkang ataupun pada masa yang diperlukan, orang ramai perlu mengesahkan kad pengenalan ataupun salinan laporan kehilangan kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara di Petaling Jaya walaupun orang itu, barangkali datang daripada Pulau Pinang dan ini akan mengambil masa yang sangat panjang untuk proses permohonan pasport. Kalau semua maklumat kewarganegaraan dapat distorkan dalam on-line computer, semua pejabat imigresen seluruh negara kita, proses ini akan mengambil masa sekejap sahaja dengan merujuk kepada data-base computer kita ini.

Jadi, saya berharap Jabatan Imigresen boleh mengambil perhatian terhadap cadangan saya ini dan cuba memperbaiki perkhidmatan jabatannya setelah mendapatkan peruntukan tambahan itu.

Satu permintaan lagi yang saya ingin sarankan adalah berkaitan dengan tuntutan balik pasport-pasport warganegara yang telah tinggal di luar negara kita ini lebih daripada masa yang diberi visa di negara-negara seperti Jepun, Taiwan, Amerika Syarikat, Australia dan sebagainya. Saya berharap Jabatan Imigresen boleh mengumumkan syarat-syarat yang jelas berkaitan dengan pemulangan pasport-pasport antarabangsa warganegara-warganegara kita yang telah membuat kesalahan kerana tinggal di luar negara lebih daripada

masa itu dan saya harap pemulangan itu boleh dibuat dengan secepat mungkin atas sebab warganegara-warganegara kita ini sebenarnya pergi ke luar negara untuk mencari rezeki. Mereka sebenarnya selain dari mencari rezeki dan membawa balik rezeki ini ke Malaysia sebagai keuntungan Malaysia, walaupun mereka ini telah tinggal di luar negara lebih daripada tempoh yang dibenarkan oleh negara-negara yang berkaitan.

Jadi, atas peri kemanusiaan saya harap Jabatan Imigresen ini boleh memberikan pertimbangan kemanusiaan kepada warganegara kita ini yang membuat kesalahan ini, oleh kerana mereka ini ada yang ditawarkan peluang-peluang bekerja lagi di seberang laut dan mereka berharap dengan mendapatkan balik pasport-pasport antarabangsa mereka; kali ini mereka boleh meminta kebenaran rasmi ataupun yang legal, dengan izin, untuk bekerja di seberang laut dan untuk mendapatkan keuntungan untuk negara kita.

Jadi, dengan cadangan-cadangan itu saya menyokonglah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka.

4.52 *ptg.*

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Maksud B. 37 Jabatan Imigresen di mana pertambahan sebanyak RM5,280,500 dikehendaki bagi membiayai pembayaran emolumen berikutan pengisian jawatan-jawatan kosong di beberapa tempat termasuk di luar negara dan juga Jabatan Imigresen Johor Bahru.

Tuan Pengerusi, semasa kita meluluskan peruntukan ini, adalah diharapkan dengan pengisian jawatan-jawatan kosong kita boleh memastikan pegawai-pegawai yang betul-betul berkaliber, bermaruah, bermoral menjalankan tugas mereka.

Tuan Pengerusi, saya menimbulkan perkara ini kerana terdapat satu kes di negeri Melaka di mana dalam satu episod yang pertama berlaku di negara kita, di Jabatan Imigresen Melaka; di mana seorang pegawai Jabatan Imigresen Melaka telah ditangkap kerana terbabit dalam kes rasuah seks, Tuan Pengerusi. Nampaknya ini bukan kali pertama perkara ini telah berlaku di Jabatan Imigresen Melaka, di mana seorang pemohon, seorang gadis muda yang berasal dari Melaka tetapi telah bekerja di Singapura pergi ke Jabatan Imigresen Melaka untuk memperbaharui pasport antarabangnya.

Tetapi terdapat satu kesilapan dalam pasport antarabangnya di mana pemohon itu terlupa mendapat satu cop yang saya difahamkan bahawa kesilapan ini memang dilakukan oleh orang-orang yang bekerja di Singapura, kerana apabila pergi ke Pulau Batam di Indonesia, selepas balik kena dapatkan satu cop entry permit — masuk. Tetapi ini terlupa oleh pemohon yang berkenaan dan saya rasa ramai orang pun tidak tahu mereka mendapatkan entry permit — masuk, apabila pergi ke luar negara daripada Singapura dan semasa balik ke Malaysia.

Oleh kerana terdapat kesilapan atau kegagalan mendapatkan cop yang berkenaan, pasportnya telah ditahan dan tidak dibenarkan diperbaharui. Apa yang berlaku ialah apabila gadis atau wanita muda tersebut diminta masuk ke pejabat

pegawai Imigresen daripada 8.00 pagi hingga 11.00 pagi, Tuan Pengerusi, gadis ini telah dipersoalkan oleh pegawai Jabatan Imigresen tersebut dan ditanya soalan-soalan yang bukan-bukan yang tidak ada berkaitan langsung dengan pasportnya, soalan-soalan peribadi, soalan-soalan sama ada rela keluar bersama dengannya; dan akhirnya membuat tuntutan bahawa kalau gadis ini bersedia, secara tidak langsunglah, bersedia bermalam dengannya, pasportnya akan dikembalikan atau akan dipulangkan tanpa sebarang masalah langsung.

Ini adalah suatu perkara yang amat memalukan. Lebih-lebih lagi berlaku di negeri Melaka, kawasan saya sendiri. Tidak tahulah Tuan Pengerusi, kerana negeri Melaka termasyhur dengan skandal seks bukan sahaja pemimpin-pemimpin tertinggi terlibat, ada khabar bahawa pemain-pemain bola sepak pun terlibat. Sekarang pegawai Jabatan Imigresen pun terbabit.

Jadi, ini satu perkara yang amat memalukan. Nasib baik pemohon wanita ini berani dan mempunyai sikap, semangat untuk menegakkan undang-undang. Dia telah datang berjumpa saya tentang masalah atau tuntutan yang amat menjijikkan oleh pegawai Imigresen di Melaka. Selepas itu saya telah membawanya pergi berjumpa dengan Badan Pencegah Rasuah dan selepas operasi yang dijalankan dengan jayanya oleh BPR, pegawai Imigresen ini ditahan di sebuah hotel di negeri Melaka dan ini merupakan kes pertama di negara kita di mana satu tangkapan dibuat dalam takrifan kes rasuah seks. Sebelum itu ada banyak tuduhan, ada banyak kes serupa ini tetapi tidak berjaya ditangkap. Tetapi kes ini di Melaka mencatat sejarah. Melaka Bandaraya Bersejarahlah. Dalam perkara ini pun bersejarah. Mencatat sejarah tetapi sejarah yang memalukan.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya akan beri. Biarkan saya habis episod ini dulu. Nanti takut tidak cukup masa. Oleh sebab itu, saya hendak bertanya pihak kementerian, memandangkan perkara ini berlaku, tangkapan telah dibuat dan memang diakui ini bukan kes pertama. Banyak-banyak kes yang berlaku, sungguhpun Melaka mungkin termasyhur dalam aspek inilah tetapi saya rasa kes ini lebih berleluasa di tempat lain khususnya di Johor Bahru.....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Tanjong Karang bangun ya.

Tuan Lim Guan Eng:di mana.....

Tuan Pengerusi: Ya, point of order. Kata point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Apa Yang Berhormat Tanjong Karang hendak?

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta jalan. Kes ini sudah dibawa ke mahkamahkah belum? Ada kes poliskah tidak?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, apa yang Yang Berhormat hendak itu? Kata point of orderkah tidak? Hendak buat point of order atau tidak?

Tuan Noh bin Omar: 36(2).

Tuan Lim Guan Eng: Jangan keras sangatlah.

Tuan Noh bin Omar: 36(2).

Tuan Pengerusi: Pasal apa 36(2) itu?

Tuan Noh bin Omar: Kalau kes ini adalah dalam pertimbangan mahkamah, dia tidak boleh bincang dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya tidak tahu perkara ini dalam mahkamah atau tidak.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, kes ini belum sampai ke mahkamah.

Tuan Pengerusi: Belum lagi Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tapi kalau BPR sudah mula ambil tindakan.....

Tuan Pengerusi: Tidak boleh Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa.....

Tuan Pengerusi: Tidak boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong Karang tidak boleh. Melainkan masuk mahkamah dulu barulah dia jadi *sub-judice*.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang hendak tunjuk dia pandai sangat tetapi lepas ini kena muka dia sendiri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka jalanlah.

Tuan Lim Guan Eng: Kena ajar sikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah!

Tuan Lim Guan Eng: Macam kita ini tidak tahu. Kita tahu. Kalau ini *sub-judice* – *sub-judice*. Macam kes saya dengan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, saya tidak sebut kerana itu *sub-judice*. Kita bukan penggal pertama. Kita penggal ketiga. Harap boleh tahu perkara ini. Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta apa itu?

Tuan Noh bin Omar: Tetapi dalam Parlimen ini bukan kira penggal kedua, penggal ketiga.....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu habis masa dengan orang yang jahil.

Tuan Noh bin Omar: Habis, teruskan ucapanlah!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun hendak minta apa? Hendak minta jalankah tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak teruskan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Apa yang saya hendak bertanya, memandangkan perkara ini.....

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Point of order.

Tuan Pengerusi: Point of order. Dia bangun atas point of order.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, 36(1).

Tuan Pengerusi: Pasal apa itu?

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Berkenaan tidak berkaitan dengan isu yang kita bincangkan sekarang. Diminta beliau hanya spesifik kepada perkara yang kita bincangkan di dalam tajuk ini. Tidak meleret-leret kepada perkara yang ada perkaitannya dengan hal-hal yang lain. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi: Dia telah sebutkan daripada mula tadi berkenaan dengan Imigresen tadi. Sila teruskan Kota Melaka. Yang Berhormat ada masa dua minit lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tahu. Kerana semua orang hendak tutup skandal rasuah sekslah. Ini yang jadi masalah. Tetapi saya rasa pihak Kementerian Dalam Negeri tidak mahu perkara ini ditutup kerana ini perkara yang amat serius. So, saya hendak tahu apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian supaya perkara ini boleh dibendung.

Kalau boleh, saya ingin mencadangkan, apabila ada sesiapa pemohon wanita yang datang untuk membuat permohonan atau perkhidmatan Imigresen, bolehkah ia diuruskan oleh seorang pegawai wanita supaya masalah ini tidak akan berlaku lagi. Ini memang diakui oleh ramai orang, banyak pejabat — rasuah sama ada dalam bentuk wang atau bentuk seks berlaku, bukan sahaja di Melaka, Johor Bahru lagi teruk. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih tahu tentang perkara ini.

Kalau boleh, Tuan Pengerusi, ini amat penting supaya keselamatan golongan wanita yang ingin mendapat perkhidmatan dengan Jabatan Imigresen terjamin. Saya akan dapat banyak pang-

gilan telefon selepas episod ini. Ramai orang marah perkara ini boleh berlaku dan takut tentang keselamatan anak gadis, adik perempuan dan juga isteri mereka. Mungkin Barisan Nasional sahaja yang tidak bimbanglah dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka, sila teruskan. Jangan bawa perkara yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi itu perkara pokok, Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu, saya harap perkara ini boleh dibendung dengan segera kerana kita ada satu kes kukuh, bukti sudah ada, tangkapan sudah dibuat, kes sudah tamat. Ini menunjukkan, menandakan bahawa masalah ini sangat serius.

Saya harap pihak kementerian boleh mengambil langkah-langkah seperti ini, kalau boleh, ambil pegawai wanita untuk menguruskan permohonan yang dibuat oleh kaum wanita. Kalau dibuat macam ini, saya rasa kita boleh kurangkan masalah kes rasuah seks yang berlaku. Kalau boleh, harap satu siasatan boleh dibuat di Jabatan Imigresen Melaka supaya perkara yang memalukan ini tidak berulang lagi. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Senai.

5.04 ptg.

Tuan Lim Si Cheng (Senai): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya merujuk kepada Maksud B. 37 tentang peruntukan tambahan bagi membiayai kerja ubah suai ruang orang ramai di Jabatan Imigresen Johor Bahru. Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian Dalam Negeri yang telah mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan ruang orang ramai di Jabatan yang berkenaan.

Untuk makluman Timbalan Menteri yang berkenaan masalah hawa dingin (air condition) di jabatan juga perlu diambil tindakan untuk diperbaiki. Oleh kerana setiap hari terdapat ramai, lebih daripada 1,000 pemohon pasport datang ke Jabatan Imigresen Johor Bahru.

Beralih saya kepada pejabat imigresen, saya memang menyokong apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Kluang oleh kerana di pekan Kulai, di kawasan saya juga terdapat sebuah cawangan mobile, pejabat imigresen bergerak di Kulai. Pejabat ini dibuka dalam seminggu 2 hari iaitu pada hari Rabu dan hari Khamis. Setiap hari terdapat lebih daripada 350 orang datang ke pejabat sana untuk memohon pasport mereka. Akan tetapi pejabat yang berkenaan hanya dapat melayan seramai 100 orang sahaja. Jadi, itu mengakibatkan lebih daripada 250 orang hanya membuang masa mereka datang ke pejabat dan balik dengan tidak mendapat apa-apa layanan daripada jabatan. Jadi, saya harap keadaan di Kulai ini dapat diselesaikan.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, terpaksa saya bangkitkan di sini, permohonan untuk mengadakan satu Jabatan Imigresen di Segamat, telah dimajukan dan dibincangkan selama 5 tahun. Kemungkinan pada 4 tahun kebelakangan ini kawasan zon Segamat diwakili oleh parti pembangkang. Akan tetapi, saya ingin memaklumkan kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, saya harap melalui jasa baik dan pertolongan beliau, permohonan penduduk-penduduk Segamat untuk mendapat sebuah jabatan atau pejabat Imigresen dapat dihasilkan kerana saya yakin dan percaya, rakyat jelata di Segamat kali ini menyokong penuh kepada Barisan Nasional, kemungkinan besar mereka sangat-sangat berharap projek ini dapat dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional

Jadi, sekian dan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Bintang.

5.07 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahas Kementerian Dalam Negeri Maksud B. 36 dan B. 37 dengan sekaligus.

Perkara pertama, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 36 Polis Diraja di atas Butiran 03000 Penyiasatan Jenayah. Memang kita amat sokong dengan bayaran berapa banyak pun di atas siasatan jenayah ini, oleh kerana ini untuk menghapuskan kegiatan jenayah di dalam negara kita. Yang kita bimbang di sini, semasa seorang ditahan di bawah kuasa polis untuk siasatan, ada kes-kes yang sudah timbul di dalam negara kita, di mana orang tahanannya mati di bawah tahanan polis. Sedangkan, di depan tahanan polis ini di dalam kawalan atau tahanan yang amat selamat. Kenapakah orang ini boleh mati di sana?

Seperti kes mekanik baru-baru ini keluar dalam surat khabar sudah ditimbulkan satu kes. Dan juga tahun 1988 di mana seorang bernama Anthony Samy juga mati dalam tahanan polis semasa siasatan. Selalunya kes ini berlaku, oleh kerana kematian mereka ini oleh kerana internal bleeding ataupun ada keganasan atau kekerasan digunakan ke atas mereka.

Ada satu kes lagi yang saya amat hairan, kes di Langkawi baru-baru ini di mana seorang bernama Rusminuddin bin M. Amin, berumur 33 tahun mati di dalam lokap polis selepas beliau ditangkap dan disimpan dalam lokap untuk 4 hari dan keesokannya dibawa ke

General Hospital dan beliau mati dalam General Hospital. Alasan kematian itu ialah internal bleeding. Kenapakah Polis Diraja atau Kementerian Dalam Negeri tidak mengumumkan perkara serius sebegini sama ada seorang rakyat mati di dalam tahanan polis ini tidak penting ataupun sudah menjadi satu amalan yang biasa?

Ini kita tidak boleh menerima. Mungkin satu hari waris-waris kita, mungkin juga mati dalam lokap oleh kerana siasatan polis. Ini memang satu kes, yakni apa-apa kematian dalam tahanan polis, Kementerian Dalam Negeri atau Polis Diraja mesti mengumumkan, memberitahu rakyat bahawa ada satu kematian. Apakah tindakan yang sekarang diambil di atas mekanik dan juga Allahyarham Rusminuddin bin M. Amin ini? Oleh kerana kematian beliau ini dan dikuburkan tanpa apa-apa post-mortem dijalankan. Ini satu amalan yang amat serius oleh kerana apa-apa kematian khususnya di dalam tahanan polis atau tahanan pihak berkuasa, mesti kita menjalankan satu post-mortem untuk siasatan sama ada beliau ini mati, kematiannya atas alasan apa? Kalau di atas alasan keganasan atau kekerasan pihak polis, polis mesti mengambil tindakan.

Saya tidak bersetuju dalam siasatan perkara begini, kematian dalam tahanan polis, disiasat oleh pihak polis. Bagaimanakah mereka boleh menjalankan satu siasatan yang terperinci dan satu siasatan yang saksama? Memang mereka akan cover-up. Bolehkah kementerian memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Allahyarham Rusminuddin M. Amin ini mati dalam lokap Langkawi atas alasan apa dan apakah kedudukan siasatan pada masa sekarang? Adakah apa-apa siasatan dan juga hasil siasatannya? Sama ada kementerian bercadang mengambil apa-apa tindakan.

Yang kedua, ada satu kes atas siasatan juga iaitu Pantai Polis Report 33699/92, 3367/92 dan 1674/95. Ini juga atas siasatan. Pegawai siasatan polis, walaupun kita hendak berikan mereka peruntukan wang sebanyak berjuta-juta ringgit, kita mesti memastikan mereka menjalankan siasatan mereka dengan terperinci dan ambil tindakan yang sewajarnya. Atas ketiga-tiga repot ini, di bawah Pantai Repot atas tandatangan palsu, hampir hari ini tiada apa-apa tindakan diambil. Bolehkah pihak polis atau pihak kementerian memberitahu Dewan yang mulia ini apakah tindakan telah diambil ke atas tiga repot ini? Sama ada pihak polis tidak mahu mengambil tindakan oleh kerana sebab-sebab tertentu? Kalau pihak polis menjalankan siasatan begini, memang kita memberikan berjuta-juta ringgit pun akhirnya untuk membazirkan wang rakyat, sebab mereka menjalankan tindakan pilih kasih atau pun orang yang tertentu tak berani ambil tindakan. Itulah, saya harap kementerian boleh mengambil perhatian dalam perkara ini dan juga memberi penjelasan yang terperinci di dalam Dewan ini dan janganlah mengelakkan soalan ini.

Saya juga ingin pergi ke Maksud B. 37 Jabatan Imigresen di mana di sini kita juga akan meluluskan berjuta-juta ringgit untuk menaikkan pangkat mereka. Memang kita bersetuju untuk menaikkan pangkat atau memberi kenaikan gaji pegawai-pegawai kerajaan oleh kerana pada masa sekarang gaji mereka pun rendah, tetapi kita hendak memastikan mereka menjalankan tugas mereka dengan jujur dan baik. Seperti mana yang saya sebutkan pada beberapa hari dahulu di mana ada dua remisier yang bekerja di sini atas permit bekerja,

saya percaya. Pekerjaan seperti remisier bukannya satu pekerjaan di dalam negara kita di mana orang warganegara Malaysia tidak boleh menjalankan kerja ini. Kenapakah kita memberikan permit kepada orang-orang asing sedangkan di negara kita beribu-ribu orang sedang menanti hendak jadi remisier dalam pejabat stock broking firm dan sebagainya. Di atas alasan apa kita memberikan work permit kepada orang seperti Ng Kuo Lip dan Norman Banther, seorang Singapura dan seorang warganegara British. Bukankah ini memberikan peluang kepada orang asing mengambil kerja-kerja di dalam negara kita?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Ya, saya gulungkan satu minit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Seminit tak boleh, Yang Berhormat. Sudah sampailah masanya.

Tuan Wee Choo Keong: Jadi, saya harap kementerian mengambil perhatian supaya menjaga kepentingan warganegara kita, janganlah menjaga kepentingan orang asing, oleh kerana mereka berdua ini mengambil perniagaan.

Tuan Pengerusi: Itu dasar, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong:di negara kita, bukannya pelaburan daripada luar negeri. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik. Jelebu, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.15 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu):

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana kesempatan diberikan kepada saya untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah diutarakan.

(Timbalan Yang di-Pertua
miempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Maksud B. 36 Polis Diraja, saya suka bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain dalam menyokong peruntukan tambahan ini iaitu dari segi pengangkutan. Kalau kita lihat kepada keadaan pengangkutan kenderaan-kenderaan Polis Diraja sekarang ini, saya rasa sebahagiannya perlulah kita ambil kira kerana kebanyakan kenderaan-kenderaan yang telah digunakan dan masih digunakan ini terlalu uzur. Kadang-kadang kebanyakan kenderaan-kenderaan yang digunakan berkuasa disel dan sebagainya dan melibatkan pengeluaran asap yang berlebihan.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan pemeriksaan asap-asap kenderaan-kenderaan kerajaan ini memang tidak pernah dibuat. Jadi, kalau yang buat pun bahagian workshop masing-masing. Oleh kerana itulah, saya suka menyarankan supaya kenderaan-kenderaan yang dimiliki oleh jabatan kerajaan perlulah diambil kira juga untuk pengawalan asap bagi menjamin kebersihan udara di negara kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, mengenai dengan peralatan semboyan yang telah digunakan oleh pasukan polis, saya kira kenalah mengambil kira peralatan-peralatan yang lebih canggih dan lebih sesuai di zaman ini kerana

kebanyakan alat-alat yang masih digunakan kebanyakannya sudah 'out-of-date' dan juga perlu mendapat mutu yang lebih baik.

Mengenai dengan trafik, Tuan Pengerusi, kita mengucapkan syabas di atas peranan Unit dan Pasukan Trafik Polis di negara kita ini dan rata-ratanya kebanyakan mereka telah diserap masuk daripada Pasukan Polis Hutan. Apa yang perlu saya tekankan di sini kerana terdapat di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya pasukan polis ini tidak begitu cekap dengan akta-akta yang menjadi sandaran kepada tindakan penguatkuasaan mereka. Maksud saya ialah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan juga Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 kerana terdapat di antara mereka yang tidak terlatih untuk mengenakan caj dan sebagainya. Terdapat kesalahan-kesalahan yang berlaku tidak mengikut pertuduhan yang sebenarnya, tidak mengikut akta sebagaimana akta induk.

Umpamanya kita dapat tahu kesalahan-kesalahan yang tidak sepatutnya dicaj, tetapi terdapat caj dikenakan kepada OKS ataupun 'Orang Kena Saman' ataupun 'Orang Kena Tuduh'. Umpamanya, mengenai dengan kenderaan perdagangan di bawah 2,500 kg. tidak perlu pakai tali pinggang keledar. Umpamanya kenderaan Pajero yang bertulis di badannya tetapi ada di antara anggota kita yang tersilap dan mereka mengenakan caj mengatakan bahawa kenderaan tersebut kena pakai tali pinggang keledar. Ini sebenarnya tidak perlu, kerana kenderaan-kenderaan perdagangan di bawah 2,500 kg. tidak perlu pakai tali pinggang keledar.

Begitu juga dengan pelesenan, lesen memandu. Terdapat di antara anggota kita, ini berlaku di kawasan-kawasan luar bandar, terutamanya macam kawa-

san saya Jelebu, di hulu sana tu. Jadi, Tuan Pengerusi, memang terdapat kesilapan, kadang-kadang perkara ini mungkin tidak disengajakan. Kalau seseorang itu mempunyai lesen memandu kelas E iaitu lori, di dalam lesen, JPJ tidak akan mencetak kelas D di dalam lesen berkenaan. Jadi, terdapat kesalahan yang dilakukan kononnya, tetapi sebenarnya kelas E itu merangkumi kelas D. Lori merangkumi kelas D iaitu kereta motor. Jadi, ada terdapat di antara anggota trafik ini yang mungkin tidak begitu mahir dengan Akta JPJ mengambil tindakan saman kepada pemandu yang berkenaan kononnya pemandu itu tidak layak memandu kereta kerana tidak mempunyai kelas D di dalam lesennya.

Jadi, ini merupakan satu kesilapan yang harus diperbetulkan. Kalau perkara ini dibawa ke peringkat mahkamah, tentunya menjatuhkan imej ataupun maruah sesuatu jabatan itu. Jadi, saya suka menyarankan kerana rata-ratanya kumpulan ataupun Pasukan Trafik Polis yang baru ini diserap masuk daripada Pasukan Polis Hutan. Jadi, wajarlah mereka ini diberikan latihan yang khusus dan intensif mengenai peraturan dan aturan yang ada di dalam Akta Pengangkutan Jalan dan juga Akta LPKP yang berkenaan.

Di samping itu Tuan Pengerusi, saya suka menyarankan supaya pasukan trafik ini juga dibekalkan dengan kenderaan-kenderaan yang begitu canggih, yang baik, yang berkualiti dan juga yang begitu selamat digunakan di atas jalan raya. Terdapat kadang-kadang itu anggota polis dengan tugas dan tanggungjawab yang begitu teruk menggunakan hanya motosikal di bawah 100 c.c ke bawah untuk rondaan dan menggunakan kenderaan-kenderaan yang sudah berumur lebih 5 tahun. Jadi, ini sedikit sebanyak menjejaskan prestasi kerja anggota-anggota berkenaan.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan juga supaya Pasukan Polis ini dibekalkan dengan

segera komputer-komputer bagi on-line dengan pihak JPJ. Kerana Bahagian Trafik dalam keadaan sekarang sedang mengup-date, dengan izin, mengemaskinikan data-data komputer, kesalahan-kesalahan jalan raya. Jadi, apa yang saya difahamkan JPJ telah pun menahan urusan-urusan untuk mengemaskinikan data-data yang diberikan oleh polis. Oleh kerana JPJ sendiri mempunyai banyak lagi kes-kes yang perlu diup-datekan dalam komputer bagi pesalah-pesalah jalan raya, maka saya mencadangkan supaya komputer ini dibekalkan segera kepada unit-unit trafik polis, kerana di Jelebu umpamanya masih belum lagi di 'on-line' kan dengan pihak Ibu Pejabat Bukit Aman.

Jadi, ini saya rasa akan berlaku kelewatan sekiranya perkara-perkara yang mustahak ini tidak dibekalkan. Begitu juga dengan bangunan-bangunan tambahan, kerana komputer ini perlu diletakkan di tempat yang sesuai, yang berhawa dingin dan sebagainya. Jadi perlulah saya mencadangkan supaya pihak Polis Diraja Malaysia mengambil perhatian yang serius dalam soal-soal ini bagi membantu, dan juga memberikan galakan kepada anggota di bawah terutama di peringkat daerah bagi mengemaskinikan kerja-kerja dengan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai Maksud B. 37 — Imigresen. Kita mengucapkan syabas di atas usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Imigresen bagi memperkemaskan lagi perkhidmatan dan juga pentadbiran terutamanya kepada orang ramai di kawasan-kawasan luar bandar.

Apa yang saya ingin menyarankan selain dari memberikan perkhidmatan kepada pejabat-pejabat yang sedia ada, saya sukalah mencadangkan supaya Imigresen juga membuat pusat latihan mereka sendiri. Kerana di Jelebu ini tanah telah pun disediakan, Tuan Pengerusi, tetapi pihak Imigresen masih belum lagi mengusahakan projek yang dicadangkan untuk membuat Pusat Latihan Imigresen. Jadi, saya mohonlah

supaya KDN akan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya, khususnya Jabatan Imigresen ini untuk menyegerakan projek yang telah dirancang untuk faedah kakitangan kerajaan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya suka menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan berterima kasih sekali lagi. Terima kasih.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, hendak berucap?

Tuan Ong Ka Ting: Hendak menjawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sebenarnya, Tuan Pengerusi tadi sudah membuat keputusan.

Tuan Ong Ka Ting: Tadi sudah buat keputusan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian diminta jawab.

5.25' ptg.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian sebenarnya tidak membangkitkan apa-apa pun cuma satu penjelasan diri, tetapi saya ingin mengucapkan terima kasih kerana beliau telah menyuarakan keyakinan beliau terhadap polis. Saya harap kalau keyakinan keseluruhan itu boleh dikekalkan sampai bila-bila, jangan nanti sampai satu hari apabila sesuatu yang dia kurang puas hati dengan polis, dia akan tukar pendiriannya.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kluang, Senai dan Bukit Mertajam telah menyentuh beberapa perkara tentang Jabatan Imigresen.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kluang dan Senai, untuk makluman, pada masa kini Jabatan Imigresen memang dalam proses untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan mobile services, dengan izin kepada daerah-daerah di dalam negeri Johor. Dan ini merupakan sebahagian daripada usaha 'decentralisation of services', dengan izin oleh Imigresen supaya jangan semua tertumpu kepada ibu pejabat sahaja. Bagi Kluang, Segamat, Kulai semua daerah-daerah ini dianggap daerah yang penting.

Walaupun pada masa kini perkhidmatan secara mobile diadakan dan tidak begitu mencukupi, pihak Imigresen sedang berusaha untuk memastikan kekerapannya boleh ditingkatkan. Misalnya, Kulai — usaha telah pun ada untuk menambah lagi dua kali seminggu daripada dua kali kepada empat kali seminggu. Kluang juga adalah bersekali dengan Segamat — satu permintaan telah pun diusahakan kepada pihak berkuasa yang lain, yang menguruskan kewangan, kerana terdapat query terutamanya Segamat pada satu ketika.

Baru-baru ini beberapa orang wakil rakyat Barisan Nasional sudah bertungkus-lumus, Ahli-ahli Parlimen dari Johor dan juga Dewan Undangan Negeri yang baru dipilih semuanya telah begitu aktif, begitu proaktif, telah banyak kali mereka berbincang dengan pihak kementerian dan juga Imigresen dan telah pun ada langkah-langkah bagaimana kita boleh mempertingkatkan atau mengadakan pejabat yang lebih tetap di Segamat, di samping itu juga memperbaiki perkhidmatan di Kluang.

Tuan Pengerusi, bagi Ibu Pejabat Imigresen di negeri Johor, kebetulan dalam perbekalan tambahan ini memang sebahagian daripada peruntukan yang diminta itu telah pun diguna untuk mengubahsuai dua tingkat di bangunan

yang sedia ada, di mana telah dapat penambahan ruang perkhidmatan kaunter di Johor Bahru. Dan dengan adanya penambahan itu, perkhidmatan pada hari ini adalah lebih baik daripada dahulu, walaupun masih belum cukup sempurna, masih ada lagi kekurangan, itu pun masih lagi dalam tindakan Jabatan.

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyentuh mengenai on-line computer ataupun database. Sebenarnya semua usaha itu telah pun atau sedang dijalankan. Jabatan Imigresen sedang memasang komputer supaya dapat on-line secepat mungkin, secara berperingkat. Begitu juga adalah menjadi satu hasrat kerajaan supaya selepas database yang kita sedang usahakan melalui Jabatan Pendaftaran Negara dalam penukaran kad pengenalan baru. Mudah-mudahan kalau semuanya licin, dalam masa yang dijangkakan negara kita akan mempunyai satu database yang berkomputer, di mana semua butiran setiap rakyat akan disimpan dalam komputer dan Jabatan Imigresen, Jabatan Polis semua dapat on-line kepada Jabatan Pendaftaran Negara dan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat itu semua akan dapat dipenuhi dan ditunaikan.

Mengenai passport antarabangsa bagi warganegara Malaysia yang telah pun tinggal lebih masa di luar negeri, tetapi apabila mereka balik telah pun ditahan, satu keputusan telah pun dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri dan telah pun sampai kepada Jabatan Imigresen. Jabatan Imigresen sedang melaksanakannya iaitu bagi mereka yang hanya tinggal lebih masa tanpa melakukan apa-apa kesalahan yang lain, tidak ada sebarang kelakuan yang boleh merosakkan imej negara kita atau sebarang kegiatan jenayah yang didapati, maka mereka yang duduk di luar negeri lebih masa tetapi tidak ada niat yang tidak baik, passport mereka itu boleh dipulangkan.

Setakat ini Jabatan Imigresen telah menyediakan surat-surat untuk memaklumkan kepada mereka supaya pergi kepada Jabatan Imigresen di negeri masing-masing untuk mengutip balik, tetapi janganlah mereka pergi kejar-kejar ke kaunter sebelum mendapat surat. Surat itu adalah pasti atau wajib untuk mereka terima dahulu. Nasihat saya kepada mereka ini ialah, saya tidak berapa setuju kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang mengatakan tujuan mereka dapat balik passport sebab hendak ke luar negeri sekali lagi hendak kerja, saya rasa negara kita lebih memerlukan mereka.

Kalau sekiranya ekonomi kita begitu baik, begitu kekurangan pekerja, eloknya mereka cari kerja di dalam negara kita. Kalau ada kemahiran gunakanlah kemahiran itu di dalam negara. Kerajaan tidak galakkan mereka terkejar-kejar pergi ke luar negeri sementara negara kita lebih memerlukan mereka. Kita berharap mereka boleh faham keadaan yang sebenar.

Yang Berhormat dari

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ahli dari Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, terima kasih. Bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri — mungkin belum sampai atau telah sampai — bilakah pihak kementerian akan memulangkan passport yang ditahan mereka yang balik daripada luar negeri kerana ada banyak pengumuman dibuat tetapi setakat ini masih belum lagi dilaksanakan. Bilakah ianya akan dilaksanakan? Sekian.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya baru sahaja jawab, tindakan sedang diambil. Surat-surat sudah pun disediakan dan lebih daripada

10,000 surat telah pun di'sign' dan dalam proses untuk mengirinkan keluar. Apabila mereka menerima surat, pergilah ke Jabatan Imigresen yang ditetapkan. Tetapi saya hendak memberi satu nasihat supaya mereka ini seboleh-bolehnya menyumbangkan tenaga di negara kita. Kita perlukan mereka. Walaupun gaji di negara ini, kalau secara bandingan lebih rendah dari negara Jepun, kita perlu ingat sara hidup di negeri Jepun atau negeri lain sangat tinggi dan cara mereka pergi ke sana pun tidak diiktiraf oleh kerajaan negara Jepun atau negara yang lain. Kalau mereka tidak diiktiraf, buat apa susah-susah kita memberi perkhidmatan kepada negara itu. Elok kita bekerja di sini walaupun gaji kurang sedikit tetapi kita bekerja dengan selamat dan sentiasa berada dengan keluarga sendiri dan tidak menjadi satu masalah. Saya rasa kita tidak boleh menilai dengan wang ringgit dari segi sudut itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelebu juga membangkitkan mengenai Pusat Perkhidmatan Imigresen di Jelebu. Memang Jabatan Imigresen hendak melaksanakan dengan secepat mungkin dan usaha telah pun dijalankan dan ianya dalam perancangan. Yang Berhormat dari Jelebu juga telah membuat beberapa cadangan supaya membeli alat-alat yang lebih canggih bagi polis, ini termasuklah kenderaan, serta menyelenggarakan dan sebagainya. Sebenarnya, semua cadangan itu memang sedang diambil tindakan dan saya hendak mengucapkan terima kasih terhadap cadangan-cadangan itu dan ianya adalah di dalam perhatian pihak polis.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengulangi satu kes yang beliau telah pun menarik perhatian orang ramai di dalam surat khabar. Saya rasa publisitinya sudah cukup jelas bahawa melalui usaha beliau sudah ada satu kes yang disiasat oleh ACA dan dalam Dewan ini dia ulang lagi. Tak apalah.

Perkara ini memang sudah ada di dalam tangan ACA dan mengenai siasatan ACA itu, saya bukanlah pihak yang berkuasa untuk memberikan apa-apa komen. Tetapi saya ingin memberikan satu jaminan di sini bahawa Kementerian Dalam Negeri memandang serius tentang sebarang penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Mana-mana seorang kakitangan di bawah kementerian ini kita tidak teragak-agak atau tidak akan membezakan sesiapa pun daripada orang awam, mereka akan terus diambil tindakan menurut lunas undang-undang kalau sekiranya terbukti. Sekiranya kita tidak dapat bertindak secara undang-undang, sekurangnya tindakan tatatertib mesti dikenakan kepada sesiapa juga jikalau didapati salah. Untuk kes ini saya tidak boleh membuat apa kesimpulan pada masa ini kerana sudah masuk ke tangan ACA.

Saya juga hendak memperingatkan, kadang-kadang kita tidak boleh menggunakan satu, dua atau tiga kes itu dan membuat satu kesimpulan bahawa Jabatan Imigresen itu teruk, berleluasa ada rasuah seks. Ini tidak adil. Kebanyakan pegawai Imigresen yang begitu bertanggungjawab, rajin bekerja tanpa mengira gaji jika dibanding dengan swasta. Jadi, kita tidak boleh gunakan satu, dua kes itu sehingga kita merendah, menjatuhkan moral kerja pegawai-pegawai Imigresen yang lain. Begitu juga untuk polis, sebab ini ada berkaitan dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat. Ahli dari Kota Melaka bangun lagi.

Tuan Ong Ka King: Tak payahlah! Saya bukan ada apa-apa dakwaan, saya cuma kata secara keseluruhan. Okaylah, last sekali!

Tuan Lim Guan Eng: Ya, last sekali. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga Timbalan Menteri. Saya memang bersetuju bahawa bukan satu, dua orang melambangkan segala kebencian atas Jabatan Imigresen melakukan rasuah seks. Tadi saya ada membuat satu cadangan, kalau kita hendak mengelakkan daripada gambaran orang ramai bahawa perkara ini berlaku, bolehkah kita membuat peraturan bahawa urusan yang dibuat oleh pemohon wanita diuruskan oleh pegawai wanita. Saya rasa, kalau begini sebarang syak wasangka boleh kita hapuskan sama sekali. Ini sebagai satu cadangan.

Yang kedua, ini secara spesifik. Bolehkah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada pasport yang berkaitan yang ditahan oleh Jabatan Imigresen oleh kerana satu kesilapan kecil, bolehkah ianya dipulangkan dengan cepat kepada pemohon berkenaan memandangkan keberaniannya dan kerjasama yang diberikan kepada pihak kerajaan untuk membongkarkan satu kes rasuah seks seperti itu. Saya harap ini boleh dipertimbangkan, sekian.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu saya rasa, wanita hanya untuk wanita, dari segi amalan tidak praktik. Itu seolah-olah semua lelaki tidak boleh dipercayai. *(Ketawa)* Saya rasa, lelaki termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kalau you sendiri boleh dipercayai, jadi, tidak payahlah kita asing-asingkan.

Seorang Ahli: Bukit Bintang!

Tuan Ong Ka Ting: Ahli dari Bukit Bintang saya tidak tahulah. *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Jelutong! *(Ketawa)* - Jelutong bahaya! *(Ketawa)*

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, dari segi praktiknya susah diamalkan. Walau bagaimanapun, apa yang lebih penting ialah tidak kira dia lelaki atau wanita, semua kakitangan kerajaan kita perlu memastikan mereka itu beramanah, boleh menjalankan tanggungjawab dengan baik. Kalau sekiranya ada sesiapa yang menyeleweng kita berindak. Tak boleh kita mengatakan 100% wanita okay. Kadang-kadang ada juga masalah yang lain. Tetapi kaum wanita jangan silap faham, saya tidak membuat tuduhan apa-apa!

Tuan Wee Choo Keong: *(Bangun)*

Timbalan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Masa tidak ada, minta maaf. Nanti dia bangkitkan banyak hal-hal wanita susah. *(Ketawa)* Kes.....

Tuan Wee Choo Keong: Point of order.

Timbalan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia bangun atas point of order. Peraturan mesyuarat yang ke berapa?

Tuan Wee Choo Keong: 36(6) — Sangkaan jahat. *(Ketawa)* Oleh kerana dia sebutkan hal wanita. Saya hendak bertanya beliau, sama ada pegawai tersebut di Imigresen kerjanya telah digantung ataupun tidak? Ini sangkaan jahat, tidak baik! Yang Berhormat itu dicocok oleh Ahli dari Padang Terap. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa boleh layan satu sahaja iaitu mengenai Peraturan Mesyuarat. Saya rasa apa yang disebutkan tadi tidak ada apa-apa sangkaan jahat. Masalah atau soal wanita itu tidak berbau sangkaan jahat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: "Lu kaki chai ya!" (*Ketawa*)

Timbalan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Ong Ka King: Tak ada apa sangkaan pun. Baik atau tidak baik, saya tidak ada apa sangkaan terhadap Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Hanya saya dengar kawan baik saya kata Bukit Bintang, saya kata saya tidak tahulah Bukit Bintang. (*Ketawa*) Mana ada sangkaan?

Tuan Pengerusi, untuk kes pasport wanita itu, kementerian akan memberi perhatian. Selepas kes ini selesai, kita akan tengok apa perkembangannya. Kalau sepatutnya sesuatu perlu dibuat untuk memastikan perempuan itu dapat membaharui pasport dan beliau tidak apa-apa kesalahan undang-undang, maka saya rasa tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Bukit Bintang telah pun menyentuh tentang dua tiga kes tahanan yang telah mati masa dalam lokap dalam siasatan polis. Saya suka menegaskan di sini, sebenarnya siasatan terhadap kes yang disebut yang pertama di Kuala Lumpur itu, siasatan telah pun dijalankan oleh pihak polis. Dan kertas siasatan itu telah pun dirujuk kepada Peguam Negara. Dan sebaik sahaja Peguam Negara membuat keputusan, maka kita akan laksanakan mengikut arahan Peguam Negara. Buat masa kini Peguam Negara belum membuat keputusan, saya tidak boleh bincang dengan selanjutnya dan kes-kes yang lain saya tidak ada butirannya di sini kerana spesifik sangat. Saya tidak ada maklum balas yang terbaru jadi mungkin Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang boleh kemukakan soalan ini pada sesi yang lain.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun lagi.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, saya ingin menanya Timbalan Menteri bahawa memandangkan kes yang serius yang berlaku di mana ada orang tahanan mati di dalam lokap sama ada kementerian berhasrat untuk mengeluarkan satu peruntukan undang-undang yang baru untuk memastikan atau memberhentikan keganasan atau kekerasan polis bila mereka menjalankan siasatan kes-kes jenayah oleh kerana kematian dalam lokap ini perkara yang amat serius dan kita tidak boleh mengetepikan begitu sahaja, di mana di United Kingdom, di Amerika Syarikat pun kalau ada satu kematian dalam lokap polis mereka akan menubuhkan satu royal commission untuk menyiasat. Tetapi di negara kita, kita ada satu siasatan pihak polis oleh polis! Bagaimanakah keadaan jadi begini? Sama ada kementerian berhasrat untuk menubuhkan satu royal commission untuk menyiasat untuk menunjukkan mereka ini bebas, siasatan kematian di tangan pihak polis.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, pada masa ini memang sudah ada peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk pegawai-pegawai polis mematuhi semasa mereka menjalankan sesuatu siasatan. Dan semua pegawai polis tidak boleh menggunakan 'force' ataupun apa-apa yang tidak diizinkan dalam undang-undang terhadap mana-mana seorang tahanan lebih-lebih lagi tidak boleh menyeksa, lebih-lebih lagi membunuh, ini sebenarnya selama ini dalam peraturan ini tidak dibenarkan.

Pihak polis sentiasa mengawasi sistem ini, saya rasa pada keseluruhannya sistem cara kita menjalankan kepolisan boleh dikatakan pada keseluruhannya berada ditahap yang memuaskan dan

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang pernah saya masih ingat ada juga kadang-kadang puji polis dan ahli-ahli pembangkang pun kebanyakannya pernah puji polis misalnya hendak menaikkan gaji polis, hendak memberi perumahan kepada polis, itu menunjukkan pada keseluruhan semua yakin tentang perkhidmatan Polis Diraja Malaysia. Saya rasa tidak sampai kepada satu tahap yang membimbangkan.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah! Masa tidak cukup, banyak lagi kementerian.

Saya ingin meyakinkan Dewan ini tidak ada apa-apa kes yang akan ditutup atau yang akan dielak-elakkan, kalau terbukti ada salah guna kuasa, kalau ada apa-apa penyelewengan, sama ada kita mengambil tindakan tatatertib ataupun tindakan undang-undang, semuanya yang mana dapat kita buat, kita mesti buat.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah, kita tutup subjek inilah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga menyentuh tentang 'work permit' walaupun Tan Sri Pengerusi telah kata itu dasar. Tetapi saya ingin memberi satu penjelasan secara prinsip, Jabatan Imigresen ataupun Kementerian Dalam Negeri telah mempunyai prinsip yang ditetapkan, apa-apa permit kerja yang di keluarkan ianya masti memastikan permit kerja dikeluarkan kepada warga

asing itu mesti mendatangkan faedah kepada ekonomi negara dan dengan tidak menjejaskan peluang pekerjaan orang tempatan. Itu prinsip yang utama. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang janganlah bimbang, kalau sekiranya 'work permit' sah diberi dia mesti mematuhi prinsip ini. Kita tidaklah sesuka hati memberi orang luar datang ke sini kemudian dia merampas kerja orang tempatan. Kalau yang diberi selalunya mereka jadi aset.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Ong Ka Ting: Tidak payahlah, masa suntuk!

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah juga menyentuh tentang ada pegawai-pegawai polis yang tidak mahir dengan akta terutamanya mereka yang kurang latihan dari segi undang-undang. Di sini saya suka menerangkan bukan seseorang pegawai polis pangkat yang rendah boleh bertindak sewenang-wenang. Sebenarnya polis apabila dia mengambil tindakan sama ada undang-undang yang digunakan itu betul atau tidak selalunya ditentukan oleh Pendakwa Raya, polis sendiri tidak boleh kata: "Saya hendak guna akta ini, guna akta itu". Pendakwa Raya ialah orang yang layak dalam undang-undang dan mereka-lah selalunya menasihati polis. Dalam pada itu saya rasa kita telah pun mengadakan satu sistem menasihati polis melalui Pendakwa Raya itu dengan baik.

Walau bagaimanapun, kalau benar-benar berlaku apa-apa kelemahan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu itu, kementerian saya akan mengambil perhatian dan saya juga memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

yang lain, yang telah pun memberi cadangan-cadangan yang baik dan tidak sempat saya jawab kesemuanya, saya memberi jaminan bahawa perhatian yang sewajarnya akan diberi. Itu sahaja yang dapat saya menggulung pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yunof Edward Marinking:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat bangun atas apa?

Tuan Yunof Edward Marinking:
Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia sudah habis berucap! Sudah habis menjawab. Sudah habis Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM143,417,024 untuk Maksud B. 36; RM5,280,500 untuk Maksud B. 37 dan RM813,042 untuk Maksud B. 40 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah RM31,830,000 untuk Maksud B. 36 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian dari Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM143,417,024 untuk Maksud B. 36; RM5,280,500 untuk Maksud B. 37; RM813,042 untuk Maksud B. 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama dan wang sebanyak RM31,830,000 untuk Maksud B. 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai keputusan dibuat di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1994 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1995 atau pada pukul 9.30 malam yang mana yang terkemudian.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul seperti mana yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai keputusan dibuat di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1994 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1995 atau pada pukul 9.30 malam yang mana yang terkemudian.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1994 DAN 1995) 1995**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMB.) (BIL. 4) 1994**

DAN

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMB.) (BIL. 1) 1995**

Perbahasan disambung semula.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Maksud B. 42 (Jadual Pertama) —

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B. 42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

5.51 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidaklah ingin bercakap panjang sangat, saya hendak bercakap sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah satu-satu kementerian yang begitu penting sekali. Saya menekankan kepentingan ini, dengan berucap sedikit. Jadi, keteguhan negara adalah terletak di atas bahu kementerian ini, kerana kita nampak negara-negara lain yang sudah bercantum beratus-ratus tahun tetapi masih bertelagah sesama sendiri. Negara yang maju macam England, Wales dan Scotland pun kita pernah melihat masih ada perpecahan yang berlaku.

Jadi, di sinilah letaknya perpaduan dan kerajaan telah menubuhkan kementerian ini dengan tujuan perkara-perkara yang sedemikian tidak berlaku. Jadi, inilah sebabnya saya menekankan kepentingan dan tanggungjawab kementerian ini. Jadi, soalan pertama yang ingin saya bangkitkan ialah soalan mengenai patriotism, dengan izin.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita dengar dalam TV3 yang mengatakan peringkat ketaatan kepada negara oleh rakyat di Indonesia adalah lebih tinggi daripada Malaysia. Saya berkata terus terang begini, kemungkinan adalah berdasarkan bahawa kemerdekaan Indonesia adalah bangkit daripada peperangan, manakala negara kita tidak, kita mendapat kemerdekaan menerusi perbincangan di meja, jadi, kita tidak merasa macam mana susahnyanya mendapat kemerdekaan.

Jadi, sebahagian insan dalam negara ini pernah merasa kesusahan untuk mempertahankan kemerdekaan.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini ucapan dasar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tahu, Tuan Pengerusi. Jadi, saya minta maaf kerana menyebutnya sedikit dan kawan-kawan tadi pun ada cakap. Jadi saya patuh dengan apa yang Tuan Pengerusi cakapkan itu. Jadi, saya telah terlanjur sebut, selepas ini baharu soalan khusus. Jadi, saya harap dipertingkatkan oleh kementerian ini dalam mengambil tindakan dan dalam soal itu apakah tindakan kementerian untuk mempertingkatkan soal ketaatan dan kepatriotisme mereka kepada negara.

Kedua, dalam *Sarawak Tribune* di Sarawak, 4 hari yang lepas ada sekumpulan orang dari Sarawak yang melancong sambil bertugas ke Seme-

nanjung. Bila sampai ke satu Dewan dia dijumpai oleh pegawai-pegawai kerajaan — ucapan yang pertama diberi kepada kumpulan dari Sarawak itu ialah "Selamat Datang ke Malaysia". Jadi, ini telah memperkecilkan hati orang dari Sarawak, katanya "tidak ubah orang Sarawak bukan orang Malaysia". Jadi, saya haraplah perkataan ini dijauhkan. Sarawak juga, walaupun jauh dan Sabah juga jauh — walaupun jauh, mereka orang Malaysia. Jadi, ada juga orang yang datang ke Sarawak, kata hendak membawa bekal 'bawang', 'bakong', 'ikan bilis' takut tidak ada benda macam itu di Sarawak. Ini pun juga satu perkara. Pegawai kerajaan — jadi pelancongan di antara Sarawak dan Semenanjung diperketatkan. Penghantaran pegawai dan 'briefing' kepada pegawai, taklimat kepada pegawai patut diberi, sekurang-kurangnya di Sarawak itu ada jugalah tempat menjual bunga, ada jugalah supermarketnya, ada juga kedai-kedai besarnya. "Parkson Grand" pun ada juga.

Tuan Pengerusi, jadi, kalau saya cakap panjang sangat pun mengenai perkara-perkara macam ini, nampak macam saya ini ada sesuatu perkara yang disembunyikan tetapi yang 'last', Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, ini saya rasa tidak ada kena-mengena dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, ini tidak ada kena-mengenalah? patutlah.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ia mesti secara spesifik.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Secara spesifik? Jadi, oleh kerana dalam penjelasan Menteri semalam, soalan wang yang RM2,300,000 ini tidak

dicakapkan, jadi, orang tidak tahu macam mana hendak bincang? Jadi, lain kali pihak Menteri yang membentangkan perkara ini di Dewan, tolonglah beri penjelasan. Saya hendak cakap pun tidak tahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada itu Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak ada pun.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dalam Kertas Perintah 1 Tahun 1995 itu ada.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tetapi Tuan Pengerusi, saya tidak ada. Jadi, berbangkit mengenai perkara ini, kalau pihak Menteri dan Kementerian membentangkan Usul yang sedemikian, saya haraplah diikutkan schedule Parlimen ini. Kalau ikut schedule Parlimen kita tidaklah pergi ke sana sini mencari di dalam *Hansard*. Bila kita cari dalam *Hansard* itu ia jadi kelam kabut pula. Jadi, macam saya orang yang sudah lama tahulah macam mana.....

Dato' Wong See Wah: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Dato' Wong See Wah: Tuan Pengerusi, saya cuma meminta penjelasan sedikit iaitu pembentangan perkara-perkara mengikut Kepala itu adalah berdasarkan kepada amaun. Amaun yang paling besar itu ke hadapan — mengikut amaunnya. Lagi besar amaunnya di hadapan, kemudian diikuti dengan amaun yang lebih kecil.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak memberi penjelasan sedikit. Saya rasa apa yang dibangkitkan tadi oleh Batang Lular itu, saya rasa tidak timbul. Sudah habis berucap?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis lagi sebab saya ingat Timbalan Menteri hendak beri penjelasan sedikit kepada saya.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada seorang lagi?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, sebenarnya, Kertas Perintah yang ada pada kita banyak, berkenaan dengan perbelanjaan tambahan yang telah dibelanjakan. Di sini, di bawah Kertas Perintah 1A Tahun 1995 — jadi, Maksud 42 — Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ialah tambahan sebanyak RM2,900,000 adalah dikehendaki untuk menampung kenaikan kadar baru bantuan kebajikan. Inilah yang perlu kita luluskan di dalam Dewan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa tidak payahlah Yang Berhormat menjelaskan, sebab setiap orang ahli itu memang sudah dapat Kertas Perintah yang berkenaan, mungkin Yang Berhormat Batang Lupar tidak baca. (*Ketawa*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf, Tuan Pengerusi. Saya baru dapat. Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong baru beri pada saya. Di atas meja saya, tidak nampak pula — saya tidak tahulah. Minta maaf, jadi, sekarang baharu saya dapat. Jadi, barulah saya boleh membetulkan cerita-cerita saya tadi. Jadi, cerita tadi tidak betul, tidak apa. Walau bagaimanapun, perkara itu adalah perkara yang penting.

Tuan Pengerusi, kita tidak kira, sebenarnya soalan dalam kementerian ini — apa benda yang kita belanja, mesti lulus, siapa yang tidak sokong? Saya sokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masuk tajuk.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, untuk menampung kadar baru bagi bantuan kebajikan. Tuan Pengerusi, dalam soal kebajikan ini kalau di Sarawak, semua bantuan kebajikan disalurkan menerusi Kementerian Kebajikan di Sarawak. Jadi, kadang-kadang penilaian yang dibuat ialah berlandaskan senarai yang dibuat oleh pegawai-pegawai kerajaan. Jadi, pegawai kerajaan yang menilai, kadang-kadang dia tidak sampai ke kawasan. Jadi, saya mencadangkan supaya senarai-senarai orang yang menerima kebajikan ini diberi kepada Wakil-wakil Rakyat di bahagian tertentu supaya kita tahu dan kita boleh menyelaraskan tindakan kita — oleh Wakil Rakyat dan tindakan pegawai-pegawai kerajaan untuk meningkatkan tahap kelulusan mereka yang menerima kebajikan daripada pihak kerajaan. Tetapi yang malangnya, senarai ini tersembunyi, macam ia adalah satu secret, macam 'top secret'. Jadi, sepatutnya diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya Ahli-ahli Yang Berhormat tahu siapa orang yang miskin dan yang kaya.

Kalau senarai itu belum cukup tempatnya, sekurang-kurangnya kita sebagai Wakil Rakyat kita akan berjumpa hingga ke akar umbi dan kita tahu betul-betul siapa yang duduk dan tidak duduk di tempat yang selesa. Satu lagi, cara penilaian orang miskin mendapat kebajikan daripada Kementerian Kebajikan, iaitu dinilai dari segi rumahnya. Kalau rumahnya baik — satu, kalau rumahnya ada televisyen, ada radio, ada transistor dan ada macam-macam, maka dia tidak berkelayakan, oleh kerana dia orang yang dianggap mewah.

Tetapi kalau kita pandang daripada sudut lain, macam mana kalau pada hari ini, seorang nelayan, dia sihat, boleh beli TV, beli radio dan sebagainya, mungkin telefon pun ada di rumahnya, rumahnya cantik dan besar — ia seorang penangkap ikan, tetapi pada hal pada hari yang tertentu ia mendapat stroke ataupun kena 'heart attack' — penyakit turun, jadi, tidak boleh menangkap ikan lagi, sebab dia hilang punca pendapatan dan tidak ada apa-apa lagi, jadi berhenti kerja, tidak ada pencen. Jadi, orang macam itu kalau dinilai dari segi rumah dan apa yang ada dalam rumahnya, dengan sendirinya orang ini tidak berkelayakan menerima bantuan daripada kerajaan.

Saya cadangkan perspektif yang betul mesti dibuat oleh pegawai menilai orang yang boleh menerima kebajikan. Jangan daripada pandangan dari rumah dan apa yang ada dalam rumah dia tetapi pandang dari segi kebolehan dia untuk hidup dan menyara hidup dia dan keluarga dia. Jadi, saya harap kementerian boleh mengambil perhatian saranan saya ini dan saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang saya tadi bercakap dasar dan juga jawatankuasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Sipitang.

6.01 ptg.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang): Tuan Pengerusi, saya cuma ingin mengambil bahagian sedikit di dalam perbahasan Perbekalan Tambahan sebanyak RM2.9 juta dikehendaki untuk menampung kenaikan baru bantuan kebajikan.

Tuan Pengerusi, memang bantuan kebajikan ini perlu. Saya cuma ingin menegaskan dua perkara yang berlaku insiden-insiden tertentu di kawasan saya

dan mungkin di seluruh Malaysia. Bantuan kebajikan ini memang perlu dan selalunya diperlukan pada saat-saat yang memerlukan bantuan contohnya masa kejadian banjir. Bantuan-bantuan ini sepatutnya tepat pada masanya masa keadaan banjir itu berlaku. Begitu juga dengan bantuan kebakaran. Penerima-penerima bantuan ini harus menerima bantuan masa kebakaran untuk menyelesaikan masalah mereka. Kemudian begitu juga kemarau di mana kampung-kampung tidak ada bantuan ataupun kemudahan air terputus. Apa yang berlaku pada masa yang lalu ialah bantuan-bantuan ini begitu lambat sampai. Misalnya di kampung yang banjir, sepatutnya menerima bantuan itu masa banjir tetapi bantuan itu sampai setelah jadi kemarau semula di kawasan tersebut ataupun di kawasan yang kemarau, bila memohon bantuan, bila sampai bantuan kawasan itu banjir semula di kawasan tersebut. Begitu juga dengan kebakaran. Jadi, perkara ini sangat perlu ditinjau oleh kementerian secara lebih dekat lagi.

Seharusnya jawatankuasa ataupun sistem pemberian bantuan ini tidaklah begitu ketat. Perlu ada kelonggaran-kelonggaran tertentu untuk mempercepatkan proses bantuan ini agar tidak melalui birokratik yang begitu terperinci supaya bantuan itu cepat sampai kepada orang yang ditarget.

Kalau boleh, selalunya Wakil-wakil Rakyat akan diberitahu tentang malapetaka ataupun apa yang berlaku di kawasan masing-masing. Cukuplah sekadar bantuan ataupun laporan dari Wakil Rakyat dan cepat-cepat diperiksa oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan dan bantuan ini terus segera disampaikan.

Mengenai dengan bantuan kebajikan juga, Tuan Pengerusi, ramai orang-orang

tertentu yang betul-betul perlukan bantuan misalnya balu yang mempunyai anak sampai 10, yang agak susah tidak ada pekerjaan, perlu bantuan kebajikan dan ini juga harus dikaji dan reko-mendasi dan cadangan-cadangan daripada Wakil-wakil Rakyat perlu diambil perhatian. Oleh yang demikian, perkara-perkara ini akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku kepada mereka yang perlukan bantuan.

Saya ingat itu sahaja, Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Pokok Sena.

6.04 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat oleh sebab saya teliti di sini bahawa di dalam tambahan pertama tahun 1995 ini tidak ada langsung permintaan dari kementerian ini. Bahkan bila kita lihat kementerian ini, kita nampak lagu kementerian yang jaga orang tua-tua, orang miskin, orang cacat itu sahaja. Walhal kalau kita tengok Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat atau satu perpaduan yang amat bertanggungjawab untuk kita menuju ke Wawasan 2020 di samping Kementerian Pendidikan, kementerian ini amat penting sebab kalau tahun 2020 manusia di ketika itu ada seperti dua, tiga orang macam di sebelah pembangkang seperti DAP, maka tujuan, niat kita yang suci itu tidak mungkin akan berhasil sebab saya tengok ketika ini kita jarang-jarang terlihat anak-anak kita.

Zaman saya dahulu ada anak Melayu, anak India, anak Cina jalan sekali, bergaul, berkawan tetapi sekarang

ini tidak ada. Di Parlimen ini pun kita tengok setompok MCA, MIC, PAS duduk sebelah atas. Jadi, ini kita mesti tentukan. Kementerian ini saya hendak mesti bertanggungjawab tentang ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu pun cakap dasar juga.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak, sebab ini tentang peruntukan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi peruntukan itu bukan untuk.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Butiran 42 — Perpaduan. Sebab dia kata, di sini untuk bantuan kebajikan. Saya minta supaya bantuan dari segi perpaduan ini mesti kena ada. (*Ketawa*) Saya hendak cadang kepada kementerian.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau bantuan perpaduan itu tidak tertera dalam butiran itu, maka tidak boleh disentuh, Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidaklah, di samping kita dok tengok kisah kebajikan ini, eloklah tengok tentang perpaduan. Sebab saya tengok makin sehari keadaan negara kita ini makin teruk. Sebab kita tengok kementerian ini tidak ada program misalnya macam Rakan Bersatu. Kita ada Rakan Masjid, Rakan 'Maksiat' pun ada sebelah sana. Rakan macam-macam Rakan tetapi untuk hendak menyatupadukan.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa cakap dasar itu dasar juga. Balik kepada tajuk.

Wan Hanafiah bin Wan Mat

Saman: Dasar juga? Balik kepada butiran ini, saya minta supaya di samping kita menuntut peruntukan dari segi kebajikan ini, saya minta kementerian ini mengkaji perkara-perkara yang boleh menyatupadukan masyarakat masa depan. Saya sebagai Ahli Parlimen akan tetap menyokong tentang niat kementerian ini supaya niat Perdana Menteri kita yang murni itu dapat berhasil. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bagan.

6.07 ptg.

Tuan P. Patto (Bagan): Tuan Pengerusi, saya bangkit untuk membahaskan tentang peruntukan yang diminta diluluskan di Maksud B. 42 iaitu sejumlah RM2,900,000 dikehendaki untuk menampung kenaikan kadar baru bantuan kebajikan.

Yang pertama, saya ingin mendapat tahu apakah kadar baru bantuan kebajikan yang telah ditetapkan sekarang berbanding dengan kadar lama? Yang kedua, apakah syarat-syarat yang ditentukan sebelum seseorang penerima bantuan kebajikan menerima bantuan kebajikan. Yang ketiga, apakah jaminan boleh diberi oleh kementerian tentang bayaran mengikut kadar baru bantuan kebajikan ini sampai dengan tepat dan pada masa yang sesuai. Oleh kerana banyak sungutan kedengaran daripada penerima kebajikan bahawa mereka kadangkala tidak menerima pembayaran bantuan kebajikan ini pada masa yang biasa mereka menerima.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat nanti yang akan menjawab bagi pihak kerajaan menerangkan kenapa berlakunya kelambatan dalam bayaran ini dan apakah beliau boleh memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku kelambatan ini.

Bolehkah Yang Berhormat yang akan menjawab nanti menerangkan berapa ramaikah penerima bantuan kebajikan sekarang ini, iaitu penerima bantuan kebajikan mengikut kadar baru bagi seluruh negara sekarang ini? Apakah bilangan penerima ini menunjukkan satu peningkatan bilangan ataupun penurunan dalam jumlah bilangan penerima bantuan kebajikan dan sekiranya ada peningkatan, apakah sebab-sebab berlakunya peningkatan penerima bantuan kebajikan ini?

Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ledang. Selepas itu kementerian diminta jawab.

6.11 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail (Ledang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B. 42 iaitu Kadar Baru Bantuan Kebajikan iaitu kadar tambahan — jumlah tambahan yang dipohon untuk diluluskan oleh Dewan ini.

Yang pertama, kita mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana prihatin terhadap masalah keluarga-keluarga miskin dan daif yang perlukan bantuan dan ini selaras dengan tradisi membela rakyat yang selalu menjadi slogan kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, bahawa bantuan yang diberikan kepada keluarga daif selama ini yang berjumlah RM50 bagi satu keluarga, memang wajar ditambah kepada satu kadar yang lebih munasabah. Memandangkan kenaikan harga barang-barang yang tidak menentu sekarang ini, maka langkah ini saya rasa cukup perlu dan kita alu-alukan. Mudah-mudahan daripada RM50 itu dapat ditingkatkan kepada RM80 ataupun RM100 bagi setiap keluarga daif ataupun miskin.

Yang kedua, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat dari Batang Lupar tentang kriteria pemberian bantuan kepada keluarga daif ini. Biasanya jawapan yang standard diberikan oleh pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat bahawa keluarga daif yang terdiri daripada orang tua yang miskin tidak diberikan bantuan ataupun tak layak menerima bantuan kerana mereka punya anak yang dewasa. Biasanya kemiskinan ini diwarisi oleh anak-anak mereka dan apabila anak-anak mereka ini telah berumah tangga dan hidup dalam keadaan "kais pagi makan pagi", mereka tidak berdaya untuk menghulur bantuan kepada orang tua mereka dan selalunya orang tua seperti ini diabaikan berdasarkan kepada kriteria bahawa mereka mempunyai anak, sedangkan anak-anak ini tidak memberi bantuan kepada orang tua mereka. Jadi, saya rasa, dasar seperti ini perlu direview atau disemak semula supaya orang-orang tua seperti ini tidak terabai nasib mereka.

Yang ketiga, bahawa kita sering disogokkan dengan berita tentang keluarga-keluarga yang malang kerana mempunyai anak-anak yang mengidap penyakit-penyakit kronik seperti jantung berlubang, ketumbuhan dan sebagainya. Biasanya keluarga ini terpaksa merayu bantuan daripada orang ramai dan biasanya itu jumlah yang diperlukan itu tidak diperolehi dalam tempoh yang diperlukan untuk membantu dan memberikan rawatan kepada anak-anak ataupun keluarga yang ditimpa oleh penyakit-penyakit ini.

Saya rasa, sudah sampai masanya kementerian ini mewujudkan satu tabung amal maaruf di mana kes-kes seperti ini dapat kita berikan bantuan segera, tidak perlu merayu kepada orang ramai dan biasanya jumlah yang kita perlukan itu tak sempat kita capai dan kadang-kadang mangsa itu ataupun pesakit itu telah pun maut ataupun menemui ajal kerana semata-mata berharap kepada bantuan daripada orang ramai. Bahkan sebab itulah, maka saya rasa kementerian ini

perlu mewujudkan satu tabung khas untuk membantu kes-kes seperti ini supaya dapat bantuan segera diperlukan dan nyawa pesakit-pesakit itu dapat kita selamatkan seberapa segera yang mungkin.

Jadi, Tuan Pengerusi, sekian sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi komen dan ucapan berkenaan dengan tambahan yang kita minta pada kali ini.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar, Yang Berhormat dari Sipitang dan Yang Berhormat dari Pokok Sena adalah menyentuh berkenaan dengan dasar. Jadi, oleh kerana perkara ini menyentuh mengenai dasar, saya fikir kita semua di sini memang memerlukan apa yang beliau sentuh tadi, tetapi ini bukan masanya oleh kerana, kalau Yang Berhormat yakin, mungkin dalam mesyuarat yang akan datang, iaitu dua tahun nanti, bolehlah sentuh berkenaan dengan dasar, sebab tiap-tiap seorang Ahli akan menyentuh fasal perpaduan. Jadi, saya fikir, semua kita ini inginkan perpaduan di negara kita ini wujud dan terus dirasai oleh semua rakyat di negara ini.

Berkenaan dengan Yang Berhormat dari Bagan yang mana beliau mahu tahu dibanding dengan kadar lama. Jadi, sebelum saya di sini menyebut tentang ini, kerana ada Yang Berhormat yang saya sebut awal tadi menyebut fasal bantuan kebajikan. Jadi, bantuan kebajikan yang kita minta di sini ialah setakat ini, skim-skim bantuan kewangan

ini ialah hanya di peringkat Semenanjung Malaysia kerana di negeri-negeri Sabah dan Sarawak, kebajikan yang sebegini ialah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi, oleh kerana begitu — yang disebutkan itu ataupun yang saya sebutkan nanti yang serupa ini ialah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi, yang saya sebut ini, yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Bagan ialah di Semenanjung Malaysia.

Jenis skim bantuan, iaitu bantuan kanak-kanak. Kadar lama ialah RM25 satu bulan seorang; kadar baru RM45 satu bulan. Jadi, kanak-kanak ini ialah untuk tidak lebih dari 3 orang anak dan maksimumnya satu keluarga ialah RM115 dalam satu bulan — kadar lama. Yang baru ialah RM150 maksimum sekeluarga.

Bantuan orang tua, kadar lama RM50 sebulan seorang, kadar baru RM70 seorang. Bantuan anak peliharaan, kadar lama RM50 seorang sebulan, kadar baru RM100 seorang. Sekeluarga RM115 kadar lama, kadar baru RM150 sekeluarga sebulan. Bantuan Am Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, kadar lama RM30 sebulan seorang, kadar baru RM40 sebulan seorang. Kadar lama sekeluarga RM115 sebulan dan kadar baru RM175 sebulan sekeluarga. Bantuan sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, kadar lama RM30 seorang setahun. Kadar baru RM50 seorang setahun. Jadi, yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bagan berapa ramai yang menerima bantuan ini. Bantuan kanak-kanak jumlah RM5,568. Bantuan orang tua RM10,542. Elaun pekerja cacat RM3,286. Bantuan Am RM97,593. Bantuan sekolah 3,024,093. Jadi, inilah jumlah yang menerima bantuan kebajikan.

Tuan P. Patto: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bagan.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengulang angka bagi bantuan sekolah yang disebutkan itu — 3 jutakah, 3 ribukah?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: 3,024,093 orang. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan peningkatan ini memang tentu sekali ada peningkatan tetapi peningkatan ini mengikut keadaan. Jadi, kita lebih tahu pada masa ini berkenaan dengan kemiskinan makin kurang. Tentu peningkatannya tidak banyak. Jadi, berkenaan Yang Berhormat dari Ledang, beliau mengucapkan terima kasih kerana prihatin kerajaan iaitu beliau pun ada sentuh macam yang lama RM50 sebulan.....

Tuan Yunof Edward Maringking: (*Bangun*)

Tuan Chiew Chiu Sing: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, ada dua yang bangun. Tuaran dulu. Hendak minta apa?

Tuan Yunof Edward Maringking: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri jalan?

Tuan Yunof Maringking: Tuan Pengerusi, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata peruntukan yang diminta diluluskan ini sebanyak RM2.9 juta hanya untuk rakyat di Semenanjung Malaysia sahaja memandangkan di Sabah dan Sarawak ada peruntukannya yang tersendiri. Jadi, saya ingin penjelasan, adakah ini bermaksud bahawa peruntukan sebanyak ini tidak akan memberi manfaat kepada rakyat yang memerlukan di Sabah dan Sarawak? Jadi, saya mohon penjelasan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, oleh kerana di dalam Perlembagaan negara Malaysia,

perkara kebajikan ini ialah bidang kuasa bersama. Jadi, berkenaan dengan kebajikan yang saya sebutkan tadi ialah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Saya percaya kerajaan negeri masing-masing iaitu di Sabah dan Sarawak memang ada memberi peruntukan. Ambil contohnya, pada tahun ini negeri Sarawak telah bersetuju untuk menerima pakai kadar baru Skim Bantuan Am dan Bantuan Sekolah dan telah memohon peruntukan tambahan bagi tujuan perluasan skim-skim Bantuan Kewangan Persekutuan ke negeri itu. Ini tandanya iaitu pada masa ini negeri Sabah belum ada minta seperti negeri Sarawak. Jadi, memang dari awal peruntukan kebajikan macam ini iaitu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Yang Berhormat dari Ledang tadi, dia minta naik dari RM50 — itu saya sudah beritahu iaitu naik hanya RM70 sebulan. Jadi, berkenaan dengan orang yang sakit yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi, perkara kebajikan ini di awal tadi telah disentuh. Ertinya tiap-tiap kes kebajikan perlu disiasat sebelum sebarang bantuan diberikan. Oleh itu, siasatan pasti dilakukan di kawasan yang berkenaan. Senarai penerima boleh didapati dari Pejabat-pejabat Kebajikan di daerah sekiranya diperlukan. Ertinya setiap kes kalau disampaikan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, tentu sekali perkara ini disiasat tiap-tiap kes yang perlu. Jadi, oleh kerana itu saya rasa tentu tidak ada ketinggalan yang memerlukan bantuan.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bagan bangun lagi.

Tuan P. Patto: Penjelasan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, dalam keadaan apakah

seseorang itu layak untuk menerima bantuan kebajikan ini khususnya Bantuan Sekolah, Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Keluarga, Bantuan Orang Tua; bolehkah Yang Berhormat? Sebab saya ada bangkitkan tadi syarat-syarat yang dikenakan sebelum seseorang itu layak untuk menerima. Apakah syarat-syarat itu?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, syarat-syarat ini memang banyak. Jabatan Kebajikan akan menjalankan tugas iaitu yang perlu. Yang perlu ini ialah orang yang miskin yang tidak ada berdaya. Kalau orang tua, ia sudah tua. Kalau ia tidak masuk di institusi rumah orang tua, tentu ia tinggal seorang diri ataupun dua orang suami isteri ataupun dia dijaga oleh keluarga. Inilah orang yang mendapat pertolongan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu orang yang tidak mampu, orang yang miskin dan orang yang perlu diberi bantuan. Jadi, tiap-taip kes memang disiasat semua. Jadi, perkara yang Yang Berhormat ingin tahu tadi iaitu tiap-tiap kes yang perlukan bantuan, bukan sebarang orang akan diberi sesuka hati.

Tuan Pengerusi,

Dr. Maximus Johnity Ongkili: (*Bangun*)

Timbalan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bandau bangun.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Telah disentuh dalam jawapan Timbalan Menteri tadi bahawa perkara kebajikan ini adalah dalam concurrent list dan dengan itu pihak Kerajaan Negeri masing-masing mengurus hal kebajikan. Bukankah sebaliknya kalau concurrent list maka Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Negeri masing-masing mengurus perkara seperti kebajikan dan

sebagaimana saya sedia maklum pada tahun-tahun yang lalu, di peringkat negeri Sabah biasanya ada sebahagian daripada bantuan ini, tetapi biasanya oleh kerana dibentuk dalam segi reimburseable, dengan izin, bayaran baliknya biasanya begitu lama sekali, termasuklah bantuan pelajar-pelajar di peringkat sekolah.

Saya ingin minta penjelasan, Tuan Pengerusi dan ini juga saya terkejut sekali sebab sudah setahun lebih Kerajaan Negeri Sabah di bawah Barisan Nasional, nampaknya belum ada tindakan untuk meminta bantuan di peringkat Persekutuan tentang perkara-perkara kebajikan. Soalan saya, jikalau permohonan ingin dimajukan untuk memperluaskan bantuan-bantuan seperti ini ke negeri Sabah memandangkan program yang diadakan di peringkat negeri tidak mencukupi, adakah kementerian yang berkenaan memberi jaminan untuk menerima dan memberi bantuan sesuai dengan permohonan itu?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, saya telah memberi keterangan awal tadi iaitu kebajikan dan peruntukan yang macam ini ialah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Tetapi sunguhpun begitu, baru-baru ini dan barangkali Yang Berhormat telah mendengar sekiranya macam Sekolah Tunas Bakti dan Taman Sri Puteri di Sabah dan Sarawak. Ini dibantu oleh Kerajaan Persekutuan. Tetapi kebajikan yang awal tadi saya sebutkan, masih dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Jadi, ini terpulanglah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat akan memikirkan dalam masa akan datang. Ini terpulang kepada permintaan dan juga terpulang kepada perlembagaan kita di negara Malaysia.

Tuan Pengerusi, itulah saja yang dapat saya memberi penjelasan berkenaan dengan perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat berkenaan dengan tambahan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat masalannya ialah bahawa wang sejumlah RM2,900,000 untuk Maksud B. 42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,900,000 untuk Maksud B. 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Maksud B. 43 (Jadual Pertama) —

Maksud P. 43 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994) —

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B. 43 dan Kepala Pembangunan P. 43 di bawah Kementerian Undang-undang terbuka untuk dibahas sekarang. Bagan.

6.32 ptg.

Tuan P. Patto (Bagan): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Maksud B. 43 tambahan sebanyak RM12,872,800 dikehendaki untuk menampung bayaran emolument bagi jawatan-jawatan baru, kenaikan kadar sewa ruang pejabat, penyewaan ruang pejabat baru, kos perpindahan pejabat, ubah suai ruang pejabat dan pembelian perabot serta peralatan pejabat. Ini adalah di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1994.

Saya ingin bertanya oleh kerana Kementerian ini tidak ada lagi, Kementerian Undang-undang, Menteri pun sudah tidak ada, jadi RM12.8 juta dibelanjakan untuk kenaikan kadar sewa, ruang pejabat, ruang pejabat baru, kos perpindahan pejabat, ubah suai ruang pejabat dan pembelian perabot. Selepas membelanjakan lebih daripada ini, ini tambahan yang diperlukan untuk diluluskan oleh Dewan ini. Jadi, sudah tentu perbelanjaan yang lebih banyak lagi sudah pun digunakan di kementerian itu.

Jadi, saya ingin bertanya apa terjadi, oleh kerana ini bagi tahun sudah. Apa terjadi kepada ruang pejabat yang disewa waktu itu di mana kita diminta untuk lulus. Apa terjadi kepada perabot-perabot dan peralatan pejabat oleh kerana kementerian sudah tidak wujud lagi. Menteri pun sudah tidak ada. Jadi, apakah telah terjadi dan bagaimana ia boleh, dengan izin, must be accountable and how are they to be accountable for this amount of money? Because, wang yang dibelanja, diperlukan sekarang untuk diluluskan bukanlah satu macam kebajikan, baru RM2.9 juta. Ini RM12.8 juta hanya untuk tempoh berapa tahun.

Jadi, itu sebabnya saya bangkitkan ini wang rakyat diminta untuk diluluskan sekarang ini. Tambahan ini diminta untuk satu kementerian yang kemudiannya tidak wujud lagi. Kenapa? Kenapa terjadi dan bolehkah sesiapa yang akan menjawab nanti, memberi keterangan yang penuh tentang apa terjadi? Saya tahu, oleh kerana Perdana Menteri tidak ada, hanya dia yang mempunyai kuasa penuh, the prerogative is his. Sama ada dia hendak Menteri ini atau Menteri itu. Tetapi yang diwujudkan pada ketika itu Kementerian ini adalah Perdana Menteri. Perdana Menteri sekarang tidak ada dalam Dewan ini untuk justifiy kenapa tidak ada kementerian

itu dan kenapa perlunya wang yang dibelanjakan pada ketika ia diwujudkan? Jadi, selepas ia tidak wujud lagi sekarang apa terjadi? Itu yang saya hendak tahu.

Apabila satu-satu ruang pejabat disewa..... (*Disampuk*)kalau hendak dengar, dengar; tak hendak dengar, keluar.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Jangan cakap besar.

Tuan P. Patto: Bukan cakap besar, you want to listen, you listen. You don't want to listen, you get out. This is my right to speak here, dengan izin.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Who are you? Siapa you?

Tuan P. Patto: Siapa you? Who are you? You are so big, is it, BBC Chairman!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Yes.

Tuan P. Patto: So what?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tak payah gaduh, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, biar saya teruskan. Jadi, apabila satu-satu ruang pejabat disewa, sudah tentu ada kontraknya. Saya tidak tahu sama ada satu penamatan kontrak berlaku. Apabila berlaku, sekiranya ada berlaku, sudah tentu ganti rugi harus dibayar, sama ada ganti rugi yang dibayar termasuk dalam RM12.8 juta ini. Itu saya ingin tahu. Dan juga saya minta satu penerangan yang lebih jelas dalam hal ini.

Saya tahu apabila perkara ini dibangkit, ada ramai yang tidak suka ia dibangkitkan. Saya tahu, termasuk kawan saya dari Parit Sulong. Kawan lama, sebelum dia masuk Parlimen, sebelah saya masuk Parlimen, kawan lama, sejak dia menjadi pemberita. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, satu lagi. Selepas ini Kementerian menjawab.

6.37 ptg.

Dr. Tan Yee Kew (Klang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B. 43 tentang peruntukan tambahan kepada Maksud Kementerian Undang-undang. Peruntukan RM12 juta yang diminta oleh Kementerian ini untuk pembinaan bangunan-bangunan mahkamah dan untuk pembelian peralatan komputer boleh dikatakan kecil memandangkan bahawa kementerian ini bertanggungjawab menjaga pelaksanaan undang-undang dan menjamin keadilan terhadap undang-undang bagi semua rakyat.

Kita memang merasa bangga dan penuh yakin terhadap sistem undang-undang kita. Tetapi pembangunan mahkamah rupanya tidak lagi selaras dengan keperluan masa kini. Oleh yang demikian, terdapat terlalu banyak kes tidak dapat diselesaikan di mahkamah dalam tempoh masa yang sewajarnya kerana kekurangan hakim-hakim, kakitangan dan kemudahan-kemudahan mahkamah.

Tuan Pengerusi, menurut sebuah laporan beribu-ribu kes telah ditangguhkan di mahkamah di seluruh negara. Terdapat kes-kes jenayah yang mana tertuduh itu telah ditahankan selama 2 tahun di penjara, belum lagi dibawa ke mahkamah untuk perbicaraan.

Tuan Pengerusi, ini tidak adil bagi seseorang yang tidak melakukan kesalahan ataupun belum disabit kesalahan di mahkamah. Sebaliknya terdapat juga penjenayah dibebaskan ikat jamin selama beberapa bulan sebelum ianya dibawa ke mahkamah dan dipenjarakan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, menyentuh dasar Yang Berhormat. Ini belanjawan berkaitan dengan sewaan dan perabot pejabat.

Dr. Tan Yee Kew: Ya, boleh saya sambungkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Boleh teruskan mengikut apa yang dimaksudkan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Yee Kew: Ya, saya akan sampai ke tajuk khususnya. Sementara itu keselamatan orang awam tidak dapat dilindungi.

Tuan Pengerusi, bagi kes-kes sivil, masa kena tunggu lebih panjang. Sebagai contoh, baru-baru ini saya telah menerima satu aduan daripada seorang lelaki di kawasan saya. Lelaki itu telah terlibat di dalam suatu kes kemalangan jalan raya dan dia telah menuntut insuransnya melalui mahkamah. Tetapi selepas 10 tahun, kesnya belum lagi dapat.....

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, apa kena-mengena dengan Maksud B. 43 ini?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangkitkan point of order. Memang Yang Berhormat telah berucap dasar. Kena tumpukan kepada Maksud yang ditetapkan Maksud B. 43. Ia terhad kepada Maksud itu sahaja Yang Berhormat. Yang Berhormat telah menyentuh dasar, ya.

Dr. Tan Yee Kew: Ya, okay, okay. Saya hendak tunjuk kepada Dewan yang mulia ini bahawa keperluan kita untuk membangkitkan dan menambahkan pembangunan-pembangunan mahkamah dan juga menambahkan kakitangan dan juga kemudahan-kemudahan mahkamah di negara kita ini termasuk pengkomputeran mahkamah.

Saya rasa keutamaan patut diberi untuk mengatasi masalah penangguhan kes-kes di mahkamah negara kita ini.

Dengan ini, saya memberi sokongan penuh kepada permintaan bekalan tambahan Kementerian Undang-undang. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta jawapan.

6.41 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Pengerusi, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan dan Kelang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari Bagan, saya ingin menyatakan pertamanya bahawa apa yang berlaku ialah kita memerlukan kepada ruang-ruang pejabat ini untuk kegunaan Kementerian Undang-undang. Walaupun sekarang ini kementerian itu sudah tidak wujud, tetapi sebenarnya apa yang berlaku ialah kementerian itu hanya tukar nama kepada 'jabatan' sahaja, tidak terlibat dengan pemberhentian kerja orang-orang yang bekerja di bawah kementerian, tidak terlibat dengan penutupan pejabat-pejabat kerana kakitangannya (personel) masih ada. Cuma yang ada penukaran ialah daripada nama 'kementerian' kepada 'jabatan' sahaja. Maka ini bermakna bahawa segala ruang bangunan yang telah disewa itu masih diisi dengan kakitangan yang dahulunya kalau dia bekerja dengan kementerian, tetapi sekarang adalah jabatan yang memerlukan kepada jumlah yang sama juga.

Tuan P. Patto: Penjelasan. Terima kasih atas jawapan tadi iaitu Kementerian Undang-undang tidak wujud lagi dan sekarang ia sudah diturunkan ke taraf 'jabatan'. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apa-

kah statusnya sebagai satu kementerian dan jabatan? Sekiranya ia sudah dijadikan sebagai 'Jabatan Undang-undang', maka di bawah kementerian manakah ia terletaknya sekarang supaya dapat kita memahami oleh kerana sudah ada satu pertukaran yang tidak dapat difahami langsung oleh orang ramai juga?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas soalan tadi. Sebenarnya kita baru sahaja menggazetkan di mana Jabatan Undang-undang ini adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebab itu, pada hari ini, saya berdiri untuk menjawab soalan kepada Yang Berhormat dari Bagan.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa tidak bermakna kalau sekiranya sesuatu jabatan atau kementerian itu ditutup, maka ianya bermakna bahawa kurang pentingnya perkara itu. Ini jauh sekali, kalau kita hendak mengira ini sebagai satu penurunan. Tetapi kita kena ingat bahawa Jabatan Perdana Menteri itu adalah satu jabatan yang paling penting sekali di antara kementerian-kementerian sebab ia Kementerian/Jabatan Perdana Menteri. Maka boleh juga kita menganggapkan dengan letaknya Jabatan Undang-undang di bawah Jabatan Perdana Menteri menunjukkan bahawa jabatan ini adalah penting kerana memerlukan perhatian sendiri daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Berkenaan dengan soal apakah ada berlakunya penamatan kontrak, jawapannya tidak, sebab semua perbelanjaan ini telah pun diguna pakai untuk menyewa ruang pejabat dan membeli perabot. Maka tidak terlibat apa-apa penamatan kontrak kerana semuanya telah pun diselesaikan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan soalan Yang Berhormat dari Kelang yang menyatakan bahawa mengapa banyak kes ditangguh. Kes yang kebanyakannya ditangguh ini memang di antara sebabnya kerana kekurangan hakim dan juga mahkamah. Sebab itulah, pada hari ini kita memerlukan kepada wang ini untuk kita menjadikan lebih banyak lagi mahkamah dan juga memberikan emolumen kepada hakim-hakim dan kakitangan supaya kita dapat mengatasi masalah penangguhan begitu banyak kes-kes yang belum lagi didengar. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa itu hanya satu daripada alasan sahaja, tetapi alasan yang paling besar mengapa banyak kes telah ditangguh yang disabitkan oleh di atas permintaan peguam bela-peguam bela itu sendiri yang kadang kala meminta supaya kes itu di 'postpone' di atas alasan-alasan yang telah diberikan oleh mereka sendiri. Jadi, ini merupakan alasan yang paling besar sekali mengapa banyak kes-kes telah ditangguh.....

Tuan P. Patto: Penjelasan. Tidakkah benar bahawa pihak pendakwa raya juga ada kalanya minta untuk 'postponement' oleh sebab belum sedia lagi dengan kesnya ataupun saksi belum dapat dikesan ataupun saksi tidak dapat hadir. Bukankah salah satu sebab juga pendakwa raya pun perlu dipertanggungjawabkan atas kelambatan pendengaran kes-kes?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, ada juga ketikanya yang mana kes ini ditangguh disebabkan oleh kerana kurang pendakwaraya, sebab itu kerajaan cuba mengatasi masalah ini dengan meminta wang lebih lagi untuk kita mendapatkan kakitangan di mahkamah ini. Tetapi seperti mana telah saya sebut, lebih besar lagi atau ramai peguam yang meminta supaya kes ini ditangguh dan saya tidak tahulah siapa pihak berwajib

yang boleh memastikan supaya kita dapat mengatasi masalah kes ditangguh disabitkan oleh permintaan tangguhan oleh peguam-peguam ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya kira itulah sahaja jawapan dari kementerian dan saya ucap sekali lagi berbanyak terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM12,872,800 untuk Maksud B. 43 di bawah Kementerian Undang-undang jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM12,872,800 untuk Maksud B. 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM11,420,000 untuk Maksud P. 43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1994 hendaklah diluluskan.

Wang sebanyak RM11,420,000 untuk Maksud P. 43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994.

Maksud B. 44 (Jadual Kedua)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B. 44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

6.48 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Pengerusi, secara ringkas saya merujuk kepada wang sebanyak RM16,716,050 yang diperlukan untuk membiayai mempertingkatkan aktiviti penerangan dan penyiaran.

Dalam konteks ini, saya ingin merayu kepada Kementerian Penerangan agar personaliti yang dipertugaskan untuk menyampaikan berita, khususnya berita dalam media elektronik iaitu Berita TV diperbaiki dari masa ke semasa. Pada hari ini, memanglah kita mempunyai penyampai berita yang berpengalaman, tetapi oleh kerana mereka sudah terlalu lama, mungkin sebagai penyampai berita, maka tidak lagi mempunyai 'followers' yang ramai dari segi pendengar-pendengar ataupun penonton-penontonnya.

Saya membaca satu majalah baru-baru ini iaitu majalah *Fortune* mengatakan bahawa 'anchorman', dengan izin, iaitu orang yang menjadi tunjang kepada pembaca berita di Amerika Syarikat adalah tergolong sebagai 'millionaire' dan 'anchorman' ataupun 'anchorlady' di Jepun juga adalah millionaires. Dan lady yang menjadi anchor kepada newscaster CNN juga adalah tergolong sebagai millionaire. Mengapa? Oleh kerana mereka ini tergolong dari golongan profesional yang diketengahkan bukan sahaja untuk menarik penonton-penonton (audience) supaya penonton-penonton ini mempunyai satu jalinan kesetiaan antara penonton dengan rangkaian itu. Kalau TV2 'competing' dengan TV1 dengan TV3, mereka harus mempunyai 'anchorman prime news' ataupun Berita Perdana supaya kita dapat menarik dan menyampaikan mesej kerajaan yang hendak disampaikan, supaya kita tidak mempunyai warganegara yang lebih memutarakan atau mendengar kepada siaran-siaran asing khususnya apabila kita mengizinkan mungkin satu hari kelak television network antarabangsa supaya dapat diterima dalam negara ini.

Perkara ini adalah satu perkara yang penting di dalam meningkatkan aktiviti penerangan dan penyiaran dalam negara ini. Jadi, diharap pihak kerajaan akan mewujudkan bakat-bakat baru, membimbing bakat-bakat baru supaya 'anchorman' dan 'anchorlady', tunjang wanita dan tunjang teruna yang menyampaikan berita ini terdiri daripada segala aspek, bukan diadili dari segi wajahnya sama ada mereka fotogenik sahaja. Mereka juga diadili dari segi IQnya, kepintaran dan sebagainya, supaya segala aspek ini akan menjadi daya tarik dan menimbulkan kesetiaan di kalangan pendengar dan juga penonton.

Berkaitan dengan aktiviti penerangan dan penyiaran ini juga, saya ingin mendapat penjelasan ataupun merayu kepada Kementerian Penerangan agar dilihat semula aktiviti-aktiviti copywriters, iaitu golongan profesional yang menulis iklan. Copywriters kalau di Barat adalah tergolong sebagai golongan jutawan (millionaire). Tetapi copywriters di sini kadang-kadang dia punya gaya bahasa terlalu janggal, 'too English like'. Bermakna dia cuma direct translation, literal translation, terjemahan yang literal daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. Dan selepas itu personalities yang diketengahkan adakah benar-benar mencerminkan hakikat masyarakat Malaysia yang multi bangsa, yang berbagai bangsa.

Perkara ini khusus, oleh kerana sekarang ini macam kita diketengahkan, disogokkan dengan iklan-iklan yang disiarkan oleh radio dan televisyen dengan wajah-wajah jelita yang mungkin diturunkan dari tanah yang terlalu asing, mungkin dari hujung Bukit Siguntang, bukannya menggambarkan Malaysia

yang sehari-hari kita lihat. Jadi, dengan izin, is very deceiving, amat menge-lirukan perkara ini — ini sudah banyak kali. Sebenarnya suara lama yang ditimbulkan di dalam Dewan ini berkali-kali, tetapi tidak juga ditangani dan tidak mendapat simpati dari agensi adverti-sing houses ataupun syarikat-syarikat pengiklan.

Yang keduanya, saya minta Kement-erian Penerangan supaya secara per-lahan kita mempunyai seorang media man, media practitioner yang sekarang menjadi Timbalan Menteri. Perlahan-lahan kita kaji bagaimanakah kedudukan ekuiti ataupun modal syarikat-syarikat pengiklan yang ada dalam negara kita. Jadi, mungkin semangat kebangsaan Malaysia dan sikap kebanggaan Malay-sia itu belum lagi dapat dihayati oleh mereka. Jadi, saya harap Kementerian Penerangan meningkatkan aktiviti pene-rangan dan penyiaran bukan sahaja dilihat dari segi aspek persembahan, tetapi juga dari aspek segala benda yang disiarkan menerusi televisyen dan radio.

Yang akhir, saya melihat satu perkembangan bahawa "phone-in pro-gramme", iaitu program-program mene-rusi telefon ini sudah menjadi terlalu 'mediacore' dan semua sekali hendak telefon.

Saya ingat lagi saudara saya Nora-min yang sekarang ini mengepalai Time Highway Radio, dialah yang memper-kenalkan "phone-in programme" ini dengan 'Moshi-moshi' dan sebagainya. Tetapi sekarang ini every programme sudah phone-in, there must be satu kriteria control standard quality di dalam broadcasting kita. Oleh kerana sekarang ini banyak phone-in, secara tidak

langsung kita mendewa-dewakan artis-artis dari Barat — Bon Jovi. Saya pun tidak tahu siapa Bon Jovi ini. Anak saya umur 7 tahun, 8 tahun tahu Bon Jovi. Ini diperkenalkan menerusi radio kita. Siapa yang merasa berdosa sekiranya anak-anak kita mendewa-dewakan budaya Barat, budaya yang terlalu asing daripada ibu bapanya? Saya persoalkan perkara ini.

Tuan Pengerusi, mengenai local pro-duction, penerbitan-penerbitan tempatan. Dahulu kami mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengambil tindakan yang tegas terhadap local artist, artis-artis tempatan pakai subang, rambut panjang, pakai gincu, pakai make-up. Kita sudah tegur, tetapi ada juga pihak-pihak yang membela mereka. Ini bukan budaya Malaysia yang hendak dicerminkan menerusi persem-bahan artis-artis kita. Tolonglah, kalau kita hendak meningkatkan aktiviti pene-rangan dan penyiaran negara, perkara ini harus didetaili, diperincikan, dituntaskan segala-galanya supaya jangan dipersem-bahkan kepada anak-anak kita budaya yang bukan milik mereka. Orang akan mengatakan bahawa pandangan saya, pandangan yang kolot, pandangan yang kuno, tetapi kita memanjangkan pengem-bangan budaya kuning, apa ertinya?

Tuan Pengerusi, satu lagi program-program umpamanya 'Global'. Satu pro-gram oleh TV2 iaitu Program Global — bagus. Saya ucapkan tahniah, tetapi saya minta mesti ada 'fairer representation', bermakna satu perwakilan yang adil. Sekiranya topik itu melibatkan orang kampung, apa salahnya kita pilih satu pengerusi JKKK yang canggi untuk sama-sama berinteraksi minda mereka

dengan orang-orang yang intelektual supaya suara mereka juga dapat didengar oleh pengikut-pengikut mereka. Mungkin mereka ini juga adalah 'role model' di kalangan mereka di kampung-kampung. Jadi local elite, golongan elit di peringkat bawahan juga harus diketengahkan menerusi televisyen. Jangan golongan elit atasan yang tidak mempunyai akar dan umbi ke bawah kita ketengahkan, bagaimanakah orang bawahan akan menerima pandangan mereka.

Saya persoalkan hal-hal ini oleh kerana kita takut perkara wang yang kita belanjakan terlalu banyak, tetapi mungkin kita tidak dapat mencapai hasrat dan matlamat kita. Ini bukan bermakna saya kritikal terhadap Menteri Penerangan. Menteri Penerangan adalah orang yang kreatif, oleh kerana kehadiran Menteri Penerangan di RTM telah membawa banyak perubahan minda, tetapi saya harap dari substance persembahan juga harus diperbaiki dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Selepas ini kementerian menjawab. Kawasan mana Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Parit Buntar.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Buntar ya, selepas ini kementerian menjawab.

6.58 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman (Parit Buntar): Saya ingin menyentuh Maksud B. 44 mengenai peruntukan yang diminta sebanyak RM16.7 juta untuk meningkatkan aktiviti penerangan dan penyiaran.

Dalam usaha peningkatan ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kegiatan-kegiatan untuk mempertingkatkan usaha penerangan ini, kementerian mengambil kira untuk memperkenalkan approach yang lebih sofistikated di samping approach yang digunakan selama ini.

Kalau kita lihat peranan Jabatan Penerangan dari dahulu satu program yang paling popular ialah membuat pertunjukan wayang gambar di kampung-kampung. Kemudian sekarang ini kita dengar kursus-kursus sivik. Saya timbulkan perkara ini sebab di samping komunikasi melalui media massa, peranan inter-personal communication, dengan izin, berkomunikasi secara inter-personal juga merupakan media yang penting dalam usaha kerajaan untuk menerangkan dasar-dasarnya kepada rakyat. Jadi, saya minta kalau boleh, kalau benda ini sudah dibuat — alhamdulillah, tetapi kalau belum, saya minta kementerian ini mengkaji kemungkinan memperkenalkan program-program atau pendekatan yang lebih canggih, misalnya menerusi penggunaan multi-media dan sebagainya untuk mendapat kekesan yang lebih dalam usaha penerangan ini. Kalau kita asyik dengan kursus-kursus sivik, jamunan makan sivik, bill board dan sebagainya, saya takut nanti disebabkan oleh kemajuan yang begitu pesat dalam bidang

teknologi maklumat ini, saya takut pada satu hari nanti Jabatan Penerangan ini akan jadi satu jabatan yang obsolete, yang tidak lagi bergerak selaras dengan peredaran zaman. Jadi, saya tidak ada benda lain hendak cakap, cuma itu sahaja. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta kementerian menjawab.

6.59 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu kita ucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Parit Buntar yang telah membangkitkan beberapa perkara yang bernas untuk memperbaiki tahap penyampaian maklumat.

Sebenarnya, memang tujuan kementerian ini untuk melahirkan masyarakat yang bermaklumat dan maklumat yang disampaikan dapat disampaikan dengan baik oleh para pembaca berita kita. Keutamaan di peringkat kementerian kita sememangnya ialah penyampaian maklumat itu. Dalam pada itu teguran serta nasihat Yang Berhormat dari Parit Sulong menyatakan bahawa bukan sahaja dari segi penyampaian maklumat, berita-berita bahkan dari segi persembahan kemungkinan cahaya muka yang cantik juga akan dipertimbangkan.

Setiap waktu kementerian akan mengambil perhatian pada hari ini bagi mengadakan beberapa langkah-langkah seperti memberi tawaran-tawaran kepada pihak-pihak yang berminat untuk membaca dan menyampaikan maklumat-maklumat yang baik.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan iaitu certificate copy writers, monopoli.....

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Libaran bangun, hendak minta jalan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Okay.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya cuma inginkan penjelasan. Adakah Kementerian Penerangan sedar bahawa "Berita Jam 12.00" yang disiarkan sekarang ini inputnya tidak bermaya. Apakah kementerian bercadang untuk mengubah format tersebut supaya ia dapat memberikan berita yang lebih sensasi dan bermakna kepada masyarakat keseluruhannya?

Kedua, adakah juga kementerian sedar bahawa ramai artis-artis yang berkhawatir telah diberi peluang untuk terus menghibur penonton di TV melalui rancangan "Hiburan Minggu Ini"? Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Libaran tadi, izinkan saya untuk meneruskan menjawab soalan yang telah dibangkitkan; penerangan-penerangan seperti saya tekankan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong mengenai beberapa perkara seperti monopoli dalam sektor pengiklanan, ini memang berlaku. Dalam pada kementerian sedang mengambil tindakan

yang tegas untuk kita melibatkan lebih ramai golongan bumiputera untuk menceburkan diri dalam sektor pengiklanan ini tanpa kita mengeneipkan identiti Kemalaysian kita. Dalam perkembangan, harus memperlihatkan bahawa negara kita mempunyai identiti pembangunan yang tersendiri.

Begitu juga dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar tadi memang baik. Kita juga akan menuju ke arah memperbaiki serta memodenisasikan menerusi Jabatan Penyiaran kita tentang alat-alat multi-media yang kelak akan kita laksanakan tidak berapa lama lagi.

Perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Libaran tadi, sejauh ini kita tidak sedar bahawa ada di antara artis-artis yang terlibat dengan maksiat — kegiatan khalwat. Walaupun demikian, kementerian amat tegas tentang perkara ini. Jika didapati bahawa ada di antara artis-artis yang terlibat, kita akan mengambil tindakan yang amat tegas dalam hubungan ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja yang saya hendak sampaikan dalam menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini dan kementerian memohon peruntukan sejumlah RM16,700,000 lebih ini akan mendapat kelulusan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM16,716,050 untuk Maksud B. 44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM16,716,050 untuk Maksud B. 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B. 47 (Jadual Pertama) —

Maksud P. 47 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994) —

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Maksud B. 47 dan Maksud P. 47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Tiada yang hendak berbahas?

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bangun hendak keluar atau hendak berbahas?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak bahas!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila bahas. (*Ketawa*) Saya ingat Ahli Yang Berhormat hendak keluar.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Silakan.

7.03 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Ya, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, mengenai pampasan ke atas.....

Seorang Ahli: Tiada modalkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada banyak modal tetapi saya hendak pergi tepat kepada masalah spesifik.

Seorang Ahli: Beri orang lain jalan dahulu!

Dr. Tan Seng Giaw: Terlalu banyak modal. (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi, mengenai kerugian 'passengers service' yang terpaksa ditanggung oleh pihak kerajaan, ini satu perkara yang saya harap dapat disiasat dengan teliti, dengan mendalam untuk mengetahui mengapa kita mengalami kerugian sehingga pihak kerajaan perlu untuk menyelamatkan. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak kementerian jangan begitu cepat hendak mengganti rugi ke atas kerugian yang dialami oleh Keretapi Tanah Melayu Bhd. untuk perkhidmatan train tumpang yang tidak ekonomik.

Dengan jalan-jalan raya yang bertambah baik, memang bilangan penumpang akan berkurangan untuk menggunakan perkhidmatan train penumpang itu. Apakah yang boleh dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan bilangan penumpang ini bertambah? Kerana kalau tidak berusaha untuk memperbaiki keadaan ini, memang bilangan penumpang tidak akan bertambah, bahkan saya nampak bilangan orang yang memiliki kereta sudah bertambah. Kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun sudah mengambil perhatian mengenai bilangan kenderaan yang bertambah di negara ini.

Di dalam kenyataan yang pertama atau mungkin yang kedua di Kedah, setelah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen, beliau pernah memberi angka mengenai bilangan pemilik kereta — menunjukkan begitu serius beliau di dalam kementeriannya. Saya berharap usaha ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan. Walau bagaimanapun — dia pun kawan saya juga — saya banyak modal di sini, sekian banyak mengenai masalah train penumpang iaitu masalah spesifik yang dibahaskan hari ini.

Tuan Pengerusi, dengan bilangan motokar yang bertambah, memang bilangan penumpang train besar kemungkinan akan berkurangan. Adakah ini berkaitan dengan pihak kementeriannya menghadkan "laju" kenderaan-kenderaan di jalan raya? Menghadkan laju! Jadi, tidak payahlah kita naik motokar kerana train itu lebih laju lagi. Ia hendak mengadakan tren elektrik. Saya berharaplah, kerana orang yang menggunakan jalan raya berhak untuk berjalan dengan kelajuan yang tepat. Jangan kita ganggu dengan kelajuan. Dia memang ada mengganggu. Saya tidak menafikan di setengah-setengah tempat kita mesti menghadkan kerana ada kes-kes kemalangan yang banyak.

Walaupun bagaimanapun, di dalam usaha untuk mengadakan tren elektrik ini, saya nampak ada kelewatan. Bahawa ada setengah-setengah projek tidak dapat diselesaikan di dalam masa yang ditetapkan. Apakah sebabnya projek ini tidak dapat diselesaikan pada masa yang ditetapkan, yang telah pun dibidas oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang hendak mengetahui dengan tepat dengan betul, hendak mengetahui mengapa wujudnya kelambatan dan ketundaan projek tersebut?

Dan dengan kelewatan ini bilakah dapat kita menyaksikan sistem tren elektrik di negara kita ini. Berapa kontraktor yang telah diberi tender untuk melaksanakan projek ini dan kontraktor manakah yang cuai untuk melaksanakan projek ini? Dan mengenai unit penguatkuasaan yang akan diadakan oleh pihak KTMB untuk menyekat, untuk membanteras, untuk membendung 'vandals' pengkhianat-pengkhianat sama ada di Lembah Kelang bahkan di seluruh negara terutamanya dengan landasan berkembar. Dan landasan berkembar ini, pihak

kerajaan telah memperuntukkan ataupun KTMB telah membelanjakan RM1.5 bilion dan ini bermula dari Rawang ke Seremban dan Pelabuhan Klang dan dengan adanya landasan berkembar ini kita mesti berusaha untuk mengurangkan pengkhianatan yang bakal berlaku di sekitar landasan tersebut.

Tuan Pengerusi, ada disebutkan bahawa dengan adanya Light Rail Transit System (LRT), dia hendak menambahkan bilangan penumpang. Saya tidak percaya LRT system boleh mengurangkan kesesakan di jalan raya.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, LRT itu tidak termasuk di dalam Maksud ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia ada berkaitan dengan usaha untuk menambahkan bilangan.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, maksud ini berkaitan dengan kerugian yang ditanggung bagi tahun 1992, 1993 dan 1994.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya faham!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): LRT belum berjalan lagi, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ini menampung kerugian di tahun-tahun yang lalu.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita mesti mengurangkan kerugian ataupun mengelakkan daripada mengalami kerugian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tahun yang telah disebutkan ialah 1992, 1993 dan 1994, bukan yang akan datang.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya berusaha untuk menyeru supaya kerajaan berhati-hati jangan kita mengalami kerugian lagi kerana kekurangan penumpang, itulah masalah. Sebab itu, dia mesti mempelbagaikan perkhidmatan untuk menarik bilangan penumpang, itu maksud saya. Walau bagaimanapun, kita mesti menambahkan perkhidmatan yang lebih efisien untuk menarik bilangan penumpang, kalau tidak pihak KTMB akan terus mengalami kerugian dan kerajaan terpaksa memberi bantuan ataupun menanggung untuk menyelesaikan masalah kerugian ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): *Bagan.*

7.15 mlm.

Tuan P. Patto (Bagan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan peruntukan yang diminta diluluskan di bawah Maksud B. 47 bagi Kementerian Pengangkutan iaitu satu tambahan sebanyak RM22 juta diperlukan untuk bayaran gantian atas kerugian yang dialami oleh KTMB untuk perkhidmatan tren penumpang yang tidak berekonomik bagi tempoh 1992, 1993 dan 1994.

Tuan Pengerusi, saya membaca dua laporan tahunan daripada KTMB. Laporan pertama selepas pemerbadanan

Keretapi Tanah Melayu Berhad. Selepas diwujudkan Akta Keretapi 1991 oleh Parlimen terdapat satu peningkatan dalam hasil dari perkhidmatan penumpang, bererti bahawa selepas pemerdanaan KTMB dalam 7 bulan yang pertama tahun 1992 dan saya petik daripada laporan tahunan KTMB, dengan izin, Tuan Pengerusi:

“Hasil dari perkhidmatan penumpang telah bertambah sebanyak RM3,506,692 iaitu daripada RM42,814,415 kepada RM46,321,107”.

Jadi dalam tujuh bulan yang pertama dalam tahun 1992, KTMB telah mencatatkan satu pertambahan hasil dari perkhidmatan penumpang. Kemudian daripada bulan Ogos, saya tidak tahulah sama ada dalam tahun 1992 ataupun 1993 oleh kerana di dalam memorandum yang dibentangkan dalam Parlimen menunjukkan perkhidmatan tren penumpang yang tidak ekonomik bagi tempoh 1992, 1993 dan 1994.

Jadi, saya kurang pasti dengan kenyataan yang dibuat dalam laporan tahunan yang menunjukkan ada tambahan hasil, dengan izin, ‘there is an increase in revenue for the first seven months in 1992’. Kemudian di sini pula pihak kementerian datang ke Dewan meminta supaya diluluskan RM22 juta untuk menampung pembayaran gantian atas kerugian ini. Bolehkah Yang Berhormat yang bertanggungjawab, yang akan menjawab nanti menerangkan apa terjadi di dalam tiga tahun ini di mana tujuh bulan yang pertama seperti mana yang ditunjukkan di dalam laporan tahunan KTMB memang dapat menambahkan, ia dapat keuntungan, ‘there is an increase in revenue’, dengan izin. Dan bolehkah beliau menerangkan nanti bagaimana kerugian ini boleh berlaku? Tadi rakan saya daripada Kepong telah pun menyebut tentang

‘highway’ sama ada Lebuhraya Utara/Selatan telah menjejaskan hasil daripada perkhidmatan tren penumpang ini ataupun ada sebab-sebab yang lain yang telah dihasilkan dan oleh kerana sudah pun diminta di dalam Dewan ini RM22 juta diluluskan, apakah cadangan kementerian untuk memastikan bahawa ia tidak kembali ke Dewan lagi untuk meminta Dewan meluluskan wang bagi maksud bayaran gantian atas kerugian untuk perkhidmatan tren penumpang lagi?

Sebab, kita tidak boleh setiap kali pihak kementerian datang ke Dewan meminta supaya diluluskan berjuta-juta ringgit bagi maksud bayaran gantian atas kerugian untuk perkhidmatan tren penumpang dan kita meluluskan.

Bukan bererti setiap kali dia minta, kita kena lulus. Setiap kali dia datang ke Dewan dia kena justify, dengan izin, mengapa ia perlu diluluskan dan bagaimana kerugian ini boleh berlaku dan ‘whether it is justify’? Sebab wang ini wang rakyat dan selepas pemerdanaan KTMB, apakah prestasi KTMB begini? Pada hal 7 bulan yang pertama, sudah menunjukkan ada peningkatan. Sama ada peningkatan itu tidak cukup, itu yang kita hendak tahu dan kalau tidak cukup, kenapa tidak cukup? Dan apakah caranya untuk mengelak kerugian dalam perkhidmatan train penumpang oleh KTMB? Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian menjawab.

7.21 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Pengerusi, mengenai Maksud B. 47 dan P. 47 di bawah

Kementerian Pengangkutan yang mana sebanyak RM22 juta, tambahan sebagai Anggaran Perbelanjaan Mengurus, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Bagan yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab apa yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, pertama adalah mengenai sebab apa KTMB ataupun kerajaan terpaksa menampung kerugian kepada KTMB. Saya ingin menegaskan di sini, sebelum KTM diperbadankan KTM telah menyediakan perkhidmatan tren penumpang di kawasan yang sukar mendapat pengangkutan lain atas dasar kepentingan sosial penduduk tempatan. Walaupun sekarang kita dapat melihat North-South Highway (Lebuhraya Utara-Selatan) telah pun siap dibina tetapi pada masa itu memang terdapat lagi beberapa tempat ataupun bandar-bandar yang kecil, yang terpencil ataupun di pedalaman negeri yang mana sukar mendapat pengangkutan.

Oleh kerana kerajaan kita adalah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, yang mana bukan sahaja kita menekankan tentang maximization of profits, dengan izin, tetapi ini adalah juga boleh dikatakan satu projek sosio-ekonomi juga. Sebenarnya cuma ada 3 route atau 3 cawangan yang tidak ekonomik. Pertama adalah Cawangan Kedah dari Stesen Butterworth ke Arau, Perlis. Cawangan kedua adalah ke Telok Intan dari Stesen Ipoh dan yang ketiga adalah cawangan Pantai Timur iaitu dari Stesen Gemas, Negeri Sembilan ke Tumpat, Kelantan. Perkhidmatan tren-tren penumpang yang tidak berekonomik ini memang pada dasarnya, sebelum ianya diperbadankan kerajaan telah memberi

subsidi kepada KTM supaya KTM dapat menguruskan perkhidmatan di tiga-tiga cawangan ini, supaya ianya lebih senang bagi orang-orang yang bermastautin di pedalaman negeri dapat perkhidmatan pengangkutan.

Tuan Pengerusi, kadar subsidi sebelum KTM diperbadankan ialah kerajaan sanggup memberi bantuan ataupun subsidi sebanyak 5% dari kerugian yang dialami oleh KTM. Selepas ianya diperbadankan, kerajaan, untuk memberi bantuan lagi supaya KTMB dapat meneruskan 3 'route' ataupun cawangan lagi, maka satu formula telah pun dipersetujui di antara kerajaan dan KTMB, yang mana sekiranya keuntungan bersih selepas cukai oleh KTMB tidak melebihi tahap peraturan 15% dari dan pemegang saham, tuntutan penuh 100% akan dibuat kepada kerajaan dan kerajaan akan sanggup memberi bantuan secara bentuk subsidi ini.

Walau bagaimanapun, sekiranya peratusan keuntungan melebihi 15%, maka tiada apa-apa tuntutan akan diluluskan oleh pihak kerajaan. Pembiayaan subsidi kepada KTMB telah bermula pada tahun 1972. Memang seperti yang saya katakan, ini semua telah diambil kita, iaitu selain daripada mencari jalan untuk mencari keuntungan, kerajaan juga harus menjaga kepentingan orang-orang yang bermastautin di pedalaman negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Bagan, langkah-langkah telah pun diambil oleh pihak KTMB supaya mengurangkan dari 'route-route' ataupun perkhidmatan ketiga-tiga cawangan yang disebutkan tadi, memandangkan highway telah siap dibina dan orang perseorangan yang bermastautin di pedalaman negeri pun

dapat membawa kereta ke bandar-bandar besar atau ke Kuala Lumpur, maka KTMB bercadang untuk menutup ataupun membatalkan salah satu cawangan di antara 3 yang saya sebutkan tadi, yang mana 'route' dari Ipoh ke Telok Intan kemungkinan akan dibatalkan tidak lama lagi.

Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat juga, memang saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bagan, tetapi yang dicapai oleh KTMB, 3 - 4 tahun kebelakangan ini amatlah menggalakkan. Pada tahun 1992, memang benar KTMB mencatatkan keuntungan RM5.7 juta dan 1993 - RM9.3 juta dan 1994 - RM14.2 juta.

Walaupun demikian, oleh kerana formula yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan KTMB, maka kerajaan harus juga memberi subsidi kepada KTMB dan kerajaan percaya pada tahun 1995 dan tahun-tahun yang akan datang, KTMB akan mencatatkan lagi keuntungan yang lebih tinggi dan lebih besar dan pada masa itu, saya percaya, jika 'route-route' ataupun perkhidmatan ke tiga-tiga bandar yang tidak begitu berekonomik, KTMB tidak lagi akan menuntut subsidi dari kerajaan.

Tuan P. Patto: Penjelasan. Terima kasih. Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu, tadi, dalam jawapan, saya mendapat tahu bahawa kemungkinan perkhidmatan tren penumpang dari Ipoh ke Telok Intan akan diberhentikan tidak lama lagi. Kalau ianya diberhentikan tidak lama lagi, apakah akan terjadi kepada kakitangan yang terlibat dalam cawangan itu yang memberi perkhidmatan — sama ada mereka akan diberhentikan ataupun akan diambil masuk ke cawangan-cawangan lain supaya mereka terus berkhidmat dan bukan diberhentikan kerja?

Kedua, mengenai harta yang dipegang sekarang oleh KTMB iaitu yang diletak di atas Perbadanan Aset Keretapi (PAK). Jadi, apa akan terjadi kepada harta itu oleh kerana tidak ada perkhidmatan tren sama ada penumpang dan saya tidak tahu sama ada perkhidmatan lain selain dari penumpang akan diteruskan di antara Ipoh dan Telok Intan. Setahu saya, saya rela diperbetulkan, hanya perkhidmatan penumpang sahaja yang wujud sekarang di antara Ipoh dan Telok Intan. Jadi, apakah yang akan terjadi kepada harta yang dipegang? Sama ada ia akan, dispose off or, PAK akan terus memegang harta yang ada khususnya di antara Tapah Road ke Telok Intan?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bagan, maka saya ingin memberitahu iaitu jika route dari Ipoh ke Telok Intan betul-betul dibatalkan, maka semua kakitangan yang sedia ada, yang bertugas di antara route dua tempat ini akan diserapkan ke cawangan lain supaya mereka dapat terus berkhidmat dengan KTMB. Memang bukan hasrat KTMB untuk memberhentikan perkhidmatan mereka.

Yang kedua, berkenaan dengan harta-harta yang dipegang oleh PAK, saya suka menegaskan di sini bahawa segala harta-benda kepunyaan PAK ataupun didaftarkan di atas nama PAK memang akan dibangunkan melalui projek-projek lain yang lebih berekonomik ataupun membawa faedah kepada KTMB.

Memang seperti kita semua maklum di seluruh negara, banyak harta, lot tanah dan harta-benda yang didaftarkan di atas nama PAK semuanya jika viable, dengan izin, akan dibangunkan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan tren elektrik. Bila tren elektrik akan mula beroperasi, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Cuma saya ingin memberitahu larian tren percubaan akan mula pada bulan Julai ataupun bulan hadapan di sektor Rawang ke Kuala Lumpur dan akan dilanjutkan ke sektor Pelabuhan Kelang dan Seremban pada bulan Oktober 1995.

Memang saya setuju ada sedikit sebanyak kelewatan dari segi operasi tren elektrik tetapi ada sedikit sebanyak melibatkan masalah teknikal iaitu signalling yang mana ia telah menyebabkan sedikit kelewatan. Tetapi walau bagaimanapun, saya percaya dalam dua bulan yang akan datang, kita dapat melihat tren elektrik ini beroperasi.

Tuan Pengerusi, dari segi kontrak-kontrak yang dilaksanakan, yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari Kepong, saya ingin memberitahu terdapat 6 pakej untuk projek landasan berkembar. Yang pertama, membina landasan kedua Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang. Pakej yang kedua, pembinaan jambatan Rawang-Kajang. Yang ketiga, pembinaan jambatan Kajang ke Seremban. Yang keempat, pembinaan landasan kedua Rawang ke Seremban. Yang kelima, adalah berkenaan dengan elektrifikasi, dan yang keenam, adalah berkenaan dengan komunikasi.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan, maka adalah sukar sekali untuk meningkatkan jumlah penumpang di laluan yang tidak berekonomik. Cawangan-cawangan lain seperti di Alor Setar ke Kuala Lumpur ataupun Kuala Lumpur ke Johor Bahru, memang ini adalah di antara route atau cawangan-cawangan yang begitu menguntungkan.

Di semua route ini terdapat juga senang sedikit supaya KTMB dapat meningkatkan dari segi penumpang. Seperti saya katakan tadi, perkhidmatan ketiga-tiga cawangan ini akan dikaji semula sama ada ketiga-tiga cawangan ini akan dibatalkan atau tidak, tetapi kerajaan masih bimbang oleh kerana terdapat ramai lagi penduduk-penduduk yang susah mendapat pengangkutan dan ini kepentingan sosial ataupun pertimbangan sosial ini amatlah penting juga sama ada KTMB hendak membatalkan routes yang tidak begitu ekonomik.

Saya percaya, itulah beberapa soalan yang dibangkit dan saya percaya saya sudah jawab dan sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran membangkitkan masalah dan jika terdapat lagi soalan yang saya tidak dapat menjawab, saya percaya kementerian akan memberi pertimbangan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM22,000,000 untuk Maksud B. 47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM22,000,000 untuk Maksud B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P. 47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1994 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P. 47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994.

Maksud P. 49 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994) —

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P. 49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Kepong.

7.38 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, satu peruntukan pada mulanya RM85 juta yang dikehendaki untuk membiayai pembelian dan pemasangan turbin gas aero-derivitive di Mengiwar, Pantai Barat dan Tawau, Sabah dan juga untuk kajian kejuruteraan projek hidro-elektrik di Wabuhu.

Tahun yang lepas, Tuan Pengerusi, pihak kementerian telah mengumumkan bahawa mereka akan memberi lesen untuk Independent Power Producer (IPP) bagi 5 syarikat untuk mewujudkan elektrik hampir 4,000 megawatt tetapi tiba-tiba pada tahun ini di dalam Dewan ini, kita diberitahu lesen yang dikeluarkan sekarang adalah berjumlah 7. Bertambah, ditokok-tambah 3 lesen termasuk di Perlis dan juga di Iwaguh. Saya pun faham mengapa kita tambahkan 3 lagi.

Sebenarnya pada mulanya pihak kementerian mengatakan 5 sudah cukup — lebih dari cukup daripada yang diperlukan dan pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada menggalakkan pengguna-pengguna menggunakan lebih banyak elektrik selepas itu dan ini kita tambah.

Walau bagaimanapun, selepas ditambahkan, termasuk Bakun, kita mesti memastikan penjanaan elektrik ini adalah dijalankan dengan baik dan betul kerana kita boleh nampak, bukan sahaja di Wilayah Persekutuan, bahkan juga di seluruh negara. Di Wilayah Persekutuan, walaupun kita adakan begitu banyak — tambah 7 dan tahun ini IPP akan menyelesaikan 4 projek yang memberi amaun elektrik lebih 300 ke 3000 megawatt setahun. Dia selesaikan 4 projek — 4 projek! *(Sambil menoleh memandang ke belakang)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat beralih ke belakang buat apa? *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tengok siapa lagi hendak berucap di sini. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi: Di belakang tak ada siapa.

Dr. Tan Seng Giaw: Nak tengok siapa yang berucap lagi. Itu pun tak boleh! Itu pun tak boleh! *(Di sampuk)* Macam mana, itu pun tak boleh! Seolah-olah saya terpaksa berdiri seperti ini — tak boleh ubah langsung!

Tuan Pengerusi: Macam patung, ya. *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, macam patung. Ini ppatung di sini.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan Yang Berhormat. Apa lagi hendak berucap?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada banyak lagi, banyak lagi. *(Disampuk)* Ppatung dia! Ppatung, Tuan Pengerusi, tahun ini, 4 projek IPP dianggar mengeluarkan lebih kurang 3000 megawatt, bertambah kepada yang ada. Tetapi malangnya, bekalan elektrik sering tergendala. Saya

tak tahulah di Wisma Tuan Pengerusi, sama ada bekalan ini tergendala, tetapi di kawasan-kawasan seperti Kepong, seperti Bagan, Pulau Pinang — Pulau Pinang dahsyat sekali sekarang. Dahsyat sekali! Hitam — pulau hitam sekarang. Pulau hitam. Berapa hari dia kata hendak memulihkan bekalan? *(Disampuk)* Berapa hari? 10 hari ataupun 2 hari hendak memulihkan bekalan?

Saya pun hairan juga! Kita ada tambah bekalan kira-kira 3000 megawatt, tetapi kalau ada apa-apa sahaja berlaku — kabel terbakar, Pulau Pinang menjadi pulau hitam dengan gelap-gelita waktu malam. Mungkin Ahli-ahli Barisan Nasional sahajalah yang suka dengan keadaan gelap gelitanya!

Walau bagaimanapun, saya berharap, kalau ada kerosakan atau kebakaran, jangan kita membenarkan keadaan di mana bekalan tak dapat dipulihkan selama 10 hari — 10 hari. Sebab itu saya menyeru di sini supaya tiap-tiap turbine gas aero-derivative atau turbine yang lain yang bakal dibeli, kita mesti memastikan semua ini di dalam kualiti yang baik dan apabila projek-projek jana elektrik berjaya diadakan, pengurusan hendaklah dipertingkatkan.

Sekurang-kurangnya Tuan Pengerusi, di setiap tempat, jangan kita biarkan bekalan elektrik tergendala dengan begitu sahaja. Kalau ada usaha seperti diterangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri di sini bahawa pihak kerajaan telah memperuntukkan RM177 juta untuk memperbaiki kabel-kabel. Kalau itulah yang dibuat, memang tidak sukar bagi pihak kementerian untuk memberitahu para penduduk yang terjejas dengan terlebih dahulu tarikh kerja akan dibuat, pemasangan kabel baru, masa bekalan elektrik tergendala dan kawasan yang terjejas. Ini boleh

dibuat. Kita buat pengumuman terlebih dahulu. Jangan kita buat dengan begitu sahaja tanpa notis atau tanpa pengumuman. Ini tak baik — tak baik. Sebab itu saya menggunakan kesempatan ini untuk menyeru kepada kementerian supaya kita berhati-hati mengenai bekalan elektrik yang bukan sahaja pulau hitam sekarang yang merugikan, kalau tak silap saya, sekurang-kurangnya RM1000 juta kepada pihak industri. RM1000 juta kalau tidak silap saya! *(Disampuk)* RM100,000? Ini hendak cakap — RM100,000 katanya. Sekurang-kurangnya RM1000 juta kerugian yang ditanggung oleh pihak industri di pulau hitam.

Di kawasan-kawasan yang lain seperti di Wilayah Persekutuan, kerugian itu banyak juga dengan bekalan yang terganggu.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang itu terkeluar daripada butiran Yang Berhormat. Duit yang diminta ialah untuk pembelian dan pemasangan turbine Gas Aero Derivative di Mengiwar Pantai Barat dan di Tawau, Sabah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi kata ada benarnya juga, tetapi saya beri contoh sahaja. Kita hendak satu bekalan yang efisien!

Tuan Pengerusi: Macam mana contoh itu pergi ke Sabah dan Tawau ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang bekalan itu. Tuan Pengerusi, sebenarnya walaupun hidro elektrik itu ada di Sabah, tetapi disambung ke Semenanjung juga — dari sana di Bakun! *(Ketawa)* Bakun hendak sambung kepada Semenanjung, hendakkah? *(Disampuk)* Bakun hendak disambungkan ke sinilah!

Tuan Pengerusi: Ya, ya baiklah. Yang Berhormat, masa Yang Berhormat dah cukup. Dah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup ya? Terima kasihlah. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Ya, Menteri menjawab.

7.49 mlm.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Pengerusi, pertama sekali saya hendak merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Kepala P. 49 dalam Perbelanjaan Pembangunan Tambahan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Walaupun ucapan beliau tidak langsung menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan, tetapi walau bagaimanapun, saya menganggap Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini adalah merupakan Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang yang tidak begitu buruk, maka saya juga hendak mengambil kesempatan di sini untuk memberikan sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini telah mengatakan sebanyak tujuh lesen IPP telah pun dikeluarkan oleh pihak kementerian. Saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk membetulkan angka ini, tujuh ini di Semenanjung Malaysia sahaja. Selain dari itu, empat lesen IPP telah pun dikeluarkan di Sabah. Sabah empat, Semenanjung tujuh — semuanya sebelas. Bukan tujuh. Pihak kementerian mengemukakan ataupun mengambil keputusan untuk mengeluarkan ataupun menambah lesen.....

Tuan Yunof Edward Maringking: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking:

Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi ada empat lesen IPP dikeluarkan di Sabah. Jadi, saya ingin penjelasan di manakah projek-projek yang telah dikhaskan untuk pelaksanaan IPP dan perbelanjaan-perbelanjaan ini adakah ditanggung oleh kerajaan ataupun pihak syarikat-syarikat yang dikeluarkan lesen untuk pelaksanaan IPP?

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Tuan Pengerusi. IPP ertinya Independent Power Producer. Ini bermakna swasta yang dilantik ataupun yang diperlesenkan untuk menjalankan penjana-an kuasa. Maka segala perbelanjaan akan ditanggung oleh pihak yang diperlesenkan. Keempat-empat lesen IPP bagi Sabah adalah untuk menjalankan aktiviti penjana-an di Tawau sebanyak 36 megawatt, di Melawa 50 megawatt, di Karambunai 120 megawatt dan di Sandakan 50 megawatt. Semua sekali 256 megawatt. Kalau sekiranya semua IPP ini telah disiap, maka bekalan di Sabah ini akan mencapai satu tahap yang amat memuaskan.

Marilah kita balik ke soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Pihak kementerian mengambil keputusan untuk menambah pengeluaran ataupun kelulusan IPP adalah untuk memastikan bahawa kita dapat mencapai satu tahap pengeluaran bekalan elektrik yang amat selesa dan memuaskan kerana permintaan tenaga dari seluruh negara oleh kerana banyak aktiviti perindustrian telah pun dijalankan, maka permintaannya sangat meningkat dengan satu tahap yang amat cepat. Maka dengan kelulusan beberapa IPP ini, maka kita akan mengalami satu keadaan yang selesa dari segi bekalan elektrik sampai tahun 2000. Dengan

pertambahan pengeluaran elektrik oleh pihak IPP ini dapat kita mencapai satu reserve margin 30%. Ini adalah merupakan satu reserve margin yang selalu diamalkan oleh negara-negara yang sedang membangun.

Sungguhpun kita telah pun mengalami satu keadaan yang selesa tetapi ini dari segi penjanaan sahaja. Dalam bekalan elektrik ini ia ada tiga bahagian; penjanaan (generation) lepas itu penghantaran (transmission) dan pembahagian (distribution). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi penjanaan memang tidak ada masalah sampai sekarang ini. Tetapi kita masih menghadapi masalah di bidang penghantaran (transmission) dan pembahagian (distribution).

Perkara yang berlaku di Pulau Pinang ini memang merupakan satu perkara yang tidak diingini bahkan dikesali. Ini bukan masalah penjanaan tetapi masalah penghantaran (transmission). TNB dari masa ke semasa memang menjalankan pemeriksaan ke atas kabel-kabel di bawah Jambatan Pulau Pinang ini tetapi setiap kali menjalankan pemeriksaan tidak dapat mengesan apa-apa masalah tetapi perkara ini masih berlaku. Maka saya mengatakan ini merupakan satu perkara yang tidak diingini bahkan dikesali. Walau bagaimanapun, pihak kementerian saya akan memberikan jaminan bahawa bila siasatan disempurnakan dan sebab-sebab dapat dikenal pasti oleh pihak kementerian, kita akan cuba mengurangkan seberapa boleh perkara ini dari berlaku lagi.

Jadi, untuk mempertingkatkan efficiency di bidang penghantaran dan pembahagian, seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari

Kepong, satu peruntukan yang cukup besar telah pun diperuntukkan untuk meningkatkan efficiency di dalam bidang penghantaran dan pembahagian. Misalnya untuk menggantikan alat-alat yang sudah lama, menggantikan substation, menggantikan kabel-kabel yang telah pun begitu lama. Dengan kerjasama yang saya sebutkan tadi untuk meningkatkan efficiency dari segi penghantaran dan pembahagian dan dengan cukupnya penjanaan dan ditingkatkan efficiency di dalam bidang penghantaran dan pembahagian, maka saya haraplah pembekalan elektrik kepada seluruh negara termasuk Pulau Pinang akan mencapai satu tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun, saya juga hendak mengambil kesempatan di sini sekali lagi untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM88,500,000 untuk Maksud P. 49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1994 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM88,500,000 untuk Maksud P. 49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994.

Maksud B. 52 (Jadual Pertama) —

Maksud B. 52 (Jadual Kedua) —

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas.

Tuan Chang See Ten: Gelang Patah.

Tuan Pengerusi: Ya, Kawasan?

Tuan Chang See Ten: Gelang Patah.

Tuan Pengerusi: Gelang Patah.

7.59 *mlm.*

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyentuh Maksud B. 52 tentang Anggaran Perbelanjaan untuk Kementerian Kerja Raya sebanyak RM150 juta untuk kerja-kerja projek khas penyelenggaraan iaitu bangunan sekolah, bangunan hospital dan klinik dan bangunan-bangunan Polis Diraja Malaysia.

Di sini, saya ingin pertamanya, menyentuh berkenaan dengan kerja-kerja penyelenggaraan untuk bangunan-bangunan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah jenis kebangsaan (Tamil) yang kita sering terima aduan daripada orang ramai tentang bangunan-bangunan sekolah yang uzur yang mana masih banyak belum dapat dibaikpulkan supaya kita dapat jaga kepentingan murid-murid sekolah. Untuk maksud ini, saya harap pihak Kementerian Kerja Raya dapat mempercepatkan segala kerja-kerja itu dengan secepat mungkin dengan memberikan priority kepada sekolah-sekolah yang mana bangunan mereka sangat uzur.

Di sini, saya ingin membuat saranan supaya pihak Kementerian Kerja Raya bila memilih kontraktor untuk kerja membaik pulih atau kerja-kerja penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah, harap pilih kontraktor yang berkaliber, dapat menyiapkan kerja.

Saya ingin menggunakan kesempatan yang diberi untuk memberikan satu misalan yang mana di kawasan saya di Taman Perling, untuk Sekolah Menengah Taman Perling, yang patut disiapkan pada akhir tahun 1994, projek itu sudah tergendala sehingga masa sekarang tidak dilanjutkan. Kita tidak mahu kerja-kerja seperti ini yang diambil kontraktor yang kurang berkaliber dan melambatkan segala projek-projek ini.

Yang kedua, saya ingin sentuh dengan kerja-kerja penyelenggaraan untuk hospital dan klinik. Ini adalah satu usaha yang paling baik dan di sini saya ingin mengambil peluang ini untuk merayu kepada Kementerian Kerja Raya supaya dapat memberikan perhatian yang khusus kepada klinik di kawasan saya di Kampung Suai Kiri, klinik Tampoi dan klinik di pekan Gelang Patah yang mana kedua-dua klinik ini sangat perlu kerja-kerja penyelenggaraan yang patut dijalankan segera.

Tentang perkara yang ketiga, kerja-kerja penyelenggaraan untuk bangunan-bangunan Polis Diraja, saya harap pihak Kementerian Kerja Raya dapat mengadakan kerja-kerja ubah suai atau membaik pulih bangunan Polis Central yang terletak di tengah-tengah bandar raya Johor Bahru, yang mana berdekatan dengan Tambak Johor. Bangunan Pejabat Polis Central itu adalah satu bangunan yang bersejarah dan saya harap kerana Johor Bahru sudah dinaik taraf sebagai satu bandar raya, bentuk bangunan yang bersejarah ini, Polis Central, harap dapat diberikan priority supaya dapat mencantikkan bangunan itu supaya anggota-anggota polis yang berkhidmat di Pejabat Polis Central itu dapat bekerja dalam satu keadaan yang selesa dan dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada orang ramai.

Selain daripada itu, di kawasan saya didapati ada banyak pondok polis yang mana menggunakan bangunan kedai yang diberikan percuma untuk dipakai oleh pemaju-pemaju seperti di Taman Perling, Taman Tun Aminah, Taman Universiti yang mana sepatutnya kerja penyelenggaraan patut pun dijaga. Walaupun bangunan itu dimiliki oleh pemaju, memandangkan pemaju memberikan percuma kepada jabatan polis untuk menggunakan bangunan itu, kita daripada pihak kerajaan patut mengadakan segala kerja penyelenggaraan untuk pondok-pondok polis itu.

Ini adalah tiga aspek yang saya ingin majukan dalam mesyuarat ini yang saya harap mendapat perhatian khusus daripada Kementerian Kerja Raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jerlun.

8.04 mlm.

Datuk Hanafi bin Ramli (Jerlun): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga mengucapkan terima kasih dan saya berharap pihak Kementerian Kerja Raya di dalam usaha untuk melaksanakan penyelenggaraan bangunan sekolah-sekolah, saya berharap mereka dapat mengambil perhatian, pertamanya di dalam memberi priority kepada projek-projek dan jenis-jenis projek yang harus dilaksanakan.

Ada terdapat beberapa projek sekolah-sekolah di kawasan saya didapati sekolah-sekolah itu pihak jabatan yang berkenaan dengan kerana ada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan, mereka cuba hendak menghabiskan peruntukan-peruntukan ini dan kadang kalanya peruntukan-peruntukan yang sepatutnya dibelanjakan untuk kerja-kerja lain, dilaksanakan untuk projek-projek yang

lain. Yang ini merugikan kerana projek-projek itu tidak dipohon, sebaliknya dilaksanakan pada projek yang lain. Dari segi pelaksanaannya, perbelanjaannya memang habis jugalah.

Yang keduanya, dari segi pembaikan, penyelenggaraan hospital-hospital dan klinik-klinik. Tumpuan harus diberi kepada klinik-klinik yang terdapat di kampung-kampung yang agak jauh daripada pekan, di mana klinik-klinik di kampung-kampung ini didapati sambutan daripada rakyat begitu menggalakkan untuk mereka mendapat rawatan daripada klinik-klinik kerajaan ini terutamanya bagi penduduk-penduduk yang miskin. Tetapi keadaan tempat yang bersesak-sesak mengakibatkan kebanyakan daripada pesakit-pesakit itu apabila pergi untuk mendapatkan rawatan, pertamanya terpaksa tunggu lama oleh kerana kakitangan yang tidak begitu ramai. Yang keduanya, akibat daripada itu tempat-tempat menunggu mereka ataupun tempat mereka menunggu untuk mendapat rawatan itu tidak begitu selesai. Ini harus diberi perhatian.

Di kawasan saya khususnya di pekan Air Itam itu sendiri, keadaan kliniknya yang sebelum merdeka sehingga sekarang ini tarafnya demikian juga, tidak dinaikkan taraf kepada pusat kesihatan kecil pun, masih pada taraf biasa juga. Sungguhpun begitu, penduduk di persekitaran perlu mendapatkan rawatan, mereka terpaksa juga pergi, walaupun di klinik-klinik ini tidak mempunyai doktor yang bertugas tetap di situ, hanya pembantu perubatan sahaja yang memberi rawatan.

Yang malangnya lagi, penduduk-penduduk yang mempunyai kemampuan tidak pula mempunyai klinik swasta untuk sebagai pilihan kepada mereka.

Jadi, klinik-klinik seumpama inilah yang harus diberi perhatian oleh pihak Jabatan Kerja Raya untuk membaik pulih segala bangunan-bangunan itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Balik Pulau.

8.08 *mlm*.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bercakap tentang Maksud Kepala B. 52 peruntukan tambahan untuk Kementerian Kerja Raya. Saya ingin menyambung apa yang dikatakan oleh rakan saya dari Gelang Patah dan juga yang disentuh oleh Ahli dari Jerlun, berkenaan dengan perbelanjaan penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah.

Tuan Pengerusi, saya rasa fenomena yang terdapat di kawasan saya juga merupakan satu fenomena yang ada kerelevannya pada peringkat kebangsaan, di mana satu daripada yang pelik, yang kita tengok di situ terdapat ada sekolah yang "underutilised" dan ada sekolah yang "overcrowded". Ini ada implikasi dari segi kos penyelenggaraannya.

Tetapi apa yang saya hendak sentuh ialah saya ingin bertanya sebenarnya kepada Kementerian Kerja Raya dari segi ini sepatutnya, oleh kerana kita tahu kadar pertumbuhan penduduk dan kita tahu statistik, perangkaan-perangkaan demografik untuk setiap daerah dan kita pun merasakan bahawa kita mempunyai demografik yang agak stabil dari segi penghijrahan keluar dan masuk; kita juga tahu, kementerian juga tahu tentang berapa banyak projek-projek perumahan yang akan wujud di dalam kawasan itu.

Jadi, sepatutnya keperluan infrastruktur asas seperti sekolah ini dapat diunjurkan. Kalau tak tepat pun, dapat

diunjurkan dengan agak yang lebih baik daripada sekarang kerana sekarang ini kita dapati sekolah-sekolah yang enrolmentnya di bawah kapasiti sekolah tersebut dan ada juga terdapat tempat-tempat di mana enrolmen sekolah tersebut jauh melebihi kapasiti sekolah tersebut. Jadi, ini menimbulkan masalah kerana pendidikan, terutamanya pendidikan di peringkat sekolah rendah merupakan pendidikan asas yang mana kalau kita tidak memberi perhatian yang berat di situ, keadaannya akan menjadi lebih teruk di masa depan.

Jadi, itulah soalan yang saya hendak kemukakan kepada Jabatan Kerja Raya dari segi penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Batu pahat.

8.12 *mlm*.

Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyokong mengenai permohonan tambahan sebanyak RM150 juta ini. Sungguhpun angkanya besar, tetapi kita tahu angka ini akan diagih-agihkan kepada penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah, hospital, klinik dan juga bangunan-bangunan Polis Diraja Malaysia di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, kebanyakan sekolah-sekolah, hospital dan klinik, pejabat-pejabat polis dan juga rumah-rumah polis telah banyak yang tua dan seharusnya kita perbaiki dan perbelanjaan ini perlu dibelanjakan semasa kerajaan pada masa ini mengalami keadaan yang baik, mempunyai kewangan yang lebih. Dan semasa inilah sepatutnya kerajaan membelanjakan wang ini dengan sebaik-baiknya bagi memper-

baiki keadaan bangunan-bangunan, sekolah, hospital, klinik dan juga pejabat-pejabat polis serta perumahan-perumahan polis sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, inilah kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional apabila mengalami keadaan kewangan yang baik, kerajaan memikirkan bagaimana untuk membelanjakan wang yang ada supaya dapat memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Saya menyokong dan percaya ahli-ahli pembangkang juga akan menyokong perbelanjaan ini. Jika sekiranya diperlukan perbelanjaan yang lebih, kita juga akan menyokong permohonan untuk pertambahan ini di masa-masa yang akan datang dan ini akan memberikan manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pasir Puteh.

8.14 mlm.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan dalam Maksud B. 52 berkenaan dengan, pertama, bangunan sekolah lama. Dalam penyelenggaraan itu kita dapati terutama di tempat saya, banyak juga sekolah-sekolah yang lama dan didapati pendawaiannya sudah begitu lama dan tidak diganti. Ini harus diambil kira kerana untuk memberi manfaat kepada pelajar-pelajar, kita harus memberi tempat yang selesa. Kalau pendawaian yang lama ini tidak diganti, harus berlakunya.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berkenaan dengan 'pegawai' di bawah kementerian lain, Yang Berhormat. Ini ialah berkenaan dengan 'bangunan'.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Tidak, ini berkenaan dengan bangunan.

Tuan Pengerusi: Kalau 'pegawai' itu di bawah kementerian lain, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: 'Pendawaian'nya yang lama harus diganti, kerana takut-takut bila berlakunya kebakaran yang mana menyebabkan.....

Tuan Pengerusi: Oh, 'dawai'?

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Ya, 'pendawaian', bukan 'pegawai'!

Tuan Pengerusi: 'Pendawaian', ya. Sila.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Ya, pendawaian — 'wiring'.

Tuan Pengerusi: 'Pendawaian' di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tu!

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Tetapi ini di bangunan sekolah.

Tuan Pengerusi: Yalah, di bangunan pun dia bahagi kerja dia tu.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Selain dari itu, Tuan Pengerusi, dahulu dalam satu masa ada diselenggarakan 'bangunan kilat' di sekolah-sekolah yang mana sudah lama, saya kira bangunan ini harus diganti dengan bangunan batu. Oleh kerana ia memakan ruang, jadi bila ditambahkan batu, ia bolehkan 'high-rise', dengan izin, ditambah dua atau tiga tingkat yang mana akan memberikan lagi bilik darjah yang banyak kepada pelajar-pelajar.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan bangunan hospital, terutamanya Hospital Besar di Kota Bharu. Walaupun dalam pembaikan, saya rasa tempat tinggal rumah-rumah doktor itu adalah amat menyedihkan. Ini harus di 'up-grade' kan kerana kita bimbang doktor-doktor ini akan lari ke swasta bila tempat tinggal mereka tidak begitu baik.

Saya faham bahawa perbelanjaan sebanyak RM150 juta ini banyak, tetapi saya bimbang ini tidak akan sampai kepada matlamatnya dalam penyelenggaraannya apabila diberi kepada kontraktor-kontraktor yang tidak ditapis dan tidak dipilih dahulu sebelum menyelenggarakan kerja-kerja tersebut.

Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tuan.

8.17 m/m.

Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian membahas peruntukan tambahan yang dipohon ini. Kita memang berasa lega kerana kerajaan peka dengan keperluan yang dinanti-nantikan.

Jelas, Tuan Pengerusi, daripada hujah-hujah ataupun pendapat-pendapat yang diluahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di mana rata-rata bangunan-bangunan sekolah dan juga klinik memerlukan penyelenggaraan yang segera. Jadi, saya ingin membuat saranan di sini iaitu untuk penyelenggaraan itu perlu dipercepatkan. Untuk maksud ini, ada peruntukan undang-undang di mana pengecualian untuk tender-tender yang mana memakan masa begitu lambat perlulah diberi pengecualian menurut peruntukan undang-

undang. Ini perlu oleh kerana di Sabah, walaupun Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah besar wang untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah, klinik-klinik ataupun hospital, tetapi wang itu dikembalikan begitu sahaja oleh kerana tidak dapat digunakan dengan alasan-alasan bahawa dokumen-dokumen tender tidak dapat diproses sebelum wang itu dapat dibelanjakan. Jadi, kalau ini berterusan walaupun Dewan yang mulia ini balik-balik membuat peruntukan, tetapi jika tidak dapat digunakan, tidak ada ertinya langsung, sedangkan keperluan untuk membelanjakan wang itu ada dan kelulusan untuk membelanjakan wang itu juga sudah dilakukan. Jadi, saya sarankan agar kakitangan kerajaan yang ditugaskan untuk maksud ini perlu juga peka kepada keperluan rakyat.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, ialah tentang statistik. Kita ada statistik yang dibuat terlebih awal dan sudah pasti perancangan juga sudah dibuat lebih awal untuk bukan sahaja bangunan-bangunan baru tetapi juga untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan yang sedia ada. Jadi, yang anehnya, kenapa bila keperluan itu mendesak, baru pula minta peruntukan tambahan? Itu bererti kakitangan kerajaan tidak membuat kerja dengan sempurna sehinggakan perancangan peruntukan tidak dapat dilakukan dengan sempurna dan itu juga boleh menyebabkan bukan sahaja pembaziran, tetapi kerja-kerja tidak sempurna.

Jadi, kita mintalah kepada pihak kementerian supaya memberi arahan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan menyampaikan data-data dengan lebih awal tentang keperluan di jabatan-jabatan masing-masing. Dan sesudah pula kelulusan untuk peruntukan ke-

wangan diberi, wang yang diperuntukkan itu haruslah digunakan dengan sempurna. Jika perlu, saya tidak ada keberatan untuk menyokong jika pengecualian daripada tender diberi asalkan sahaja kepada kontraktor-kontraktor yang betul-betul ada pengalaman untuk melakukan kerja itu dan bukan hanya semata-mata untuk memberi ganjaran-ganjaran kepada sahabat-sahabat sahaja. Oleh kerana jika ini dilakukan, saya rasa rakyat pun lega juga, kerana kadang-kadang Tuan Pengerusi, tender ini tidak semestinya menguntungkan kepada kerajaan. Kerana ada pula peruntukan di mana pihak kerajaan tidak semestinya mengambil tender yang paling rendah atau yang tertinggi. Ada juga dikatakan di situ kerajaan tidak seharusnya mengambil mana-mana tender yang ditawarkan. Itu bererti tidak ada panduan yang jelas ataupun tujuan untuk melaksanakan kerja itu. Jadi, lebih baik jika perlu betul-betul, saya rasa pengecualian tender diwujudkan di dalam undang-undang itu adalah untuk maksud penyelenggaraan yang begitu mendesak dan di situlah perlu dipakai. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jelebu.

8.21 mlm.

Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu): Tuan Pengerusi, saya berterima kasihlah kepada Kementerian Kerja Raya kerana selama ini telah pun memberikan tumpuan dan juga pandangan kepada masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat terutama di kawasan luar bandar.

Dalam perkara ini Tuan Pengerusi, sukalah saya mencadangkan kepada Kementerian Kerja Raya supaya lebih memerhatikan perkara-perkara yang perlu dan wajar mendapat priority, dengan izin Tuan Pengerusi untuk dilaksanakan terutamanya bangunan hospital.

Sebagaimana yang saya sebutkan baru-baru ini di daerah Jelebu itu kita ada satu hospital sahaja iaitu hospital daerah. Tetapi apa yang menyedihkan Tuan Pengerusi, masih lagi terdapat bangunan-bangunan lama yang tidak dipedulikan tanpa maintenance, dengan izin yang baik, maka bangunan-bangunan tersebut tidak boleh digunakan dan terbengkalai begitu sahaja. Jadi wajarlah diperhatikan, wajarlah pihak ibu pejabat JKR mengambilkira permohonan-permohonan yang telah dikemukakan oleh pihak JKR daerah untuk membaik pulih bangunan-bangunan lama yang tidak boleh digunakan ini, kerana Jelebu untuk masa-masa akan datang akan bertambah penduduk ke 45,000 orang. Jadi, wajarlah saya mencadangkan supaya pihak ibu pejabat mengambil kira perkara-perkara yang telah dikemukakan.

Begitu juga dengan bangunan Ibu Pejabat Polis (IPD) Jelebu. Kita tahu bahawa makin lama dan makin hari ke hari, kakitangan polis ini bertambah. Contohnya pertambahan satu Unit Polis Trafik di setiap ibu pejabat daerah, telah memakan ruang bagi bangunan yang sedia ada. Jadi, setakat hari ini unit trafik itu ditumpangkan di mana-mana yang sesuai, tidak begitu selesa.

Kita tahu bahawa faktor persekitaran dan juga tempat adalah menjadi faktor ataupun masalah punca kepada peningkatan motivasi seseorang kakitangan itu. Jadi kalau keadaan dan suasana keliling tidak begitu mengizinkan, saya yakin dan percaya kakitangan tidak begitu mempunyai usaha ataupun daya yang begitu baik bagi menjalankan tugas-tugas. Jadi IPD Jelebu ini perlulah diambil kira, kerana tapak saya difahamkan telah pun diberikan dan diluluskan oleh pihak kerajaan negeri hanya tunggu masa sahaja bangunan yang baru wajar dibangunkan.

Begitu juga dengan sekolah-sekolah, Tuan Pengerusi. Bangunan sekolah-sekolah ini banyak lagi yang perlu diambil kira dan perlu diperbaiki, perlu diroboh dan dibangunkan semula, kerana sekolah makin hari, makin bertambah penghuninya, murid-murid sekolah makin lama makin bertambah. Jadi bangunannya telah dibina sejak 20 tahun – 30 tahun yang lalu oleh itu wajar perkara ini diambil perhatian oleh pihak JKR, janganlah hanya menumpukan kepada kawasan-kawasan yang telah membangun dan juga kawasan-kawasan yang telah banyak kemudahan.

Kita harus juga memikirkan kawasan-kawasan pedalaman macam Jelebu ini, Tuan Pengerusi. Jelebu ini hulu sangat, jadi orang pun tidak tahu Jelebu ini di mana. Saya berjiran dengan sahabat saya Yang Berhormat dari Hulu Langat, jadi itulah Jelebu — tempatnya menarik, tetapi oleh kerana jalannya agak memeningkan kepala, Tuan Pengerusi, wajarlah JKR memberikan peruntukan yang telah diambil sebanyak RM7 juta pada tahun lepas. Kerana dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak RM9 juta telah pun diluluskan, tetapi RM7 juta telah dibawa keluar daripada Jelebu, tinggalah RM2 juta untuk membaiki jalan dan selekoh-selekoh tajam di Bukit Tangga hingga ke kawasan Jeram Toi, tidak jauh 8 kilometer sahaja. Jadi yang memerlukan peruntukan sebanyak RM9 juta diambil RM7 bawa ke KLIA kalau tidak silap, Tuan Pengerusi dan tinggalah RM2 juta. RM2 juta telah pun dibelanjakan dan mohonlah supaya JKR akan mengambil kira balik perkara ini supaya projek-projek yang akan datang dapat dilaksanakan dengan baik. Jadi puncanya perhubungan. Bila perhubungan sudah

baik Jelebu itu insya-Allah akan dapat dibangunkan dengan kerjasama beberapa jabatan ataupun kementerian yang berwajib.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya sukalah mencadangkan supaya diwujudkan satu jawatankuasa pemeriksa atau jawatankuasa pemeriksaan untuk maintenance, dengan izin. Jadi jawatankuasa ini sepatutnya berfungsi melihat jambatan-jambatan, jalan-jalan yang perlu dibaiki, jalan-jalan yang perlu diup-gradekan, jalan-jalan yang perlu dibesarkan. Jadi jawatankuasa ini akan memeriksa dan membuat penilaian, berapakah peruntukan-peruntukan yang harus dibelanjakan. Jadi wajarlah jawatankuasa ini diwujudkan untuk mendapatkan kerjasama bagi pelaksanaan sesuatu projek itu. Kalau hendak harapkan JKKK pun saya rasa diperingkat kampung Tuan Pengerusi, banyaklah JKKK ini mengemukakan cadangan-cadangan, namun cadangan itu tinggal cadangan sahaja, minta peruntukan-peruntukan pun tidak dapat.

Saya suka mencadangkan supaya pihak JKR akan lebih peka lagi dengan permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh pentadbir daerah supaya pelaksanaan projek-projek untuk rata-ratanya memberikan manfaat kepada masyarakat di kawasan luar bandar akan dapat dipertingkatkan.

Saya dengan ini menyokong peruntukan yang dicadangkan sebanyak RM750 juta kepada kementerian yang berkenaan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Tanjong Karang, selepas itu Menteri menjawab.

8.28 *mlm.*

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam Maksud B. 52 — Kementerian Kerja Raya.

Saya juga mengucapkan terima kasih kerana keprihatinan Kementerian Kerja Raya dalam memperuntukkan jumlah wang yang begitu banyak untuk membaiki bangunan-bangunan kerajaan yang telah lama.

Saya ingin menyentuh mengenai penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah. Saya ingin mencadangkan dalam hendak melaksanakan penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah ini diharapkan JKR dapat sekiranya lebih prihatin terhadap surau-surau di sekolah-sekolah.

Kita dapati boleh dikatakan semua surau-surau yang dibina ini adalah atas usaha dan juga inisiatif Persatuan Ibu Bapa sekolah-sekolah berkenaan oleh kerana kutipan-kutipan derma yang dibuat, kadang-kadang surau yang dibina ini amat daif. Dan kita amat berharap apabila surau-surau ini dapat dibaik pulih atau dapat diberi tambahan yang lebih sempurna akan menggalakkan pelajar-pelajar kita. Sekarang ini sekolah rendah pun ada surau dan sekolah menengah pun ada surau. Ini akan menggalakkan lagi mereka ini rajin datang ke sekolah untuk menunaikan solat. Oleh itu dalam pilihan raya yang akan datang kita harap surau ini akan diberi perhatian, walaupun ianya dibina oleh PIBG.

Yang kedua, mengenai penyelenggaraan hospital di Tanjong Karang ada sebuah hospital yang telah lama dibina, tetapi pada hari ini, wad semuanya wad

kelas tiga. Oleh itu diminta dan harap penyelenggaraan hospital di Tanjong Karang dan saya mencadangkan supaya dapat diup-gradekan wad-wad itu supaya ada wad kelas satu dan wad kelas dua supaya memberi kemudahan kepada pesakit-pesakit yang berkemampuan untuk mendapat rawatan yang lebih selesa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

8.30 *mlm.*

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada 8 orang Ahli Yang Berhormat iaitu dari Jerlun, Gelang Patah, Balik Pulau, Batu Pahat, Pasir Puteh, Tuaran, Jelebu dan Tanjong Karang dan saya akan menjawab serentak.

Tuan Pengerusi, apa yang dibangkitkan oleh 8 Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan bangunan-bangunan sekolah, hospital, klinik dan juga polis. Apa yang dimaksudkan dalam permintaan kita ini adalah untuk penyelenggaraan bangunan iaitu projek khas. Saya hendak mengumumkan di sini bahawa sejumlah 10,750 bilangan projek di dalam perangkaan kita dan daripada jumlah ini untuk sekolah — iaitu pendidikan — oleh kerana kita mengambil perhatian berat kepada pendidikan generasi muda kita, kita akan membaiki atau mengubahsuai bangunan-bangunan sekolah yang telah usang dan kita hendak memberikan kepada murid-murid kita suatu suasana belajar yang baik dan selamat. Jumlah projek yang diselenggarakan untuk pendidikan — sekolah-sekolah — adalah 7,390 yang memakan belanja RM809 juta.

Untuk kesihatan kita ada 2,431 bilangan projek yang memakan belanja RM400 juta. Kita juga telah diperuntukkan sebanyak RM2 bilion untuk kerja-kerja ini dan daripada itu oleh kerana bilangan projek banyak, maka kita terpaksa juga memberi kelonggaran kepada prosedur tender.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Saya tertarik kepada bilangan projek untuk sekolah dan untuk kesihatan yang menelan belanja lebih RM2 bilion — RM2,000 juta untuk semua projek. Adakah pihak kementerian akan menerima cadangan saya supaya satu jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menyiasat sama ada terdapat pembaziran di dalam semua projek kerana wang yang terlibat lebih RM2 bilion (RM2,000 juta). Satu soalan, adakah di bawah projek penyelenggaraan khas ini — konsep penyelenggaraan memang baik.

Saya bersetuju dengan usaha untuk mempertingkatkan penyelenggaraan. Walau bagaimanapun,

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan mengambil kesempatan untuk berhujah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak, tak! Adakah pengubahelohan di Kementerian Kerja Raya di bawah penyelenggaraan khas ini? Adakah ini benar?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan pertama tadi, sebenarnya kita telah pun

mendapatkan kelulusan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk melaksanakan projek-projek mengikut prosedur yang baru iaitu menubuhkan satu jawatankuasa yang diketuai oleh Ketua Pengarah di Jabatan Kerja Raya yang dianggotai oleh pihak Kementerian Kewangan dan Pusat Khidmat Kontraktor. Itu telah ada satu jawatankuasa untuk menyelaras dan meneliti semua kontrak-kontrak untuk projek khas ini.

Kedua, untuk penyelenggaraan bangunan, sebenarnya Kementerian Kerja Raya telah mengadakan pengubahsuaian di kementerian ini bukan sahaja di tingkat, satu atau dua tetapi juga di bangunan utama kompleks JKR iaitu tingkat lima dan tingkat 17 dan juga di empat blok yang mempunyai empat tingkat iaitu Blok A, B, C, D. Ianya telah pun memakan belanja RM2 juta, iaitu mengubahsuai mengikut keperluan. Pengubahsuaian ini juga menggunakan bahan-bahan tempatan dan tidak ada yang dikatakan mewah.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong bangun lagi.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, saya fikir saya sudah jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Menyampuk*)

Tuan Yong Khoon Seng: Sudahlah!

Seorang Ahli: Kepong, duduk!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu. Dia tidak beri jalan.

Tuan Yong Khoon Seng: Saya sudah jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Jawapan tidak tepat!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tetapi ini hak dia sama ada hendak beri laluan atau tidak.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada 8 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan masalah-masalah sekolah, klinik, hospital dan bangunan-bangunan kerajaan di tempat masing-masing dan kita akan meneliti keadaan sekolah-sekolah serta bangunan-bangunan kerajaan di tempat masing-masing dan kita akan cuba memberikan peruntukan.

Dr. Tan Seng Giaw: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang ke berapa?

Dr. Tan Seng Giaw: 36..... Ya, memang ada..... jawapan itu yang pertama. Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): 36, yang ke berapa?

Seorang Ahli: 36 (Kepong).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau tidak ada, sila duduk.

Beberapa Ahli: Duduklah, duduklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan pertama saya sebutkan tadi kerana dia memesongkan. Tuan Pengerusi, *(Pembesar suara dimatikan)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, teruskan.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya sudah habis ucapan saya, terima kasih. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM150,000,000 untuk maksud B. 52 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah RM600,000,000 untuk Maksud B. 52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM150,000,000 untuk Maksud B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama dan wang sebanyak RM600,000,000 untuk Maksud B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud P. 54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994 —

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Pembangunan, Maksud P. 54 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas.

(Tiada perbahasan)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P. 54 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1994 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P. 54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994.

Fasal 1 dan 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia tujuh ratus sembilan puluh tujuh juta, satu ratus dua puluh ribu, satu ratus (RM797,120,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1994, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia tiga ratus sembilan puluh sembilan juta, satu ratus dua puluh ribu tujuh puluh (RM399,120,070) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1994 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia tiga ratus sembilan puluh lapan juta tiga puluh (RM398,000,030) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-

projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia tujuh ratus sembilan puluh tujuh juta, satu ratus dua puluh ribu, satu ratus (RM797,120,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1994, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia tiga ratus sembilan puluh sembilan juta, satu ratus dua puluh ribu tujuh puluh (RM399,120,070) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1994 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia tiga ratus sembilan puluh lapan juta tiga puluh (RM398,000,030) bagi

Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut,

hendaklah disetujui.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia tujuh ratus sembilan puluh tujuh juta, satu ratus dua puluh ribu, satu ratus (RM797,120,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1994, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia tiga ratus sembilan puluh sembilan juta, satu ratus dua puluh ribu tujuh puluh (RM399,120,070) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang

pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1994 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia tiga ratus sembilan puluh lapan juta tiga puluh (RM398,000,030) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.45 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta untuk meminda Akta Kastam 1995 dibacakan bagi kali yang kedua.

Saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bertajuk suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan bagi kali yang kedua.

Di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui rang undang-undang ini.

Akta Kastam 1967 ialah rang undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai kastam di mana pelaksanaan akta ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Tujuan utama akta ini ialah untuk memungut hasil untuk kerajaan dan dalam melaksanakan fungsi ini akta tersebut mengenakan kawalan-kawalan tertentu dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Oleh itu adalah penting supaya peruntukan-peruntukan akta ini dipinda dari masa ke semasa untuk melaksanakan langkah-langkah terbaru yang diperkenalkan bagi maksud untuk memudahkan pelaksanaan kegiatan perdagangan dan perindustrian serta mengatasi apa-apa kelemahan yang terdapat di dalamnya.

Pada amnya cadangan pindaan kepada Akta Kastam 1967 adalah berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (i) perlu disesuaikan dengan perkembangan-perkembangan semasa terutamanya untuk mengambil kira perkembangan-perkembangan terbaru dalam bidang pentadbiran cukai-cukai itu;
- (ii) dari segi kawalan hasil, beberapa peruntukan perlu diperketatkan serta diperjelaskan untuk membolehkan kawalan hasil yang lebih berkesan;
- (iii) beberapa peruntukan perlu dipermudahkan bagi pihak awam dalam urusan-urusan mereka berkaitan cukai-cukai itu;

- (iv) beberapa tambahan juga perlu dimasukkan untuk mengatasi kekurangan yang didapati dalam akta-akta itu.

Fasal 2 bertujuan meminda tarif 'inland clearance depot' dengan memotong perkataan 'in transit' untuk tidak menghadkan aktiviti di depot kepada mengendalik dan pengstoran sementara barang-barang dalam transit sahaja tetapi juga untuk membenarkan pelepasan barang-barang di depot.

Fasal 3 bertujuan meminda subseksyen 3(3) akta untuk menggantikan perkataan 'seksyen' dengan perkataan 'seksyen 13B'. Ini adalah suatu pindaan berbangkit yang perlu disebabkan oleh kemasukan seksyen baru 13B.

Fasal 4 bertujuan memasukkan seksyen baru 8A untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan pakaian seragam dan kad kuasa dan lencana bagi pegawai kastam.

Fasal 5(a) bertujuan meminda seksyen 9 akta untuk menghendaki seseorang pegawai kastam mengemukakan apabila diminta, selain daripada kad kuasa apa-apa lencana sebagaimana yang diarahkan oleh ketua pengarah untuk dibawa oleh pegawai itu.

Fasal 5(b) bertujuan mengadakan peruntukan bagi penyerahan balik lencana dan kad kuasa seorang pegawai kastam apabila dia terhenti menjadi pegawai kastam atau apabila diarahkan berbuat demikian.

Fasal 6 bertujuan memasukkan seksyen baru 9A untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang untuk memakai, menggunakan, memilik atau memperagakan dengan menyalahi undang-undang suatu pakaian seragam, lencana atau kad kuasa yang ditetapkan melainkan dalam suatu persembahan teater.

Fasal 7 bertujuan memotong subseksyen 11(6) dan menempatkannya semula sebagai seksyen baru 22B melalui Fasal 10. Dalam proses menentukan duti kastam yang boleh dilevi ke atas barang-barang pegawai kastam yang hak hendaklah antara lain menentukan kelas barang-barang yang dalamnya barang-barang berduti atau tak berkastam itu termasuk.

Fasal 8 bertujuan meminda subseksyen 13(1) untuk membolehkan pegawai kastam yang hak bukan sahaja untuk menilaikan barang-barang tetapi juga untuk mengelaskannya.

Fasal 9, bertujuan memasukkan dua peruntukan baru, seksyen 13A yang dicadangkan bertujuan membolehkan orang yang tidak berpuas hati dengan sesuatu pengkelasan atau penilaian membayar duti kastam dengan bantahan. Seksyen 13B yang dicadangkan bertujuan membolehkan Ketua Pengarah membuat keputusan mengenai apa-apa soalan tentang pengkelasan yang dirujuk kepadaanya.

Fasal 10, bertujuan memasukkan dua peruntukan baru, seksyen 22A, yang dicadangkan bertujuan memperuntukkan bahawa jika Ketua Pengarah telah membuat sesuatu keputusan di bawah seksyen 13B atau seksyen 22, maka pengemukakan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah berkenaan, dan dengan keputusan itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi keterangan mencukupi mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya tanpa perlu memanggil Ketua Pengarah untuk memberi keterangan dalam Mahkamah.

Seksyen 22B pula merupakan pernyataan semula subseksyen 11 (6) yang dipotong dalam Fasal 7. Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 129 untuk membolehkan Ketua Pengarah mengarahkan bayaran dibuat sebelum barang-barang atau amaun yang dilucut hak dihantar serah atau dibayar balik kepada tuan punya atau orang yang berhak kepada barang-barang atau amaun itu.

Fasal 12, bertujuan meminda seksyen 131, Akta untuk menambahkan amaun kompaun yang boleh diterima berkenaan dengan hal di bawah perenggan (a), (b), (c), (d) dan (e) subseksyen 135(1). Amaun kompaun yang boleh diterima hendaklah satu jumlah wang yang tidak kurang daripada dua kali ganda dan tidak lebih daripada 10 kali ganda duti Kastam.

Fasal 13, bertujuan meminda seksyen 138 Akta bagi memperuntukkan bahawa apa-apa pelanggaran syarat dan sekatan suatu pengecualian yang diberikan adalah menjadi suatu kesalahan. Penalti juga telah dinaikkan daripada suatu denda tidak melebihi RM5,000 kepada denda tidak melebihi RM10,000. Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama

suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

8.54 m/m.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dari semasa ke semasa kita mesti meminda Akta Kastam ini, kerana semenjak tahun 1967 keadaan sudah berubah dan taraf ekonomi negara ini memang telah maju ke satu tingkat yang lebih tinggi daripada tahap ekonomi pada tahun 1967. Walau bagaimanapun, saya dapati di dalam Rang Undang-undang ini ada beberapa perkara yang hendak saya sentuh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kuasa bagi Menteri untuk menetapkan pakaian seragam, pangkat, kad kuasa dan lencana bagi Pegawai Kastam — ini memang diperlukan kerana kita dapati ada orang-orang yang menyamar sebagai Pegawai Kastam untuk menjalankan kegiatan jenayah di beberapa tempat di negara ini dan memang betul, bagi pihak Menteri untuk.....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Larut bangun.

Dato' Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong memberi penjelasan di mana ada orang menyamar sebagai pegawai kastam — mereka sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan reka, Larutkah itu? Larut lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Larut yang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Larut, dia memang sengaja hendak bangkitkan itu. Ini memang berlaku sama ada dalam Kerajaan Tempatan ataupun dalam organisasi-organisasi yang lain termasuk polis. Ada orang yang menyamar — memang ada. Saya tahu, Yang Berhormat dari Larut, dia sentiasa berada di bilik hawa dingin dan dia tidak tahu apa yang berlaku di luar. Itu masalahnya, dan dia sebenarnya peguam, tetapi dia tidak.....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order. 36.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu. 36, bahagiannya berapa?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 36(6) — Ia menyakitkan hati saya. Saya yang banyak duduk di kampung daripada Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 36 berapa? Bahagian yang ke berapa?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Menyakitkan hati Ahli Dewan. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu pun salah, saya rasa 36(6) itu sebenarnya bukan menyakitkan hati seseorang Ahli, sangkaan jahat itu. Yang Berhormat Kepong, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mesti berjaga-jaga untuk mengambil langkah-langkah yang lebih ketat untuk mengelak daripada berlakunya kegiatan-kegiatan jenayah di dalam Jabatan Kastam atau di lain-lain Jabatan di negara ini dengan pegawai-pegawai yang palsu dan ini adalah satu langkah yang saya anggap perlu. Walau bagaimanapun, kuasa bagi Menteri dan juga bagi Ketua Pengarah mestilah dihadkan, sebab mereka bukan insan yang kamil. Memang kita semua makhluk manusia — kita tidak boleh memberi kuasa yang terlebih sangat, yang boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu langkah yang menghendaki seseorang Pegawai Kastam mengemukakan apabila diminta, selain daripada kad kuasa.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin pula. Saya ingat dia berminat dengan balak sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Terima kasih, sedikit penjelasan, sebab Kepong selalu membawa perkataan-perkataan baru, ini satu perkara yang baik dan kita alu-alukan daripada Kepong. Pada hari ini, ia membawa perkataan baru yang saya tidak pernah dengar daripada wakil DAP — insan kamil. Betulkah?

Pertama, apa kena-mengena dengan Kastam? Kedua, adakah ini definisi baru oleh ahli DAP hendak menjadi "insan kamil"? Minta penjelasan sedikit, apa dia

maksud 'insan kamil' dari kaca mata sebagai ahli DAP? Mungkin ini ada usaha untuk mengambil alih sebagai Ketua Pembangkang yang hendakkan ahli DAP menjadi 'insan kamil'. Penjelasan sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang dari masa ke semasa terdapat batu api. Inilah salah satu batu api. Kalau dia balik ke Rompin untuk menjaga kawasan hutan itu — itu lebih baik lagi. Kerana di situ ada pembalakan haram. Walaupun kita ada undang-undang yang lebih ketat sekarang, tetapi kegiatan pembalakan haram itu masih berlaku di Rompin. Jangan kita hendak katakan dia hendak minta menjadi 'insan kamil' 'insan sempurna' 'makhluk yang lebih sempurna' — susah hendak cari, terutama di kawasan Rompin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pegawai Kastam yang diminta mengemukakan kad kuasa dan apa-apa lencana, sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah untuk dibawa oleh pegawai itu. Saya diberitahu bahawa langkah-langkah ini adalah untuk mencegah kegiatan jenayah, tetapi bagaimana pelaksanaannya, kerana Ketua Pengarah itu seorang sahaja. Di satu tempat sahaja iaitu di pejabat dia, dan ada beribu-ribu Pegawai Kastam.

Macam mana dapat begitu? Macam mana dapat membuat body check dengan sebegitu cepat di seluruh negara? Saya pun kurang faham mengenai ini. Adakah ini bermakna Ketua Pengarah, dia berlagak seperti seorang pegawai polis?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Dari pada cakap-cakap Yang Berhormat dari Kepong, dia mempunyai satu prasangka yang tidak baik terhadap pegawai kastam. Sepatutnya kita mempunyai prasangka yang baik terhadap seluruh pegawai dan kakitangan kerajaan. Ini dia prasangka. Sebab itu dia mengharapkan Ketua Pengarah hendak membuat body check, physical check kepada pegawai-pegawai yang lain. Ini satu perkara yang tidak sihat. Saya harap saudara berhentikan perkara ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebelum dia faham apa yang saya cakap tadi, dia berdiri seperti yang biasanya dilakukan oleh 'Parit yang Sulong'. Dia berdiri dahulu, dia tidak faham apa yang kita cakap dan kemudian dia mengeluarkan suara yang sumbang dan songsang dan songsong.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah Ketua Pengarah hanya satu orang sahaja. Macam mana kalau kita mengesyaki seseorang itu bukan seorang pegawai yang.....

Tuan Lim Si Cheng: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kali ini Senai bangun.

Tuan Lim Si Cheng: Saya ingin tahu berapa Ketua Pengarah yang diperlukan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini Senai dia baru, kita maafkan dia. Saya maafkanlah, tidak apa-apalah. Fasal 5 Rang Undang-undang di muka surat 5 bertujuan meminda seksyen 9

Akta untuk menghendaki seorang pegawai kastam mengemukakan apabila diminta, selain dari kad kuasa, apa-apa lencana sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah untuk dibawa oleh pegawai itu. Walau bagaimanapun, ini.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Kepong ini faham atau tidak dengan prinsip delegation of powers? Sebagaimana yang disebutkan, Perdana Menteri memberikan kuasa kepada pegawai, jadi Ketua Pengarah mengeluarkan kuasa kepada orang yang diberi tanggungjawab. Dia berkata seolah-olah bermakna Ketua Pengarah ini kena jalan keliling hendak check, untuk memastikan tidak ada penyamaran ataupun pemiangan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli dari Kepong. Dia kata tadi, "Kemiangan" kan? Dia ini mulut miang. (Ketawa) You know, 'miang' in Malay is very bad tahu? Miang tahu?

Seorang Ahli: Gatal!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Gatal. Doktor kulit, padanlah! (Ketawa) Saya hendak tanya sama ada saudara faham mengenai prinsip delegasi tanggungjawab? Macam mana saudara hendak mempersendakan akta ini oleh kerana diperlukan oleh Pengarah, maka Pengarah expected to go round, bermakna pergi ke seluruh negara. Ridiculous! Jadi, perkara ini janganlah cuba hendak mempersenda-sendakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan senda-senda.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya belum habis! You kata saya apa, 'songsang', 'songsong'. You ini terkepung, you tidak sedar, as normallah.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia memang sengaja hendak kacau sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak memberi cadangan yang baik, yang bernas, yang membina dan dia hendak kacau sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bila Mesyuarat ini akan ditangguhkan malam ini? (Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tadi tidak adakah?

Dr. Tan Seng Giaw: 9.45?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Usul itu mengatakan pukul 9.30.

Dr. Tan Seng Giaw: 9.30? Ohhh..... Saya ingat 9.45.

Beberapa orang Ahli: Tidurkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita patut mempelajari peraturan. Kalau hendak cakap, kita bangun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, balik kepada tajuklah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan kegigihan Yang Berhormat dari Kepong mengatakan Senai baru kali pertama, kukuh, gagah, saya amat-amatlah kagum tetapi kalau benar-benarlah Yang Ber-

hormat dari Kepong ini kuat dan kagum, kukuh, DAP pada pilihan raya tahun ini teruk sangat pilihan rayanya. Kenapa tidak mengambil alih sebagai Ketua Pembangkang, Ketua DAP dan tengok gagah atau tidak gagah kita dalam pilihan raya akan datang. Barulah kita bertepuk tangan sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu suara batu api dan tidak kena-mengena dengan isi kandungan Rang Undang-undang ini. Tidak ada langsung. Ini menunjukkan Rompin tidak begitu berminat dan tidak mengambil berat mengenai Rang Undang-undang yang penting ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang hendak balik kepada tajuk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa memang tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang, saya..... Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Dr. Tan Seng Giaw: Saya belum habis satu ayat, dia sudah bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Yalah, saya hendak minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa penjelasan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat dari Kepong tadi mengatakan, dia mempersoalkan bahawa

Ketua Pengarah Kastam cuma satu. Jadi, bagaimana dia hendak diharapkan supaya pergi ke seluruh negara untuk memastikan orang-orang yang hendak menyamar sebagai kastam. Jadi, dia kata, "macam mana dia hendak pastikan apabila dia dikehendaki oleh Ketua Pengarah" sedangkan diperjelaskan dalam Akta Pindaan ini bahawa "sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah" bukan yang diminta oleh Ketua Pengarah. "Diarahkan" dengan "diminta" is different. There is no physical presence here. Tidak ada kehadiran secara fizikal. Jadi, janganlah cuba hendak mempersenda-sendakan perkara ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, bukan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: You don't have to talk about this! Dia menghabiskan masa ini!

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi dia kata, "bagaimana hendak memastikan undang-undang ini berkesan kerana Ketua Pengarahnya satu". Persoalannya sekarang, dia kata, "sebagaimana yang diminta oleh Ketua Pengarah" sedangkan undang-undang mengatakan "sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah". Perkataan "diminta" dengan "diarah" is totally different. Kalau you pakar bahasa, you fahamlah bahasa. Tidak tahu bahasakah?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sangka Yang Berhormat Parit yang Sulong menjadi

peguam hari ini. Tidak sangka langsunglah. Bersuara peguam, peguam barulah. Tidak tahulah dia mendapat kelayakan dan ijazah dari mana. *(Ketawa)*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak mahu panjang-panjang. Masalahnya dia pun cuba mentafsirkan undang-undang ini sebagaimana yang dia faham. Sekurang-kurangnya saya ada latar belakang. Saya belajar serba sedikit mengenai undang-undang. You latar belakang medical, janganlah cuba hendak pass judgement on others if you are the one yang berlayak untuk pass judgement itu. Tidak bolehlah macam itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia sama dengan saya sahaja. Kita semua bukan peguam, termasuk Yang di-Pertua sekarang pun bukan peguam. Kita semua bukan peguam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apa salahnya kalau bukan peguam, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak salah, dia hendak jadi peguam. Itulah saya rasa hairan juga. Dia memang peguam, tetapi tidak pergi ke mahkamah peguam ini. *(Ketawa)*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat. Ya, saya beri Timbalan Menteri dahulu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Minta penjelasan sedikit sebab Yang Berhormat dari Kepong ini tak konsisten. Saya faham maksud berkenaan dengan soal Ketua Pengarah ini. Cuma saya hendak tanya, minggu lepas Yang Berhormat ada bertanya soalan kepada Perdana Menteri tentang PETRONAS. Dia tak ada — saya jawab. Yang itu tidak dipertikaikan. Kenapa Ketua Pengarahnya hendak dipertikaikan?

Dr. Tan Seng Giaw: Ini bukan hendak mempertikaikan. "Parit yang Sulong" mempertikaikan. Cuma saya bangkitkan untuk bertanya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana dia dapat menjalankan tugas kerana dia satu-satunya Ketua Pengarah. Itu sahaja saya hendak tanya dan itu — melatah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, saya minta Yang Berhormat fahamlah. Maknanya, Perdana Menteri itu, satu; jadi kalau dia tak ada, saya boleh jawab. Jadi saya rasa prinsip ini Yang Berhormat kena konsistenlah!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya terima prinsip delegation of power, tetapi sebelum saya habis ayat saya, dia dah bangun hendak bidas dan cari pasal! *(Disampuk)* Itulah masalah! Bukanlah apa!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen ini:

"Dalam proses menentukan duti kastam yang boleh dilevi ke atas barang-barang, pegawai kastam yang hak hendaklah, antara lain, menentukan kelas barang-barang yang dalamnya barang-barang berduti atau tak berkastam itu termasuk".

Tuan Yang di-Pertua, memang kita tak boleh elakkan, cuma pegawai-pegawai yang mempunyai latihan yang panjang untuk menaksir dan mengkelaskan barang-barang, tetapi cara untuk orang-orang yang membayar cukai untuk memperbetulkan apa sahaja kesalahan yang dibuat oleh pihak pegawai. Pegawai bukan insan kamil — saya tahu! Walaupun Rompin tidak setuju, tetapi bukan insan yang kamil, boleh membuat kesalahan — salah taksir, salah kelaskan barang-barang itu dan amaun duti pun terlalu besar dan sebagainya dan kita mesti adakan kaedah yang lebih baik dan yang lebih adil untuk mangsa ini. Mereka kata mangsa.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun pula.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan sedikitlah. Saya yakin bahawa seksyen yang disebutkan tadi — ini menunjukkan bahawa kerajaan sensitif kepada pelanggan yang perlu menyelesaikan duti tadi. Bermakna kalau dahulu, tidak boleh menyelesaikan bayaran duti, sekarang boleh bayar duti dahulu, tetapi boleh rayu kemudian. Ini proviso yang baru yang baik. Apa hendak jadikan isu lagi? Ini pernah angkut bawa baranglah — bawa masuk ke dalam negara ini! (*Ketawa*) Atau import kulitkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apa dia mahu sekarang, Tuan Yang di-Pertua? (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Penjelasanlah. Saya kata ini, adakah Yang Berhormat tahu apa Yang Berhormat kata ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Apa dia? Merayau-rayau, meraba-raba! (*Ketawa*) Apa yang dia mahu? Saya pun tak tahulah!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Rayau dan raba itu lain!

Dr. Tan Seng Giaw: Tak tahulah — kedua-dua sekalilah di sini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Parit Sulong bangun. Hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya belum habis satu ayat!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: You tahu tak perkataan “raba” itu eksklusif untuk Kubang Kerian? (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Sangkaan jahat! (*Ketawa*) Sangkaan jahat untuk Kubang Kerian, tetapi mahkamah membebaskan dia! (*Disampuk*) Ini sangkaan jahat. Kubang Kerian tak ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua, “Parit yang Sulong”..... dia sentiasa.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan merayau jauh sangat ini!

Dr. Tan Seng Giaw: Tak, tak jauh. Memang kita mesti menjelaskan di sini. Parit Sulong sentiasa kata, orang yang lain tak ada di sini, jangan kita menuduh dia. Tetapi sekarang, double standardlah! Bermuka talam dua! Bertalam dua muka!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat melencong dari tajuk, saya kena hadkan masa Yang Berhormat berucap.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tak menuduh apa!

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payah hadkan, kita ada satu hari lagi — 3 rang undang-undang sahaja. 3 pun tak banyak. Saya ingat, pada jam 6.30 besok atau sebelum itu, kita sudah habis!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu bukan maksud saya. Sebab nampaknya, ada orang lain juga yang hendak ambil bahagian.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak langsung! Bila saya bangun, tidak ada — satu orang pun tak ada!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ada ada!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Mungkin selepas saya cakap, dia hendak campur tangan. Itu sahaja yang dia buat. Tak ada yang lain!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya pun hendak cakap!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mesti adakan satu saluran yang lebih adil bagi orang yang disalahkan tidak membayar cukai yang betul dan penaksiran, pengkelasan yang tidak betul, kita mesti ada cara yang lebih adil untuk.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Di sini ada cadangan untuk membolehkan orang yang tidak berpuas hati dengan sesuatu pengelasan atau penilaian membayar duti dengan bantahan. Cara bantahan ini — bagi saya itu penting. Apakah prosedur bantahan ini yang diberi kepada pihak

yang membayar cukai kerana ini bukan satu perkara yang simple Yang di-Pertua. Mungkin pembayar cukai ini tinggal di Bukit Kayu Hitam. Mungkin dia tinggal di Kuala Lumpur — jauh-jauh dan kita mesti ada cara yang memudahkan pembayar cukai ini supaya mengemukakan bantahan.

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab apakah cara untuk membantah dan tempoh yang diperlukan untuk menyelesaikan bantahan? Adakah ini dalam tempoh satu minggu — antara satu bulan dan aduan atau bantahan yang dikemukakan, adakah satu had masa? Sama ada bantahan ini mesti dikemukakan dalam tempoh satu minggu ataupun tidak ada had masa untuk mengemukakan bantahan? Ini memang perlu kita menjelaskan cara membantah kerana tidak puas hati dengan sesuatu pengkelasan.

Mengenai seksyen 13B yang dicadangkan bertujuan membolehkan Ketua Pengarah membuat keputusan mengenai apa-apa soalan tentang pengelasan yang dirujuk kepadanya. Kalau pengelasan itu melibatkan wang yang begitu banyak, adakah pihak Ketua Pengarah layak untuk membuat keputusan mengenai soalan ini sekiranya wang yang terbabit itu terlalu besar — memang, mungkin setengah juta ringgit.

Bolehkah Ketua Pengarah membuat keputusan — ini satu pengelasan yang betul. Adakah mungkin orang yang tidak puas hati, dia hendak cari saluran yang lain kerana dia menganggap pihak Ketua Pengarah tidak layak untuk membuat keputusan dengan begitu sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan. Yang Berhormat dari Kepong sedarkah ini adalah dua peruntukan yang baru. Sekurang-kurangnya kerajaan menyedari bahawa sebelum ini tidak ada saluran untuk pelanggan-pelanggan meyalurkan rasa tidak puas hari terhadap pengkelasan. Jadi, adakah Yang Berhormat mahu menghargai hakikat kerajaan mewujudkan dua peruntukan baru ini sebelum Yang Berhormat mempersoalkan perkara-perkara yang lebih terperinci? Dari pandangan Yang Berhormat dari Kepong, apakah pandangan Yang Berhormat yang harus dibuat — apakah cadangan yang Yang Berhormat hendak kemukakan dalam Dewan yang mulia ini?

Dr. Tan Seng Siaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berminat dengan cadangan yang baru ini. Mungkin selepas komen saya pada masa hadapan akan diadakan pindaan lain lagi untuk memperbetulkan keadaan atau mempertambahkan saluran. Mungkin satu peruntukan untuk mengemukakan masalah ke mahkamah — satu cara. Kalau amaun yang terlibat itu besar. “Parit yang Sulong” itu cuma hendak ganggu sahaja. Ini memang, Tuan Yang di-Pertua, satu saluran, mungkin peruntukan untuk mengemukakan masalah ini ke mahkamah satu cara yang betul untuk menambahkan saluran yang boleh digunakan oleh orang yang tidak berpuas hati dengan pengkelasan.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu cadangan:

“..... memperuntukkan bahawa jika Ketua Pengarah telah membuat suatu keputusan di bawah seksyen 13B atau 22, maka pengemukaan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan keputusan itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan

dan hendaklah menjadi keterangan mencukupi mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya tanpa perlu memanggil Ketua Pengarah untuk memberi keterangan dalam mahkamah”.

Ini memang saya tidak begitu puas hati, apakah maksudnya. Adakah ini bermakna orang yang tidak berpuas hati tidak boleh pergi ke mahkamah langsung. Itu tafsiran sayalah. Tidak boleh pergi ke mahkamah langsung. Kalau inilah yang dimaksudkan, saya tidak setuju. Kalau tidak puas hati dan keterangan Ketua Pengarah itu sudah muktamad. Tidak boleh disoal lagi. Macam mana boleh macam itu? Sebelum Rompin dan “Parit yang Sulong” hendak menyoal saya, kita tidak baca dengan teliti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, mereka berdua ini tidak menyoal Yang Berhormat. Janganlah Yang Berhormat cuba hendak beri peluang sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Berjalan keluar Dewan*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak beri peluang langsung. Dia soalkan kenyataan saya sebelum ini. Itu — dia lari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan apakah maksud, adakah ini bermakna orang yang tidak berpuas hati tidak boleh pergi ke mahkamah? Kalau itu, saya tidak setuju dan Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan untuk membolehkan Ketua Pengarah.....

Tuan Tue Si @ Chang See Ten: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Gelang Patah bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: “Gelang yang patah”. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Gelang Patah. Bukan “gelang yang patah”.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa dia mahu, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia minta laluan.

Tuan Tue Si @ Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong. Di mana seksyen terkandung di dalam akta ini yang mana melarang seseorang yang tidak puas hati tentang pengkelasan tidak boleh bawa ke mahkamah. Memang tidak disebut di sini. Yang Berhormat dari Kepong cuba hendak mengelirukan kita. Cuma di sini disebut yang dikelaskan oleh Ketua Pengarah boleh diterima sebagai keterangan dalam mahkamah tetapi tidak sebut orang ramai yang tidak puas hati tidak boleh bawa ke mahkamah. Mereka boleh bawa tetapi Yang Berhormat Kepong kata tidak boleh. Mana seksyen? Saya harap dia boleh jelaskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak Yang Berhormat “gelang yang patah” ini sudah menjadi Menteri atau Timbalan Menteri untuk menjawab. Saya minta penjelasan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia bukan hendak jawab. Dia soal.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia soal sahajakah? Kalau patah gelang, macam mana hendak soal lagi? (*Ketawa*) Dia tidak begitu faham apa yang disebutkan tadi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu. Timbalan Menteri bangun.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kepong, saya agak terkeliru sedikit. Yang Berhormat baca di mana yang mengatakan iaitu bahawa Ketua Pengarah tidak boleh dipanggil untuk memberikan bukti (evidence). Walhal kalau 22A kita baca, ia ada sebut “unless the court otherwise orders”. Maknanya boleh. Jadi, saya dengar saya confuse. Sebab dalam benda ini kata boleh, “unless the court otherwise orders”. Maknanya mahkamah boleh. Bukan tidak boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun hairan juga kerana Yang Berhormat ini walaupun peguam tetapi tidak pernah pergi ke mahkamah. (*Disampuk*)

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya minta Yang Berhormat Kepong, sila sebut di mana. Sebab saya membaca juga, saya percaya itu Rang Undang-undang yang sama. Yang Berhormat kata ia tidak boleh dipanggil. Tetapi kita tahu kalau kita baca sampai habis, jangan baca sekerat. Kalau kita baca sampai habis ia kata, “.....Director General shall not be required to give evidence in respect of such decision unless the court otherwise orders”. Maknanya mahkamah itu boleh, bukan tidak boleh. Jadi, saya takut saya tersilap baca di mana.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini adalah penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya minta maaf. Boleh saya tanya? Saya bukan hendak buat penjelasan, saya hendak tanya yang mana Yang Berhormat baca ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya baca di sini.....

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 22A kah?

Dr. Tan Seng Giaw: 22A lah.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Samalah. Jadi Yang Berhormat yang keliru. Tidak betul kata, "tidak boleh dipanggil". Sebab mahkamah boleh panggil dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh panggil dia.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya! Bacalah betul-betul.

Seorang Ahli: Mata tidak terangkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Di sini kata tidak boleh. (*Ketawa*)

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh, ".....unless the court otherwise orders". (*Ketawa*) Macam mana ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Di dalam ini ".....tanpa perlu memanggil Ketua Pengarah untuk memberi keterangan dalam mahkamah".

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: "Unless the court otherwise orders".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong, saya rasa apa Yang Berhormat Kepong baca itu adalah dari Huraian.

Dr. Tan Seng Giaw: Huraian sahaja ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu yang saya nampak. (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Kepong tak ada bacakah?

Seorang Ahli: Merayau-rayau.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Pokok Sena bangun.

Wan Hanfiah bin Wan Mat Saman: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Seseorang Ahli Pembangkang yang telah diarah oleh Ketua Pembangkang untuk melengahkan Dewan hendaklah dihambat keluar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu saya rasa tidak ada dalam Peraturan Mesyuarat. (*Ketawa*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya hendak cadangkan supaya diadakan dalam Peraturan Mesyuarat. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau sesuatu Peraturan Mesyuarat itu memang tidak wujud, janganlah Yang Berhormat sebutkan. (*Ketawa*) Berilah penghormatan yang wajar kepada Peraturan Mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sejak "Kota Setar" menjadi "Pokok Sena", teruklah. Sangat teruk. Kerana fikiran itu songsang. Songsang sama sekali. Tidak dapat bercakap dengan betul. Saya cuma minta Yang Berhormat, betul jugalah apa yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Saya baca mengenai Huraian dan kali ini, kali yang pertamalah Yang Berhormat Timbalan Menteri tunjuk kepada paragraph yang betul.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Parit Sulong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak cakap dengan Parit Sulong. Apa masalah dia?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Adakah dia mahu mengucapkan terima kasih dan minta maaf?

Dr. Tan Seng Giaw: Apa hendak minta-minta.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tadi dia sudah kata tidak boleh bawa ke mahkamah, lepas itu apabila Timbalan Menteri cakap, dia tidak ucap terima kasih. Lepas itu dia kena minta maaf. Gentleman.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa gentleman pula? Saya minta.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Inilah fiil DAP.

Dr. Tan Seng Giaw:penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:you ini macam baca hadis sekerat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sabar. Sabar.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Bukan Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia minta maaf dulu. Tersalah. Dia tidak baca teks.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, perkataan "you" itu cuba elakkan Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, saya patuh.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia sengaja menggunakan perkataan seperti itu. Tidak boleh. Tabiat manusia songsang susah hendak tukar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa suntuk. Esoklah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat boleh sambung esok tetapi saya minta Yang Berhormat cuba padatkan ucapan. Jangan merayau jauh sangat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak merayau. Saya akan menumpukan perhatian yang sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 mlm.